



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambaban (1979)

Jawatankuasa:

Jadual:

Maksud B. 38, B.41, B.42 dan B. 43 [Ruangan 11888]

Maksud B. 47 [Ruangan 11891]

Maksud B. 52 [Ruangan 11923]

Maksud B. 54 dan B. 60 [Ruangan 11927]

Maksud B. 61 [Ruangan 11947]

Maksud B. 66 [Ruangan 11949]

Rang Undang-undang Taman Negara [Ruangan 11964]

Rang Undang-undang Timbangtara (Pindaan) [Ruangan 11986]

Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) [Ruangan 11989]

Rang Undang-undang Racun (Pindaan) [Ruangan 11991]

**Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak)
(Pindaan) [Ruangan 11998]**

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 11956]**

KANDUNGANNYA—(samb.)

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979

Jawatankuasa:

- Maksud P. 47 [Ruangan 11891]**
- Maksud P. 54, P. 55 dan P. 56 [Ruangan 11927]**
- Maksud P. 61 [Ruangan 11947]**
- Maksud P. 65 [Ruangan 11948]**
- Maksud P. 66 [Ruangan 11949]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parliment

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (Dr) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO
HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan
Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI
ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI
DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K.,
S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AJSHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN
MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K.
(KOTA BHARU).

„ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J.
(Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD
BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P.,
J.M.N. (Jerantut).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN
OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK
IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO
YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai
Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN,
K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI
KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P.,
J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI
HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
J.B.S.(Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO'
HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK
(Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M.
SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK
SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K.
PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW
SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata
Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO'**
SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K.,
P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN
ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- " Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah,
TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N.,
A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED
NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala
Krai).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN
HON NGIAN (Renggam).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN
ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL
JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu
Pahat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI
EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN
SHAHRRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN
ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan
Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T.,
S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN
ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-
kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD.
KASSIM alias YAHYA BIN AHMAD (Machang).

Yang Berhormat TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).

- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).**
- „ **TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).**
- „ **TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).**
- „ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).**
- „ **DATUK PATINGGI TAN SRI (Dr) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).**
- „ **TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).**
- „ **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).**
- „ **TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).**
- „ **TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).**
- „ **DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).**
- „ **TUAN AU How CHEONG (Telok Anson).**
- „ **TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).**
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).**
- „ **TUAN BUJANG BIN HAJI ULIŠ (Simunjan).**
- „ **TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).**
- „ **TUAN CHAN KOK Kit *alias* CHAN Kit (Sungai Besi).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- „ **DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).**
- „ **PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN V. DAVID (Damansara).**
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).**

Yang Berhormat TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).

- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).**
- „ **TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).**
- „ **TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).**
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).**
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).**
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- „ **TUAN P. PATTO (Menglembu).**
- „ **TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).**
- „ **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).**
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).**
- „ **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).**
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).**
- „ **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).**
- „ **DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).**
- „ **DR TAN TIONG HONG (Kepong).**
- „ **TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**

Yang Berhormat TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).

- ,, **DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).**
,, **TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).**
,, **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).**
,, **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S.(Padawan).**
,, **TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).**
,, **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 11hb Disember, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*Maksud B. 38, B. 41, B. 42, dan B. 43
(Jadual)—**2.35 ptg.*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan
Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1979)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 3), 1979*Jawatankuasa*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979) dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (10hb Disember, 1979).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Waktu Majlis ini ditangguhkan pada petang semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sepatutnya memberikan jawapannya, sekarang saya jemput Yang Berhormat menjawabnya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj): Tuan Pengurus, bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sukalah saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telahpun bercakap atas Kementerian ini dalam membahaskan hal-hal mengenai perbelanjaan tambahan yang mana memberi syor-syor dan teguran-teguran yang mana pihak Kementerian akan mengambil perhatian.

Untuk memberi sedikit sebanyak keterangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberi saranansaranan mereka itu, sukalah saya memberi sedikit sebanyak keterangan di atas syor-syor dan saranan Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang meminta supaya pihak Kementerian memberi tumpuan yang berat supaya hukuman-hukuman yang lebih berat juga dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah. Dalam hubungan ini sukalah saya menyatakan pihak Kerajaan dan Kementerian sekarang sedang dalam proses menimbangkan kemungkinan menggubalkan undang-undang bagi membolehkan harta benda pengedar-pengedar dadah dirampas. Ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam Undang-undang Dadah Merbahaya, 1952 septicmana hukuman mati dan penjara seumur hidup dengan memberi satu pukulan yang semakin hebat dalam menghapuskan pengedar dadah dan menjadikan perbuatan pengedar ini tidak mendatangkan apa-apa faedah lagi bahkan paling merugikan.

Berhubung dengan penubuhan cawangan-cawangan PEMADAM di peringkat-peringkat negeri dan juga peringkat-peringkat daerah, sememangnya lah PEMADAM telah sedia ada mempunyai pertubuhan-pertubuhannya di peringkat-peringkat negeri dan di peringkat-peringkat daerah ataupun cawangan iaitu sebanyak 14 buah bahagian PEMADAM diadakan di peringkat negeri termasuk Wilayah Persekutuan dan sebanyak 75 cawangan di daerah-daerah di samping 14 buah bahagian di peringkat negeri termasuk Wilayah Persekutuan itu. Tetapi dalam melengkapkan anggota-anggota dan pegawai-pegawai maka semua PEMADAM peringkat negeri menurut undang-undang diadakan pegawai-pegawai khasnya Setiausaha yang bertugas menjalankan pentadbiran tetapi hanya 7 orang Setiausaha PEMADAM di beberapa negeri sahaja yang diadakan Setiausaha yang berupa penuh masa bekerja iaitu bagi negeri-negeri yang bergiat sepenuhnya menjalankan tugas-tugas PEMADAM seperti mengadakan ceramah-ceramah dengan banyaknya dari satu masa ke satu masa, juga usaha-usaha pemulihan serta juga usaha-usaha menasihat (half-way house, counselling and after-care). Bahagian-bahagian ini, sukalah saya menyatakan iaitu termasuklah bahagian yang ada Setiausaha sepenuh masa seperti Bahagian Wilayah Persekutuan, Bahagian-bahagian Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Pulau Pinang dan juga Negeri Perlis.

Selain daripada itu Setiausaha-setiausaha PEMADAM yang lain adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang ditugaskan berkhidmat sebagai Setiausaha Kehormat yang diberi eluan kepada mereka itu sahaja dan pihak Kerajaan dan PEMADAM bercadang sekiranya kegiatan-kegiatan bahagian-bahagian ini bertambah, akan diberikan pegawai-pegawai ataupun Setiausaha-setiausaha sepenuh masa.

Ahli Yang Berhormat dari Panti telah bercakap juga berhubung dengan kegiatan PEMADAM dan meminta semoga pegawai-pegawai PEMADAM Negeri Johor dapat ditambah.

Berhubung dengan cadangan untuk menambah pegawai-pegawai PEMADAM di

Negeri Johor, saya memang sedar bahawa permohonan dari PEMADAM untuk mendapat seorang Setiausaha Kerja sepenuh masa. Permohonan ini telahpun diluluskan oleh Ibu Pejabat PEMADAM dan bagi lain-lain pegawai setakat ini pihak PEMADAM belum lagi membuat apa-apa permohonan untuk pertambahan bagi pegawai-pegawai yang lain untuk cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian di negeri Johor itu.

Setakat ini juga untuk makluman negeri-negeri yang giat menubuhkan cawangan-cawangan PEMADAM adalah mengandungi semua negeri dan cawangan-cawangan PEMADAM selain daripada 14 itu ialah 35 iaitu negeri Johor 8, Kedah 7, Kelantan 8, Melaka 3, Negeri Sembilan 6, Perlis 1, Pahang 9, Perak 12, Selangor 9, Trengganu 6, Pulau Pinang 1 cawangan dan Wilayah Persekutuan 5, menjadikan jumlah 35 cawangan. Maka diharap kegiatan-kegiatan PEMADAM akan dapat dipesatkan lagi atas usaha-usaha dan perhatian yang sama-sama diharapkan boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri dan juga Badan-badan Sukarela termasuklah Wakil-wakil Rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga menyentuh sedikit sebanyak berhubung dengan kebenaran bagi mendaftar pertubuhan-pertubuhan supaya pihak Kerajaan dan Kementerian waspada pada mendaftar pertubuhan-pertubuhan ini.

Dalam hubungan ini, sukalah saya mengatakan sebagai negara kita Malaysia sebuah negara yang menganuti cara-cara demokrasi berparlimen, maka Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan perkara-perkara mengenai kebebasan warganegara untuk menubuhkan persatuan-persatuan dan dengan ini tidaklah diadakan setakat dengan sewenang-wenangnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan memanglah meneliti dengan halusnya tiap permohonan bagi sesuatu pertubuhan yang hendak didaftarkan dan hanya akan diluluskan setelah Kerajaan puashati bahawa permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan mengikuti peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada tidak kira sama ada pertubuhan itu pertubuhan politik atau pertubuhan sukarela atau pertubuhan-pertubuhan biasa. Sekiranya mana-mana pihak dalam sesuatu

pertubuhan melanggar objektif atau undang-undang pertubuhan persatuan itu sendiri atau undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang ada maka tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga menyentuh berhubung dengan Pejabat Pendaftaran Negara. Dalam hubungan ini sememanglah Pejabat Pendaftaran Negara minta peruntukan bagi pemindahan pejabatnya dari pejabat lama ke pejabat yang baru iaitu dengan adanya tambahan ruangan pejabat dan keselesaan bekerja dalam pejabat itu maka keadaan akan lebih selesa dan memanglah ini akan memberi kesan kepada peningkatan kecekapan urusan bagi pejabat itu.

Saya rasa setakat itulah sahaja jawapan yang dapat saya berikan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya wang yang berjumlah \$3,413,343 untuk Maksud Kepala B. 38, B. 41, B. 42, B. 43 bagi Anggaran Belanja Tambahan Pertama, Belanja Mengurus 1979 dijadikan sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$236,000 untuk Maksud B. 38, \$6,000 untuk Maksud B. 41, \$1,375,343 untuk Maksud B. 42 dan \$1,800,000 untuk Maksud B. 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Perlimen Kementerian Penerangan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tambahan.

Maksud B. 47 (Jadual)—

Maksud P. 47 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979—

2.47 ptg.

Setiausaha Perlimen Kementerian Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sebanyak \$1,085,000 di bawah Maksud B. 47 Jabatan Penerangan dan wang sebanyak \$482,269 di bawah Maksud P. 47

Jabatan Penerangan dijadikan sebahagian daripada Perbelanjaan Tambahan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1979 untuk diluluskan.

Keterangan mengenai peruntukan tambahan yang dipohonkan ini adalah terkandung di Kertas Perintah 28/78 muka surat 13 dan Kertas Perintah 30/79 muka surat 8.

Tuan Pengerusi, saya berharap butir-butir di bawah Maksud B. 47 dan P. 47 itu diluluskan.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan sebanyak \$1,085,000 adalah dikehendaki di bawah peruntukan Perkhidmatan Bekalan Jabatan Penerangan yang bertujuan untuk menggiatkan lagi kerja-kerja penerangan oleh kerana seperti biasa semasa pilihanraya Jabatan Penerangan semestinya mengambil bahagian untuk pilihanraya itu berjalan secara betul dan teratur dan publisiti diberi supaya semua rakyat di Sarawak yang layak keluar mengundi.

Butir-butirnya adalah seperti dalam Kertas yang dikemukakan kepada Perbendaharaan bagi pilihanraya itu. Tambahan peruntukan bagi Anggaran Pembangunan sebanyak \$480,269 adalah untuk menyelesaikan bagi bayaran atas pembelian 3 unit pentas bergerak dan 12 unit bergerak bentuk baru termasuklah alat-alat kelengkapan yang telah dibekalkan dalam tahun 1978.

Berikutan dengan keputusan Kerajaan hendak membuat pembelian kereta-kereta itu sekali gus dan tidak beransuran dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga maka peruntukan bagi pembelian yang tidak disediakan dalam tahun 1978 bagi dibelanjakan dalam tahun 1979 perlulah didapati secara peruntukan tambahan.

Tuan Pengerusi, saya mohon butir-butir peruntukan yang disebutkan tadi diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P. 47 tidak menjadi sebahagian daripada Jadual di bawah Anggaran Belanjawan Tambahan Pembangunan. Sudah termasuk dalam keterangan tadi?

Dato Haji Embong bin Yahya: Sudah.

Tuan Pengerusi: Tetapi Maksud P. bukan menjadi sebahagian daripada Jadual hanya Maksud B. sahaja. Baiklah. Kalau sudah bermaksud dalam keterangan ini, cukuplah.

Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi Maksud B. 47 dan Maksud Pembangunan P. 47 di bawah Kementerian Penerangan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Yang Berhormat dari Petaling.

2.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, saya mahu menyentuh Maksud B. 47 Jabatan Penerangan di mana terdapat permintaan untuk peruntukan tambahan sebanyak lebih daripada \$1 juta untuk perkhidmatan dan bekalan yang bertujuan untuk mempergiatkan lagi kerja-kerja penerangan supaya semua rakyat di Sarawak yang layak, keluar mengundi. Adalah sangat terang kegiatan ini di mana peruntukan tambahan dimohon sekarang ialah berkaitan dengan pilihanraya besar baru-baru ini yang diadakan di negeri Sarawak dan seperti dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen seperti biasa apabila ada pilihanraya besar, Jabatan Penerangan ada menjalankan kegiatan-kegiatan supaya menyuruh rakyat keluar mengundi atau memberi keterangan mengenai proses pilihanraya.

Inilah satu kegiatan yang patut dan tidak ada apa-apa tentangan. Tetapi seperti biasa apabila ada pilihanraya besar ataupun pilihanraya kecil, Jabatan Penerangan bukan sahaja menjalankan kegiatan-kegiatan untuk menunjukkan ataupun menerangkan proses pilihanraya kepada pengundi-pengundi tetapi memainkan peranan sebagai alat propaganda am Barisan Nasional untuk mendapat undi-undi untuk Barisan Nasional. Sudah berlaku di dalam pilihanraya besar di Sarawak. Begitu juga dalam pilihanraya kecil Pelabuhan Kelang.

Apa yang saya mahu menitik beratkan di sini ialah adalah sangat mustahak satu perbezaan yang harus diakui dan diiktiraf oleh pihak pemerintah ialah Kerajaan, Barisan Nasional ialah Barisan Nasional, khasnya apabila negara dan pengundi-

pengundi berada dalam proses mengundi salah guna kuasa berlaku di mana jentera-jentera Kerajaan diperalatkan untuk faedah, kepentingan satu parti politik dan sangat malangnya bahawa point yang sangat simple ini tidak difahami oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang semalam pun kita mendapat satu contoh di mana satu perkara yang sangat simple iaitu tidak boleh berlaku salah guna kuasa jentera-jentera dan kemudahan-kemudahan Kerajaan untuk kepentingan parti politik termasuk parti yang memerintah tidak difahami.

Yang berlaku semalam di mana Dewan menjadi hangat oleh kerana perkara peruntukan \$100,000 bagi pembangunan untuk kawasan-kawasan Barisan Nasional di mana ada dikatakan sebagai justified bahawa ini adalah patut oleh kerana kawasan-kawasan Barisan Nasional mundur tetapi sebaliknya

Tuan Pengerusi: Ini sudah cukup perbahasan semalam, jangan sambung-sambung lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ini sebagai contoh.

Tuan Pengerusi: Saya tidak benarkan! jangan ulang.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita tahulah salah guna kuasa bermaharajalela dan dalam perkara ini atau di mana-mana perkara lain kita mahu adakan satu debate secara terus terang tentulah hujjah-hujjah yang bukan datangnya dari pihak Barisan Nasional didengar.

Menyentuh hal ini dalam maksud B. 47 di masa depan saya berharap tidak akan berlaku lagi salah guna kuasa di mana Jabatan Penerangan menjadi satu alat propaganda am.

Baru-baru ini pilihanraya kecil Pelabuhan Kelang ada disebutkan dalam Dewan ini di mana terdapat risalah-risalah (booklets) di mana Hua Ku Feng, Perdana Menteri China dicap khas di muka depan untuk pilihanraya kecil di Pelabuhan Kelang. Sungguhpun dalam jawapannya, Timbalan Menteri Penerangan menafikan tetapi dia tidak berani menjelaskan kepada saya oleh kerana dibelakang buku itu ada cap sangat terang,

ada tarikh, second edition khas untuk by-election ini dikeluarkan pada bulan November. Inilah satu contoh yang sangat jelas di mana ada berlaku salah guna kuasa di mana wang-wang rakyat digunakan untuk kepentingan parti-parti pemerintah. Ini bukan sahaja bertentangan dengan konsep keadilan, konsep demokrasi yang menunjukkan bahawa dalam pandangan Barisan Nasional simbol dacing mereka ialah "satu kati sepuluh tahil sahaja."

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

2.55 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin ikut serta di dalam membahaskan Maksud B. 47 Jabatan Penerangan.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa di dalam sistem pilihanraya kita ini pilihanraya merupakan kadang-kadang kemuncak kepada sistem kita di mana selalu pilihanraya umum ataupun pilihanraya kecil kita memilih wakil-wakil rakyat yang akan bertanggungjawab kepada negara ini buat waktu-waktu yang tertentu.

Memandangkan hakikat inilah, Tuan Pengerusi, segala usaha hendaklah dijalankan supaya rakyat keluar mengundi.

Rakyat benar-benar faham cara mereka hendak mengundi dan seterusnya rakyat ataupun pemilih-pemilih hendaklah benar-benar sedar tentang masa mengundi, tata tertib mengundi dan sebagainya.

Saya terpaksa sebut perkara ini, bukan kerana memandangkan bahawa sekejap tadi Ahli dari Petaling telah menyebut tentang soal-soal yang pernah berlaku di masa pilihanraya kecil dan masa pilihanraya besar di Sarawak tetapi memandangkan bahawa setakat hari ini saban kali kita mengadakan pilihanraya maka saat itulah kita dapat masih ramai lagi pemilih-pemilih yang merosakkan undi mereka setiap kali pilihanraya. Jadi kalau hendak diingatkan bahawa pilihanraya di negara ini bermula pada tahun 1955 bahkan tidak kurang sampai hari ini lima atau enam kali pilihanraya di setengah-setengah

tempat, maka tidak sepatutnya masih ada lagi kertas-kertas undi yang rosak.

Hakikat bahawa ujudnya masih ada kertas undi yang rosak ini, maka keperluan timbul daripada Jabatan Penerangan untuk memberi penerangan yang seluas-luasnya kepada semua pemilih-pemilih atas pengundi-pengundi supaya undi yang mereka buangkan itu adalah benar-benar berfaedah dan tidak disia-siakan dalam erti kata mungkin jadi satu undi yang rosak.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, selain daripada pihak Jabatan Penerangan memberi penerangan secara lisan ataupun memberitahu secara tulisan kepada orang-orang yang akan mengundi, tetapi hendaklah juga diperbanyakkan soal poster-poster, cara-cara mengundi, cara hendak memangkah. Tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa masih lagi tidak terlewati kalau kita hendak mengajar pengundi-pengundi cara memangkah memandangkan perkara yang saya sebutkan sekejap tadi, bahawa masih banyak lagi orang yang mengundi salah yakni setengahnya itu mengundi di belakang ataupun di luar daripada ruangan yang berkenaan. Terutama sekali, perkara ini berlaku di kawasan-kawasan luar bandar. Saya tidak risau kalau sekiranya orang-orang bandar tidak tahu mengundi, kerana orang bandar ini mungkin apabila mereka mengundi salah, mungkin ada sesuatu motif yang tertentu. Itu soal lain. Apatah lagi, kalau sekiranya di dalam kawasan Sarawak seperti mana yang disebut di dalam B. 47 ini, perkara ini adalah penting.

Tuan Pengerusi, kita membanggakan sistem demokrasi berparlimen. Maka untuk sampai keperingkat ini masalah mengundi, pengundi, dan keterangan yang seluas-luasnya adalah penting. Jadi, adalah menjadi tugas pihak Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat-maklumat ini kepada pihak yang berkenaan. Di samping itu saya rasa tidak keterlaluan dan adalah penting sekali bahawa sepanjang masa diadakan pilihanraya selain daripada diadakan poster-poster yang saya sebutkan tadi maka perlu dikeluarkan buku-buku kecil ataupun risalah-risalah sama ada buku-buku kecil ini dikeluarkan di dalam Bahasa

Malaysia bagi keperluan umum ataupun juga di dalam bahasa-bahasa lain bagi keperluan setengah-setengah bahagian daripada masyarakat kita yang tidak begitu berkemampuan untuk memahami bahasa Malaysia.

Perkara yang kedua, saya hendak menyentuh mengenai P. 47 iaitu Butiran 1-Yunit Berkereta.

Saya dapati Yunit Berkereta iaitu apa yang dikatakan pentas bergerak yakni wang sebanyak \$482,269 dikehendaki untuk tiga yunit pentas bergerak dan 12 yunit bergerak bentuk baharu yang telahpun dibekalkan dalam tahun 1978. Saya dapati perkara ini amat berkesan sekali. Berkesan dalam ertikata, selain daripada ianya dapat menarik orang-orang di kawasan-kawasan luar bandar untuk menyaksikan berbagai bahan kebudayaan kita yang dipentaskan oleh yunit bergerak ini maka secara tidak langsung ada mesej-mesej yang tertentu yang hendak disampaikan oleh pihak Kerajaan untuk rakyat yang disalurkan melalui Jabatan Penerangan.

Umpamanya, Tuan Pengerusi, tentang bahaya penyalahgunaan dadah. Seterusnya saya dapati juga daripada pengalaman saya sendiri melihat satu pertunjukan daripada yunit pentas bergerak ini dimasukkan juga perkara-perkara dalam soal moral misalnya bagaimana cara menghormati orang dewasa atau orang tua ataupun cara-cara duduk, cara makan dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang baik. Cuma saya hendak cadangkan kepada Jabatan Penerangan dalam masalah ini seboleh-bolehnya di dalam sesuatu mesej atau sesuatu pementasan atau drama yang hendak dipentaskan, saya minta supaya kalau boleh janganlah kita banyakkan sangat mesej yang hendak kita sampaikan itu, kerana kadang-kadang kalau terlalu banyak mesejnya mungkin tidak sampai kepada orang yang hendak disampaikan itu. Ianya mungkin boleh menjemukan.

Seterusnya dalam hal ini, Tuan Pengerusi, mungkin pementasan yang pernah saya lihat itu mungkin yang paling tidak elok ataupun yang paling elok, itu terpulanglah kepada penilaian masing-masing. Saya dapati kadang-kadang dalam sesuatu babak itu

terlalu panjang dengan dialog dan mempunyai decoration yang begitu lebih kurang sama daripada satu babak kepada satu babak. Jadi, dipentingkan bahawa seolah-olah dalam pementasan ini adalah dialog di antara pelakun-pelakun atau watak-watak tetapi bukannya sangat soal pergerakan pelakun-pelakun atau watak-watak. Soal ini, mungkin sesuai kalau kita hidup di dalam Victorian age di mana orang sukaan Shakespeare, drama dan sebagainya bagi mereka yang tinggal di luar bandar, mereka tidak hendak sangat dengar dialog-dialog yang mempunyai berbagai mesej ini tetapi mereka datang adalah hendak melihat drama, hendak mendengar nyanyian, hendak melihat tarian atau sebagainya. Jadi dialog hendaklah dikurangkan sedikit.

Saya amat tertarik hati kepada iklan di Radio, kadang-kadang tengah-tengah diadakan nyanyian, ia berhenti sekejap untuk siaran iklan, umpamanya, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Ini boleh menarik perhatian golongan muda dan juga kanak-kanak dan mesej yang sebenarnya hendak kita sampaikan ialah kepada kanak-kanak ataupun kepada orang-orang dalam golongan belia. Jadi, kurangkan sedikit, syaratkan dialog-dialog yang panjang-panjang dan kalau boleh banyakkan action sedikit dalam pertunjukan-pertunjukan pentas ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya bahan-bahan yang dimasukkan dalam yunit pentas bergerak ini seboleh-bolehnya hendaklah kita selitkan dengan bahan-bahan kebudayaan tempatan. Misalnya kalau di sebelah Johor, kita masukkan 'gazal' ataupun di Melaka 'dondang sayang', di Kelantan dan Trengganu 'dikir barat', 'makyong' dan sebagainya. Ini adalah satu cara untuk menarik perhatian orang-orang tempatan dan disamping itu bolehlah kita selitkan dengan mesej yang hendak kita sampaikan umpamanya seperti mana saya maksudkan tadi soal penyalahgunaan dadah. Di samping itu juga kita masukkan tentang soal-soal keselamatan dan lain-lain perkara yang sepatutnya diterangkan oleh pihak Jabatan Penerangan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja satu dua perkara yang saya rasa patut di

pertimbangkan oleh Kementerian Penerangan. Di samping itu, saya mengharapkan supaya unit pentas bergerak ini hendaklah kita tambahkan lagi, tidak mencukupi, saya rasa melalui tiga campur dua belas sebagaimana yang terdapat dalam peruntukan ini atau permintaan kewangan ini, kita tambahkan supaya kita mempunyai banyak yunit dan berpasukan dan sekali-sekali kalau dibahagikan 4 pasukan, timur, barat, selatan dan utara, kita tukar gantikan di antara satu dengan lain mudah-mudahan orang-orang kita di luar bandar banyak kali dapat melihat pementasan-pementasan ini dan dengan cara demikian selain daripada kita dapat menunjukkan bahan-bahan kebudayaan kita dan untuk menggalakkan di kalangan masyarakat kita sendiri, kita juga dapat menyampaikan mesej-mesej yang terdapat yang hendak kita sampaikan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading.

3.08 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Mas Gading): Tuan Pengerusi, saya ingin meneman kawan saya yang baharu sahaja habis perbahasan dalam perkara yang berbangkit dari peruntukan yang diminta ini mengenai bahan-bahan yang dikeluarkan kepada umum oleh Jabatan Penerangan.

Saya melihat pada Kertas Perintah ini di muka 17 bahawa semua butir-butir mengenai kedudukan dan kegiatan Jabatan tersebut di negeri Sarawak.

Saya ingin menyentuh di sini bahawa terdapat di negeri Sarawak sekarang kemudahan TV telah menyebabkan begitu minatnya rakyat tiap-tiap petang datang ke rumah orang yang ada mempunyai TV terutama sekali di kawasan luar bandar untuk mendengar berita dan menengok keadaan di sekeliling seluruh negara kita.

Saya ingin menyebutkan di sini bahawa bahan yang sekarang dihantar kepada rakyat melalui saluran itu ataupun dari Radio ialah selalunya bahan-bahan yang terdapat daripada bandar-bandar dan pekan-pekan besar sahaja sehingga sekarang terdapat TV

Malaysia yang dipancarkan ke negeri Sarawak dari Sabah itu mengadakan program-program hanya untuk memberi gambaran yang ada di negeri Sabah dalam tempoh satu jam tiap-tiap petang itu hanya perkara Sabah sahaja yang disiarkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya perkara ini dikaji lebih mendalam lagi dan menggunakan saluran-saluran yang ada pada Kerajaan ini untuk menyampaikan kepada umum bahan-bahan bukan sahaja yang terdapat di bandar bahkan lebih lagi keadaan yang mundur, keadaan yang begitu penuh dengan cabaran yang ada berterusan di kawasan-kawasan pendalaman.

Saya lebih berminat lagi kalau TV atau Radio ini selalu mengadakan program yang menggambarkan kawasan luar bandar itu bukannya pada kawasan mundur, bukannya kawasan yang tidak dapat memberi keadaan kehidupan kepada pemuda pemudi bahkan kawasan itu juga boleh membiayai kehidupan pemuda pemudi lebih-lebih lagi mereka yang lepasan sekolah yang begitu ramai sekarang.

Saya kesal kepada keadaan sekarang bahawa oleh kerana laporan-laporan dan berita-berita yang telah diberi selama ini kepada rakyat umum adalah menunjukkan bahawa semua yang ada, semua yang kaya, semua yang baik, semua yang patut terdapat di bandar, terdapat di pekan. Ini hanya mungkin telah menyebabkan kebanyakan muda-mudi yang sekarang berhijrah ke bandar untuk mencari nasib mereka di situ. Mungkin kalau kita tukar sikap ini dan ini mungkin juga memerlukan bertambahnya pegawai-pegawai dan bertambah juga perbelanjaan. Tetapi saya rasa, kalau perbelanjaan dan bertambahnya pegawai-pegawai ini akan menyebabkan bertukarnya daripada berhijrah ke bandar oleh belia-belia sekarang maka mereka balik ke kawasan luar bandar dan bekerja di situ, itu kesannya akan bermakna kepada masa depan negara dan muda-mudi kita sekarang.

Saya juga ingin menyebut di sini kadang kala bila kita dapat kemalangan berlaku di bandar ataupun rumah dijilat api dan berbagai kebakaran, begitu besar suara Radio dan Television memberi gambaran itu tetapi kalau ada kemalangan ataupun

malapetaka yang serupa terjadi di kawasan pendalamam senyap sahaja, tak dengar langsung. Selalunya kalau ada malapetaka atau kemalangan ataupun kemusnahan begini yang berlaku di bandar melalui khabar yang diberi oleh saluran-saluran yang ada ini, rakyat telah diperangsangkan untuk menderma dan selalu telah kita dapat bahawa kumpulan di bandar ini bila ada dalam keadaan yang sulit macam itu mendapat bantuan, bukan sahaja dari Kerajaan tetapi daripada orang ramai. Ini tidak seharusnya terjadi di kawasan luar bandar.

Saya selalu dapati bahawa di kampung-kampung walaupun rumah panjang seperti tahun lalu sebuah rumah panjang di Bario dijilat api tak ada berita langsung dikeluarkan, jadi sampai sekarang pun tak ada apa-apa orang yang membantunya bahkan sebuah pasar di kawasan saya, Pasar Bau dijilat api sampaikan berita di *Straits Times* begitu besar dan simpati rakyat umum memang patut juga telah mempengaruhi, begitu banyak sumbangan telah menolong mereka. Keadaan ini bergantung kepada penerangan.

Jadi saya mohon kalau dapat Jabatan Penerangan ataupun Kementerian itu menukar sikap ini walaupun memerlukan tenaga baru dan perbelanjaan tetapi kesannya seperti yang saya huraikan tadi akan menyenangkan masa depan kita, itu juga bermakna dan berfaedah kepada negara kita. Terima Kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pagoh.

3.14 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamad Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya bangun bersama dengan rakan-rakan saya yang lain turut memberikan pandangan dalam perbahasan berhubung dengan peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Penerangan pada petang ini.

Saya ingin menyentuh tentang B. 47 dan P. 47 sekali gus, khasnya berkaitan dengan permohonan daripada Kementerian untuk diluluskan peruntukan bagi membeli Unit Berkereta ataupun Unit Bergerak bagi pihak Kementerian. Pertamanya saya ingin

mengucapkan setinggi tahniah kepada Kementerian yang telah dapat menjalankan aktiviti-aktiviti yang amat berkesan bagi menyebarkan penerangan dan penjelasan melalui kemudahan yang telahpun kita luluskan berkenaan dengan dasar-dasar Kerajaan, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini kepada rakyat.

Saya mohon supaya kegiatan dan aktiviti ini dilipatgandakan lagi dan amat wajar sekali peruntukan yang dimohon ini diluluskan bahkan saya mencadangkan supaya pada tahun-tahun kehadapan permohonan bagi peruntukan ini hendaklah ditambahkan lagi untuk membolehkan sekurang-kurangnya di setiap daerah-daerah khasnya di mana terdapat penduduk-penduduknya tinggal di kawasan-kawasan luar bandar disediakan kemudahan-kemudahan Yunit Berkereta ini supaya mereka yang jauh dari pusat-pusat pembangunan dan pusat-pusat pemerintahan ini dapat diberikan penjelasan dan penerangan yang sedekat-dekatnya tentang dasar yang berjalan sekarang ini, tentang rancangan yang sentiasa berubah sesuai dengan kehendak rakyat pada hari ini.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mengemukakan satu statement yang saya percaya tidak benar dan tidak tepat, seolah-olah Ahli Yang Berhormat itu tidak memahami tentang konsep Kerajaan yang ada pada hari ini. Statement Yang Berhormat itu mengatakan Kementerian Penerangan hendaklah mengadakan satu garis penentuan, membezakan di antara sikap ataupun sifat Kerajaan ialah Kerajaan dan Barisan Nasional ialah Barisan Nasional. Kenyataan (statement) ini adalah satu statement yang saya percaya tidak lojik, seolah-olah Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu tidak menyedari akan hakikat yang sebenarnya bahawa Kerajaan yang memerintah hari ini yang kita sebut sebagai Kerajaan yang sebenarnya yang dipilih oleh rakyat adalah Kerajaan Barisan Nasional.

Adalah satu perkara yang tidak lojik dan tidak tepat dan tidak berpijak di bumi nyata dalam keadaan pemerintahan Kerajaan yang ada pada hari ini mengatakan bahawa kita perlu memisahkan dasar Kerajaan dengan dasar Barisan Nasional, sebab dasar

Kerajaan yang berjalan pada hari ini adalah dasar yang telah digubal lahir daripada kehendak dan hasrat rakyat sendiri yang telah memberikan mandat yang sepenuhnya kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk memerintah. Hakikat ini jelas sebagaimana yang kita ketahui dengan keputusan-keputusan pilihanraya besar dan kecil yang diadakan setiap masa. Umpamanya, baru-baru ini dengan kemenangan cemerlang Kerajaan Barisan Nasional di dalam pilihanraya kecil di Kawasan Parlimen Pelabuhan Kelang yang jelas menunjukkan satu daripada sikap dan rancangan yang telahpun dijalankan oleh Kementerian ini amat berkesan sekali, bukan untuk menjalankan propaganda tentang dasar yang dijalankan oleh Kerajaan tetapi untuk menerangkan cara yang lebih jelas atas dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan. Mereka yang ada di dalam kawasan itu bahkan di kawasan-kawasan lain perlu juga diterangkan tentang apa yang berlaku sekarang, tentang apa yang dibuat oleh Kerajaan dan apa yang dilakukan oleh pihak parti-parti Pembangkang yang hanya suka membangkang tetapi tidak mengemukakan cadangan-cadangan yang berkesan untuk tujuan dan faedah rakyat. Keputusan yang jelas sebagaimana yang kita ketahui di dalam pilihanraya kecil di kelang dan juga pilihanraya yang lalu dijalankan di Sarawak baru-baru ini menunjukkan tentang sikap rakyat yang sudah sedar. Satu daripada kejayaan Kementerian ini untuk menyedarkan rakyat tentang kemampuan dan kebolehan Kerajaan kita dalam melaksanakan dan menunaikan segala janji yang ada yang telah kita buat dan kita catatkan di dalam manifesto Kerajaan Barisan Nasional. Jadi kenyataan Yang Berhormat dari Petaling itu seolah-olah membodohkan rakyat, seolah-olah rakyat pada hari ini tidak sedar tentang perkara yang sebenarnya berlaku, seolah-olah Kerajaan yang berjalan pada hari ini hanya menjalankan propaganda menerangkan sesuatu yang tidak betul dan tidak berpijak di bumi nyata dan hakikat ini tidak dapat diterima oleh rakyat.

Tuan Pengurus, sebagaimana yang kita ketahui keputusannya jelas memberikan mandat yang seluas-luasnya kepada

pemimpin Barisan Nasional untuk terus memerintah dan bukan sahaja setakat memerintah, bahkan diberikan kepercayaan yang bulat untuk menggubal dasar, menjalankan dasar dan rancangan-rancangan yang sesuai untuk faedah rakyat.

Tuan Pengurus, kenyataan Ahli Yang Berhormat juga menunjukkan beliau tidak begitu faham tentang konsep Kerajaan yang mengamalkan prinsip demokrasi berpalimen dan ini telahpun dibahaskan dengan hangatnya semalam apabila kita membincangkan peruntukan di bawah Kementerian Kewangan.

Yunit Berkereta ini, saya percaya perlu dilipatgandakan dan ditambahkan lagi, sebab konsep yunit bergerak atau konsep pentas rakyat yang dijalankan dibawah aktiviti Kementerian Penerangan ini adalah satu konsep yang amat baik, sebab sebenarnya kita membawa Kerajaan kepada rakyat. Di bawah konsep yunit berkereta ini di mana kita mengadakan pegawai-pegawai, mereka yang bertanggungjawab tentang melaksanakan rancangan-rancangan kepada rakyat khasnya yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Rakyat tidak perlu bersusah payah bertanya kepada satu pihak, mungkin jauh daripada tempat mereka tinggal, tetapi kita membawakan Kerajaan kepada rakyat melalui yunit berkereta ini menerangkan tentang perkara-perkara yang mendatangkan faedah untuk rakyat, menerangkan rancangan-rancangan sekarang dan ran-cangan-rancangan yang akan datang.

Saya berharap Kementerian Penerangan akan dapat melipatgandakan usaha ini.

Sebagaimana yang kita ketahui di dalam peruntukan yang telahpun kita luluskan di Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu sebanyak \$20 juta akan dibelanjakan oleh Kerajaan di dalam tahun 1980. Satu peruntukan yang amat besar dan satu peruntukan yang jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sebenarnya memang committed dan memangnya berhasrat untuk memenuhi segala janji-janji yang telahpun dicatatkan di dalam manifesto Kerajaan Barisan Nasional dan peruntukan \$20 juta akan melibatkan segenap lapisan masyarakat bukan sahaja Kerajaan tetapi masyarakat dan rakyat

khlasnya yang tinggal di kawasan luar bandar. Jadi, adalah perlu sekali Kementerian mengaturkan strategi dan rancangan yang lebih sesuai supaya rakyat memahami tentang rancangan yang akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang berakhir pada tahun ini ataupun tahun hadapan dan Rancangan Malaysia Keempat yang akan dilancarkan setahun lagi pada masa yang akan datang.

Yang keduanya, saya juga mencadangkan supaya di dalam melaksanakan yunit berkereta ini Kementerian Penerangan perlulah bekerjasama rapat dengan lain-lain Jabatan untuk memberikan peluang kepada mereka bersama-sama dengan pegawai-pegawai daripada Kementerian Penerangan untuk menerangkan rancangan-rancangan tertentu yang dijalankan oleh Jabatan tersebut dan perlu juga mengambil kira dalam masa menjalankan usaha ini bukan untuk menjalankan propaganda, tetapi menjalankan penjelasan dan penerangan seluas-luasnya kepada seluruh lapisan masyarakat.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Penerangan mengadakan kempen penerangan yang seluas-luasnya di kawasan-kawasan yang ada ataupun ramai pihak-pihak parti Pembangkang, umpamanya di kawasan Petaling, mungkin rakyat di kawasan Petaling belum jelas, belum faham tentang prinsip dan dasar Kerajaan yang sekarang ini berjalan ataupun rakyat di Kuala Lumpur sendiri, mungkin di Seremban ataupun di Menglembu, sebab mereka ini mungkin bukan tidak tahu tetapi tidak jelas tentang prinsip Kerajaan Barisan Nasional, tentang hasrat dan cita-cita Kerajaan kita, sebab kalau sekiranya majoriti rakyat di tempat-tempat lain telah memberikan kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional maka tidak ada sebab mengapa rakyat yang duduk di dalam kawasan Petaling, di dalam kawasan Kuala Lumpur, Seremban, Ipoh, Menglembu dan kawasan-kawasan parti-parti Pembangkang lain tidak dapat mengikut jejak langkah rakyat yang lebih bijak yang tinggal di dalam kawasan-kawasan Barisan Nasional.

Dengan ini, saya menyokong peruntukan Kementerian Penerangan (*Tepuk*).

3.29 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengurus, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Pada prinsipnya DAP tidaklah menentang satu permohonan peruntukan tambahan sebanyak \$1,085,000 diminta bagi mempertingkatkan lagi kerja-kerja penerangan. Tetapi beberapa points perlu diperhatikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang mewakili Kementerian Penerangan iaitu berlakunya salahguna kuasa dan juga abuse of power dalam beberapa kenyataan seperti dalam kenyataan Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Pertama ialah mengenai perlantikan pegawai-pegawai penerangan dari parti-parti politik dari Barisan Nasional seperti MCA, UMNO, dan Gerakan. Saya tidak berkata bahawa mereka tidak boleh dilantik untuk menjadi pegawai penerangan. Masalahnya ialah pegawai-pegawai penerangan itu sebenarnya memberikan lebih banyak masa daripada kerja sebenarnya yang perlu dijalankan daripada kerja politik parti masing-masing.

Sungguhpun banyak kenyataan-kenyataan Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat dijalankan di luar bandar, umpamanya dialog-dialog diadakan di balai-balai raya oleh Jabatan Penerangan tetapi kenyataan-kenyataan ini sudah disalahkan dan dijadikan sebagai dialog politik bagi Barisan Nasional. Saya ada bukti-bukti boleh menunjukkan kepada Kementerian Penerangan.

Saya pernah bertanya salah seorang pegawai penerangan bahawa apakah sebab hanya Wakil-wakil Rakyat dari Barisan Nasional dijemput untuk menghadiri dialog dengan rakyat tempatan melainkan wakil Rakyat dari Parti Pembangkang dan DAP dinafikan dan ditolak. Katanya, ini adalah dasar Kerajaan.

Tuan Pengurus, jamuan teh dan perbelanjaan yang dibelanjakan, pegawai yang dilantik oleh Kerajaan adalah wang rakyat tetapi nampaknya kempen yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan ini adalah hanya semata-mata untuk kepentingan Barisan Nasional sahaja.

Di sini saya hendak bertanya, adakah ini yang dimaksudkan keadilan dan demokratik?

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Pagoh cuba melaung-laungkan bahawa kempen perlu dilipat-gandakan di Petaling Jaya. Dia menuduh rakyat di Petaling Jaya tidak memahami dengan secukupnya mengenai masalah negara kita. Sebenarnya rakyat di Malaysia khasnya di Petaling Jaya, Kota Melaka, Kluang dan lain-lain tempat adalah lebih memahami masalah negara kita dan lebih memahami dasar pemerintahan Barisan Nasional, maka itulah sebabnya kita dari DAP dipilih menjadi Wakil Rakyat untuk menyuarakan suara mereka.

Ini nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Pagoh mungkin ia masih jahil, tidak tahu apa yang berlaku, tidak tahu apa yang berlaku di kalangan rakyat khasnya mengenai reaksi rakyat terhadap masalah pembangunan negara kita.

Tuan Pengurus, saya perlu menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai tanggungjawab dan kenyataan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai penerangan dalam Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat yang hanya dengan nama sahaja, mereka mengatakan mahu propagandakan dasar Kerajaan, mahu mengadakan dialog dengan Kerajaan. Adakah pegawai-pegawai penerangan itu sangat lemah, sangat incompetent, tidak boleh mengadakan dialog sendiri sehingga mahu menjemput hanya wakil-wakil Rakyat dari Barisan Nasional. Kalau mahu jemput Wakil Rakyat, maka berilah, cuba menjaga keadilan, maka Wakil Rakyat daripada DAP juga dijemput supaya kedudukan yang sebenarnya bolehlah dibahas dalam Majlis Dialog. Janganlah hanya satu suara sahaja ada dalam kenyataan yang dijalankan oleh Field Officers dari Jabatan Penerangan setiap minggu.

Mereka dengan namanya mengadakan jamuan teh di balai-balai raya, tetapi apakah kursus yang dijalankan? Apakah tajuknya, bukan sahaja menjalankan kempen politik DAP selalu dijadikan sasaran dalam Majlis Dialog itu. Adakah ini adil? Adakah ini

merupakan dasar Kerajaan, dasar Jabatan Penerangan?

Saya harap Kementerian Penerangan boleh mengubahsuaikan dasar pengambilan pegawai-pegawai penerangan supaya orang yang betul-betul berminat dan asyek dalam politik itu janganlah dilantik menjadi pegawai yang ada dalam jabatan yang berkenaan. Kalau mereka lebih asyek dalam politik, biarlah mereka, jangan mencampuri perkhidmatan awam Kerajaan, kerana itu wang rakyat yang menggaji mereka untuk menjalankan tugas perkhidmatan rakyat tetapi bukanlah perkhidmatan politik Barisan Nasional. Bukankah ini merupakan satu salahguna kuasa yang selalu berlaku di Jabatan Penerangan.

Tuan Pengurus, memang DAP selalu dituduh tetapi bolehkah tuduhan DAP ini dibuktikan bahawa tuduhan itu adalah tidak berasas. Umpamanya, tadi contoh-contoh yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan contoh-contoh yang diberikan kepada saya tadi adalah merupakan satu contoh yang tidak berasas? Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Pagoh kalau tidak faham masalah, tolonglah datang ke Kota Melaka, saya boleh bawa dia pergi bersama-sama untuk melihat dan juga mendengar serta mengkaji sejauh mana reaksi rakyat terhadap dasar Kerajaan di bawah pemerintahan Barisan Nasional baik atau tidak baik, biarlah rakyat sebagai pengadil untuk membuat satu keputusan yang bijaksana, bukan hanya dari mulut Barisan Nasional sahaja dan dikatakan mereka tidak faham. Tidak guna rakyat dituduh. Kalau kita mempercayai sistem demokrasi berparlimen maka kita perlu bersama menerima hukuman keputusan daripada rakyat melalui proses pilihanraya. Mana boleh rakyat dituduh mereka tidak faham. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Pagoh itu lebih faham dan bijaksana daripada rakyat?

Tuan Pengurus: Ahli Yang Berhormat, ada penjelasan.

Tuan Chan Teck Chan: Boleh, saya boleh beri jalan kerana demokrasi.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamad Yassin: Saya tidaklah mengatakan dalam ucapan saya bahawa rakyat tidak faham, rakyat mungkin kurang faham, jadi perlu difahamkan lebih lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Pagoh mengantuk tidak faham apa yang saya katakan. Kalau rakyat di Petaling, Kota Melaka, Kluang, Ipoh, Menglembu, Kuala Lumpur Bandar tidak atau kurang faham mengenai dasar pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional atau DAP, bagaimana rakyat boleh membuat satu keputusan untuk mengundi DAP, menjadi suara mereka? Adakah Yang Berhormat dari Pagoh dipilih oleh rakyat kerana rakyat sangat bijaksana dan rakyat yang memilih DAP sangat bodoh dan kurang faham? Adakah itu demokrasi?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Betul.

Tuan Chan Teck Chan: Betul. Itulah dasar Barisan Nasional. Betul kerana mempercayai bila rakyat memberikan mandat adakah boleh disalahgunakan kuasa demokrasi, salahguna kuasa jentera pentadbiran Kerajaan dan salahguna kuasa wang rakyat. Adakah ini bererti rakyat memberikan mandat kepada Barisan Nasional mereka boleh salahgunakan kuasa? Itulah dasar salahguna kuasa Barisan Nasional yang memang dikatakan betul, mana ada salah? Tentu betul, kerana mereka mempercayai mandat yang diberikan oleh rakyat adalah kerana mereka bodoh. Adakah kerana mereka salahguna kuasa untuk disalahgunakan wang rakyat, memang betul mereka mempercayai hakikat itu kerana itu adalah dasar Barisan Nasional tetapi bukanlah dasar kepentingan negara atau dasar kepentingan rakyat, dasar kepentingan negara dan dasar kepentingan rakyat ialah menjunjung sistem demokrasi berparlimen, menjunjung prinsip keadilan tetapi bukan menjunjung tinggi salahguna kuasa, salahguna wang rakyat dan negara.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

3.34 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun berserta dengan rakan-rakan saya yang lain mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai peruntukan tambahan yang diminta oleh Kementerian Penerangan berhubung dengan B. 47 yang berjumlah \$1.085 juta dan berhubung dengan P. 47 yang berjumlah \$482.869

Tuan Pengerusi, dalam permintaan yang dibuat oleh Jabatan Penerangan ini memanglah tepat dan kena pada masanya kerana tugas dan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan untuk memberitahu kepada rakyat seluruhnya di atas apa yang dijalankan oleh Kerajaan hanya melalui Jabatan ini sahaja tidak boleh melalui jabatan-jabatan lain kerana memberi penerangan adalah tidak kena pada tempatnya. Maka yang demikian rakyat sendiri ketahui dengan penerangan-penerangan yang diberi oleh Jabatan Penerangan itu kepada mereka, maka rakyat sendiri boleh menilaikan sejauh mana bijak dan pandai Kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini. Maka sebab itulah peruntukan yang besar kita belanjakan lebih dari \$1 juta di Sarawak, buktinya nyata setelah mendengar penerangan-penerangan yang diberi oleh Jabatan Penerangan di Sarawak maka dengan sendirinya Parti DAP yang bertanding boleh dikatakan tiap-tiap kerusi di negeri Sarawak telah disapu bersih oleh Parti Barisan Nasional, kecuali hanya parti Pembangkang daripada parti Bebas semata-mata. Ini menunjukkan bahawa rakyat Sarawak betul-betul tahu, betul-betul faham di atas dasar yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya berbalik semula kepada penerangan yang diberi oleh Jabatan Penerangan kepada rakyat, kita letak seorang calun daripada Jabatan Penerangan di Port Kelang dan saya mengucapkan syabas kepada DAP kerana berjayanya dapat menambahkan jumlah undinya yang telah meningkat turun daripada 10,000 pada tahun 1978 kepada 7,000 tahun 1979. Saya ucapkan syabas kepada DAP.

Dato Shariff Ahmad: Kalah.

Tuan Hashim bin Endut: Kalahlah. Itulah sebabnya saya ucapan tahniah kepada mereka kerana kalah. Ini kerana rakyat faham di atas penerangan yang diberi oleh Jabatan Penerangan melalui yunit-yunit bergerak seperti mana yang diminta oleh Kementerian ini. Dan dengan adanya yunit bergerak ini maka yunit ini pergilah ke kampung-kampung memberikan penerangan di samping mengajar mereka cara-cara hendak mengundi dan sebagainya dan kalau kita tengok di Port Kelang baru-baru ini, undi rosaknya sangat kurang. Ini adalah kesan daripada penerangan yang diberi oleh Jabatan Penerangan kepada rakyat seluruhnya selain daripada reducenyai undi DAP di sana, rosak semakin berkurangan daripada dahulu.

Tuan Pengurus, saya tertarik benar apa yang dicakapkan oleh wakil dari Kota Melaka tadi yang bersungguh-sungguh menyatakan bahawa rakyat di Kota Melaka, di Kluang dan Petaling telahpun faham segala-galanya tetapi kita duduk di dalam Malaysia ini bukan bergantung kepada tiga-empat kerusi ataupun 14 kerusi seperti yang mereka ada. Kita di dalam negara Malaysia ini berpecah kepada beberapa kawasan pilihanraya tetapi rakyat pada hakikatnya DAP kenalah faham bahawa rakyat seluruhnya, majoriti rakyat di dalam Malaysia pada hari ini daripada semenjak kita adakan pilihanraya yang pertama pada tahun 1955 sehingga pilihanraya umum yang baru lalu (1978) tidak ada parti lain yang lebih layak yang diterima oleh rakyat, kecuali yang ada pada hari ini yang dahulunya Parti Perikatan, sekarang Parti Barisan Nasional. Maka di sini kita tak boleh lari, wakil dari Kota Melaka mesti terima hakikat ini. Betul seperti kata beliau

di Melaka memilihnya sudah dua-tiga kali. Ini bukanlah bermakna rakyat di Melaka kurang faham, tetapi kalau dibandingkan rakyat di Melaka dengan rakyat di seluruh Malaysia ini maka sudah tentu jelas. Sebab itu parti kami diberi kepercayaan penuh oleh rakyat majoriti ditambah daripada satu tahun ke satu tahun dan mungkin kalaular trend ini boleh berjalan seperti ini, insya Allah tahun 1983 kita tengok tidak ada lagi parti DAP di

hadapan kita kerana rakyat faham. Rakyat yang buta huruf telah tahu membaca dan menulis dan faham apa yang DAP laung-laungkan sebelum pilihanraya tetapi selepas pilihanraya, apa DAP boleh buat? Mereka tak boleh buat apa dan adakah salah Jabatan Penerangan memberi penerangan seperti mana yang diberikan kepada rakyat. Ini tidak menjadi salah. Itu mereka menjalankan tugas mereka dibayar gaji oleh Kerajaan untuk menjalankan tugas itu. Maka mengapa kita salahkan mereka menjalankan tugas memberi penerangan kepada rakyat? Ini adalah satu pandangan yang tak adil.

Tuan Pengurus, saya hendak memberi ingatan kepada Kementerian Penerangan kalau boleh di masa akan datang peruntukan yang diminta itu janganlah begitu sedikit patutlah ditambah lebih banyak lagi, kerana melalui Jabatan Penerangan inilah, kita percaya bukan mereka bercakap berkenaan parti Barisan Nasional, mereka bercakap hanya berkenaan dengan Kerajaan, apa Kerajaan kita buat pada hari ini daripada kita sebelum merdeka sehingga kita telah mencapai kemerdekaan dan kita isi negara kita dengan kemajuan yang sungguh berguna kepada rakyat. Maka sebab itu rakyat terima kita sebagai wakil mereka yang terbanyak di Malaysia pada hari ini.

Tuan Pengurus, di samping menyokong peruntukan yang diminta ini saya juga ingin memberi ingatan kepada Jabatan Penerangan, kerana tugas Jabatan Penerangan ini adaah sangat penting dan mustahak tetapi oleh kerana adanya pancaroba, keadaan negara sekarang begitu tegang, kedudukan rakyatnya terutama sekali kawasan sempadan yang begitu sensitif dan sebagainya maka saya ingin memberi ingatan kepada Jabatan Penerangan supaya mengisikan jawatan-jawatan masih kosong di tempat-tempat yang tidak ada pegawai, kerana sepertimana yang kita sedia maklum peranan yang dimainkan oleh pegawai penerangan di tiap-tiap kawasan ini sungguh mustahak dan penting kepada rakyat. Maka sangatlah mustahak kerana Jabatan Penerangan ini terutama sekali di kawasan pedalaman, mereka boleh memberi hiburan kepada rakyat. Rakyat di kawasan luar bandar dengan tidak ada jalan hendak keluar ke pekan melalui Unit-unit Bergerak

sebagaimana diminta oleh Jabatan Penerangan ini mereka di kampung juga dapat menikmati melihat wayang gambar yang ditayangkan oleh Jabatan Penerangan ini. Ini adalah sangat mustahak kerana mereka di dalam kawasan pedalaman mustahak tahu apa Kerajaan buat terhadap memajukan mereka sendiri pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pegawai yang saya maksudkan tadi di kawasan saya terdapat kekosongan pegawai luar. Pegawai Penerangan Daerah menghadiri kursus tetapi malangnya pegawai itu tidak ada diganti ataupun ditokok tambah. Maka oleh hal yang demikian, saya merayu dan meminta kepada Kementerian Penerangan ini supaya mengisikan, bukan di kawasan saya, malah di mana-mana juga pegawai-pegawai yang masih kosong jawatan sama ada kerana letak jawatan ataupun bertukar dan sebagainya. Ini adalah sangat penting terutama sekali di kawasan perbatasan sempadan dengan Thailand dan sebagainya. Ini adalah sangat mustahak dan perlu diberi perhatian yang serius.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu di kawasan saya juga Jabatan Penerangan telah membeli 12 Unit Bergerak yang berbentuk baru tetapi malangnya di kawasan saya masih lagi terdapat kenderaan-kenderaan yang lama. Kadang-kadang program dibuat menunjukkan wayang di satu tempat tetapi oleh kerana uzurnya kenderaan-kenderaan yang ada di Jabatan Penerangan itu maka van itu rosak dan orang kampung berasa marah, berasa tidak senang hati kerana batalnya pertunjukan wayang gambar. Maklumlah, wayang gambar kepada orang kampung adalah satu hiburan yang sangat penting kepada mereka.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyokong kuat di atas peruntukan yang diminta ini supaya diluluskan. Terima Kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kangar, oleh kerana beliau sudah bangun dari mula tadi. Selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab.

Ahli Yang Berhormat diminta bercakap tidak lebih dari 10 minit untuk Kementerian ini.

3.43 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong dan saya minta kalau boleh janganlah hadkan masa saya dan saya berharap tidak akan bercakap menyentuh Kementerian-kementerian lain.

Tuan Pengerusi: Bertukar ganti tidak boleh!

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong apa yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan terutama berkenaan dengan perbelanjaan pilihanraya di Sarawak yang lebih dari \$1 juta. Ini adalah satu perkara yang dibuat oleh Kerajaan kita kerana kita bukanlah satu Kerajaan yang zalim, yang zalim ini memaksa orang. Tetapi memberi penerangan—memberitahu itu adalah satu perkara yang mestи dibuat dan itu adalah satu perkara yang bersesuaian dan patut sangat dibuat. Jadi saya juga turut menyokong pendapat seperti kawan-kawan saya tadi, seperti yang dikatakan oleh wakil Petaling juga wakil Kota Melaka yang mengatakan Kerajaan zalim.

Tuan Pengerusi: Beliau tidak gunakan perkataan “zalim”.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tarik balik.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat itu tadi mengatakan menyalahgunakan kuasa.

Tuan Shaari bin Jusoh: Menyalahgunakan kuasa.

Saya berpendapat wakil dari Petaling dan Kota Melaka tidak berfikir dengan teliti. Kita tak usah sentuh luar daripada Dewan ini. Peruntukan yang diminta ini ialah yang terbanyak sekali yang bersangkut dengan pilihanraya Negeri Sarawak baru-baru ini, kerana hendak memberi penerangan kepada rakyat tentang cara-cara mengundi dan hendak beritahu rakyat yang Kerajaan Barisan Nasional hari ini kalau menang dan kalau berkuasa akan membuat itu dan ini seertimana yang telah dilaksanakan.

Sebagai satu contoh yang amat nyata kepada kita bukan di luar Dewan, dalam Dewan ini. Pilihanraya yang telah diadakan di Sarawak baru-baru ini, salah seorang

daripada kawan kita sebagai contoh keadilan, demokrasi yang tulin kepada kita bersama khasnya kepada DAP patut kaji ialah bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am yang mana menjadi Wakil Rakyat dari Mas Gading, kalau boleh saya sebutkan namanya—Tuan Patrick Anek Uren. Kita tahu dia sebagai kawan tetapi dia atas nama partinya telah keluar parti. Dia bertanding atas nama Bebas dan baru sebentar tadi dia telah bercakap dan saya cukup kagum dengan ucapannya. Dia tidak sentuh di atas apa yang Kerajaan telah belanjakan, kerana dia tahu apa yang Kerajaan belanjakan ialah keadilan hendak beritahu kepada rakyat oleh sebab Kerajaan demokrasi tidak salahguna kuasa. Oleh sebab beliau adalah juga seorang yang disukai oleh rakyat walaupun bukan atas nama Barisan Nasional, Patrick Anek Uren telah dipilih sebagai Wakil Rakyat atas nama peribadi.

Saya mengucapkan tahniah kepada saudara itu walaupun beliau tidak ada di dalam Dewan ini. Ini adalah satu kenyataan yang amat tulin. Jadi apa yang terjadi kepada wakil dari Kota Melaka yang tidak mahu berfikir lagi. Saya sungguh berasa ajaib! Sungguhpun mereka sebagai Pembangkang tetapi kenyataan, bukti kita kena tunjuk dengan nyata dan Parti Pembangkang sendiri —wakil dari Kota Melaka selalu menyatakan dia telah dipilih oleh rakyat. Ini menunjukkan keadilan. Kalaulah Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini menyalahguna kuasa: jangan undi selain daripada Barisan Nasional. Tentu selain daripada Barisan Nasional mereka tidak ada di dalam Dewan ini. Ini adalah satu kenyataan. Saya tidak mahulah tidak berfikir apabila bercakap. Kalau tidak berfikir itu tidak boleh jadi Wakil Rakyat Barisan Nasional. Kerana saya selalu mengatakan manusia ini dia akan kata baik, dia buat alasan yang dia boleh, kerana tiap-tiap orang yang minum arak dan main judi pun ada alasannya. Dia kata minum arak itu bagus, bila minum arak, badan jadi kuat; main judi bagus, kerana bila sekali kena boleh menang banyak. Tetapi dia tidak beritahu yang dia telah kalah dengan kerana megah. Alasan boleh dikatakan tetapi carilah alasan yang menasabah, bukanlah saya hendak marah!

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya juga bukanlah hendak menjawab. Ini kerja Setiausaha Parlimen tetapi saya minta izin hendak menambah sedikit. Dia kata tadi dilantik daripada orang-orang Barisan Nasional. Ini memang, satu-satu badan, macam Tuhan sekalipun, saya percaya walaupun dia bukan berugama Islam tetapi dia percaya kepada Tuhan, bukan komunis. Wakil dari Kota Melaka ini baik, wakil dari Petaling pun baik sangat, percaya kepada Tuhan. Tuhan sebelum hendak melantik Rasul, dia tengok orang yang hendak dilantik itu orang yang boleh diharap dahulu, orang yang amanah. Sebab itu Nabi, orang boleh percaya, bukan dilantik orang yang tidak tentu arah, tidak ada sopan. Sebab itu dalam Ugama Islam mengatakan Nabi itu sebagai contoh untuk orang Islam. Dia itu pun menjadi wakil hendak menyampaikan segala arahan daripada Tuhan, dia mestilah bagus dahulu. Kita pun kalau hendak lantik orang parti, kenalah orang yang bersesuaian dengan parti, orang yang taat kepada Kerajaan. Kalau sudah tahu hendak menumpang Kerajaan, hendaklah melantik mengikut caranya. Mereka tidak mengerti tentang perkara ini kerana tidak berfikir betul-betul. Mereka mengatakan kita menyalahguna kuasa, sebenarnya kita tidak pernah menyalahguna kuasa, kita tidak ajak mereka berunding tetapi tentang kuasa kita, tentang apa yang kita buat, kita tidak pernah larang.

Saya tidak pernah dengar Kerajaan mengatakan: Wahai orang DAP atau parti pembangkang, jangan lalu di jalanraya yang kami buat, sekalipun Kerajaan pernah berkata begitu, kecuali siapa yang salah termasuk orang-orang Barisan Nasional jika masuk 'No Entry' akan ditangkap, Polis tidak kira. Ini peraturan yang adil. Tetapi kalau kena pada jalan bukan setakat orang-orang DAP sahaja siapa juga yang bersalah, akan dikenakan hukuman yang sama.

Perkara ini saya berpendapat tak usahlah dicakapkan lagi tentang perkara-perkara yang tidak begitu menarik. Saya tidak mahu mengatakan DAP kerana DAP pun kawan kita juga. Kalau wakil dari Kota Melaka cabar wakil Pagoh, saya pun boleh cabar pergihal belajar di Kangar secara politik.

Tuan Pengerusi, dengan alasan ini saya berpendapat bahawa cara penerangan ini amat perlu. Walau macam mana kita buat banyak sekalipun, kalau penerangan tidak jelas kepada rakyat, inilah masalah yang besar. Kerana penerangan adalah satu perkara yang amat mustahak kepada rakyat baik dari segi pilihanraya atau dari segi apa pun, penerangan adalah satu perkara yang amat mustahak. Dengan sebab itu apa yang diminta oleh Kementerian melalui Setiausaha Parlimen yang berkenaan, saya menyokong dengan sepenuhnya dan saya harap bukan sekadar itu sahaja, keluarkanlah lagi wang asalkan rakyat tahu. Tentang hendak undi, tidak undi; hendak sokong, tidak sokong, itu terpulang. Tetapi saya percaya kebanyakan manusia ada mempunyai fikiran, yang tidak ada fikiran adalah jenis makhluk lain. Jenis manusia, ada fikiran. Tiap-tiap yang ada fikiran, dia akan ikut benda yang baik selepas dia mengetahui tetapi manusia jarang mengetahui sebelum benda itu dikhobar dan diterangkan kepadanya dengan nyata. Maka dengan sebab itu keterangan dan perkhabaran adalah satu perkara yang amat mustahak dilakukan oleh mana-mana Kerajaan sekalipun.

Tuan Pengerusi, mengenai P. 47. Hari ini walaupun ada TV dan Radio tetapi masih banyak kedapatan di Perlis seperti yang kita sama-sama tahu mengikut kata Yang Berhormat ini adalah bahawa kenyataan iaitu 20% sahaja baki lagi yang tidak sampai bekalan elektrik; 80% boleh dikatakan telah sampai. Tempat yang sampai bekalan elektrik ini tentulah boleh dikatakan semua tempat yang ada kemampuan sedikit walaupun secara beransur membeli TV dan sebagainya. Jadi dengan sebab itu tidaklah mereka ini begitu berharap sangat hendak tengok wayang bergerak dan sebagainya tetapi kebanyakan tempat yang tidak ada elektrik dan sebagainya sangat-sangat berharap, lagi pula manusia ini kita tahu walaupun ada TV di rumah baik dalam bandar ataupun di luar bandar, mereka lebih suka menengok tayangan yang layar putihnya besar didepannya. Sebab itulah panggung-panggung wayang boleh dikatakan penuh ditengok oleh orang ramai. Dengan sebab itu, Unit Bergerak ini, cerita cara pentas ataupun wayang, bila sahaja kita melawat ke

kampung-kampung, ini pun boleh dikatakan selalu diminta oleh orang ramai ataupun penduduk-penduduk luar bandar.

Dengan sebab itu saya mengesyorkan di sini, mengenai P. 47 perkara (3) dan (8), apa yang ditambah, saya fikir tidak menasabah. Ini telah ditambah dan yang telah dibuat, cuma hendak minta tolong belanja tetapi saya berharaplah tahun ini kepada Setiausaha Parlimen, walaupun dia Setiausaha Parlimen, saya kira pengalamannya sudah cukup matang. Dia sendiri biasa jadi ketua saya masa dahulu walaupun masa itu kecil lagi tetapi saya tahu dia ini cukup matang. Saya harap sangat dan Yang Berhormat sendiri tentu tahu cara kampung amatlah kerap, harga satu Unit Bergerak ini patut seboleh-bolehnya macam Perlis sebuah negeri yang kecil sekarang ini selalu tidak cukup. Kalaulah Perlis boleh dikatakan cukup mewah dengan apa pembangunan oleh Kerajaan kerana Kerajaan ini adil kepada rakyat, tidak begitu mencukupi, tambahan pula kalau negeri-negeri yang lebih besar agak saya tentulah tidak mencukupi lagi, tentulah berhajat lagi kepada kereta bergerak baikpun seperti apa yang dikatakan oleh Wakil Tanah Merah tadi iaitu cara penerangan, cara-cara bergerak dan pementasan dan sebagainya. Ini adalah satu cara yang menarik dan amat berkesan.

Dengan sebab itu saya berharap bukan sekadar yang diminta itu ditambah, tetapi kalau dalam tahun 1980 ini pula tidak cukup lagi, buatlah walaupun dua kali ganda, kerana kita percaya selagi mana kita buat baik sekalipun kalau rakyat tidak dapat tahu dengan nyata, ini adalah satu perkara yang tidak memberi bekas kepada kita. Keterangan dan diketahui oleh rakyat umum itulah amat mustahak dan bila rakyat umum tahu, mereka dapat memikirkan yang mana intan dan yang mana kaca.

Saya yakin Kerajaan Barisan Nasional hari ini adalah Kerajaan yang membuat satu kebaikan. Bila rakyat semua tahu, insya Allah bukan kerana kita hendak kuku besi tetapi kerana rakyat tahu dan kita juga buat baik, insya Allah kita berkuasa dengan kehendak Tuhan dan disukai oleh rakyat. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

3.54 ptg.

Dato Haji Embong bin Yahya: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas tahniah dan sanjungan yang telah diberi oleh beberapa orang Wakil Rakyat terutama dari Barisan Nasional atas peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan dan mereka semua sedar betapa pentingnya Jabatan Penerangan sebagai jentera Kerajaan untuk memberi penerangan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Terlebih dahulu biarlah saya menyentuh apa yang dikatakan oleh Wakil dari Petaling dan juga Kota Melaka iaitu dari parti Pembangkang. Saya manafikan dengan sekeras-kerasnya akan tuduhan mereka yang menyatakan bahawa Jabatan Penerangan menyalahgunakan kuasa dari segi memberi penerangan kepada rakyat di kampung-kampung. Sebenarnya sebagai sebuah Jabatan Kerajaan dan agensi Kerajaan maka memanglah tanggungjawab atau kewajipan Jabatan Penerangan memberi penerangan-penerangan dengan sejelas-jelasnya kepada seluruh rakyat di ceruk-ceruk kampung terhadap apakah yang dimainkan oleh Kerajaan, apakah yang dibuat oleh Kerajaan dan apakah dasar-dasar Kerajaan yang sebenarnya berlaku dari semasa ke semasa.

Jabatan Penerangan akan dianggap tidak menjalankan satu kewajipan kepada negara sekiranya mereka mencuaikan dari segi penerangan atau tidak memberi penerangan kepada rakyat baik dalam masa berlaku pilihanraya atau dalam masa tidak berlaku pilihanraya. Sememangnya dalam masa pilihanraya Jabatan Penerangan lebih aktif daripada semasa tidak berlaku pilihanraya kerana ketika inilah pihak Pembangkang terutama sekali DAP datang ke kampung-kampung bertanding dalam pilihanraya memutarbelitkan penerangan yang sebenarnya dilakukan oleh Kerajaan. Dengan sebab itulah maka kewajipan Jabatan Penerangan memberi penerangan yang lebih jelas.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta penjelasan?

Tuan Chan Teck Chan: Ya. Saya minta supaya Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah kenyataan yang telah diputarbelitkan oleh DAP di kampung sehingga memerlukan perkhidmatan Jabatan Penerangan untuk membetulkan kenyataan yang diputarbelitkan sepertimana yang dituduh oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi: Untuk menyelamatkan masa, kalau tidak jawab pun tidak mengapa.

Dato Haji Embong bin Yahya: Sebenarnya saya belum beri jawapan lagi, memang hendak disebut. Di antara dasar-dasar yang diputarbelit oleh DAP ialah terhadap Dasar Ekonomi Baru. Mereka pergi ke kampung-kampung mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru semata-mata menguntungkan satu kaum sahaja iaitu orang Melayu, orang Cina rugi. Ini di mana-mana dimainkan oleh DAP dalam pilihanraya-pilihanraya termasuk dalam kawasan saya sendiri.

Begitu juga berkenaan Dasar Pelajaran yang mengatakan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan hari ini menguntungkan bangsa Melayu dan merugikan orang Cina dan pernah dikatakan bahawa Dasar Pelajaran hari ini kalau dijalankan orang Cina tidak dapat bersekolah. Ini pernah berlaku di kawasan saya sendiri. Apakah ini tidak merupakan putar belit dari dasar yang sebenar terhadap rakyat dan inilah yang perlu dimainkan oleh Jabatan Penerangan bersama-sama dengan Wakil Rakyat Barisan Nasional dalam dialog-dialog bagi hendak memberi penerangan yang jelas terhadap perkara yang diputarbelitkan oleh Wakil Pembangkang atau DAP.

Mengenai dengan dialog yang dikatakannya tadi semata-mata memanggil Wakil Rakyat Barisan Nasional, ini sememang wajar kerana mereka adalah jentera Kerajaan. Amat bodohlah Kerajaan kalau sekiranya dalam dialog memanggil Wakil DAP datang. Perkara yang macam ini tidak akan pernah berlaku. Tentulah dipanggil Wakil dari Barisan Nasional untuk menerangkan apa yang berlaku, apa yang

dibuat oleh Kerajaan, kerana Wakil Rakyat itu sendiri ialah sebahagian daripada jentera Kerajaan juga ataupun orang Kerajaan. Dengan dialog inilah dapat rakyat bertambah faham perkara yang berlaku dan rakyat sentiasa sekarang ini meminta supaya dipertimbangkan lagi.

Inilah menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan itu adalah sangat berguna kepada rakyat kita di kampung-kampung. Dengan penerangan yang diadakan ini maka rakyat dapat membandingkan apakah tuduhan-tuduhan daripada Pembangkang atau DAP itu benar atau tidak. Dengan kerana itu rakyat dapat memberi pertimbangan apabila mengundi bahawa Wakil-wakil DAP tidak terpilih bukan kerana Jabatan Penerangan memainkan politik tetapi rakyat sendiri mengetahui apakah parti yang sebenar yang patut mereka pilih daripada penerangan yang telah diberi yang boleh membela nasib mereka dan anak-anak mereka pada masa hadapan. Itulah penerangan yang sangat berguna yang diberi kepada rakyat.

Selain daripada itu jangan kita menafikan bahawa negara kita masih terancam dari segi keselamatan oleh anasir-anasir subversif, anasir-anasir komunis, ini semuanya rakyat memerlukan penerangan yang jelas. Saya rasa dengan tuduhan daripada DAP tadi menahan kita bergerak, ini menunjukkan bahawa mereka suka kalau rakyat kita sendiri keliru dengan penerangan-penerangan dan tindakan daripada anasir subversif dan sebagainya, dengan itu boleh mereka mengelirukan rakyat dan boleh mendatangkan huru-hara kepada Kerajaan dan negara. Inilah yang biasa dicakapkan, yang dilauangkan oleh pihak Pembangkang, sebaliknya kita semua dan Jabatan Penerangan ini bergerak untuk memberi penjelasan tentang keselamatan kepada rakyat kita.

Tuan Pengurus, saya suka juga menyentuh daripada Ahli Yang Berhormat yang lain, umpamanya Ahli dari Tanah Merah yang meminta supaya yunit-yunit, ada beberapa orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat minta supaya yunit-yunit ditambah lagi dan ini memanglah rancangan kita dari masa ke

semasa akan menambah lagi yunit-yunit penerangan ini kerana rakyat sedar bahawa penerangan ini sangatlah penting melalui yunit-yunit penerangan dan juga pentas drama.

Menyentuh berkenaan dengan hal drama ataupun message yang dikatakan tadi oleh Wakil dari Tanah Merah, ini memanglah kita akan perbaiki dari masa ke semasa cara-cara drama itu dijalankan dan akan dipertimbangkan dan dikaji pada masa hadapan.

Menyentuh Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading, berkenaan TV di Sabah dan Sarawak, yang sebenarnya memang kita ada imbangan waktu ataupun siaran antara Sabah dan Sarawak. Bukanlah semata-mata Sarawak sahaja. Kalau kita perhatikan daripada Warta Berita dan sebagainya memang dibahagikan dua dan memang dikaji dari masa ke semasa supaya berita-berita dari Sarawak juga diberi tempat dalam TV walaupun siaran itu daripada Sabah.

Mengenai berita yang dikatakan tadi hanya mementingkan berita dalam bandar setelah berlaku malapetaka ini saya nafikan, kerana di mana-mana juga berita sama ada dalam bandar ataupun di luar bandar yang berlaku sebarang malapetaka maka pihak mass media Kerajaan sama ada dari Jabatan Penerangan, Radio dan Televisyen menyiarkan dengan seluas-luasnya dari masa ke semasa seperti yang kita ketahui baru-baru ini berlaku di Jeram Pelagus di mana 13 orang menjadi korban maka kita memberi penyiaran kepada rakyat di luar bandar dengan begitu luas sekali. Tidaklah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu kita menutup atau menyedikitkan siaran-siaran berita kejadian-kejadian di luar bandar.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)

Berhubung dengan kekurangan pegawai seperti yang dibangkitkan oleh Ahli dari Kuala Muda, sememangnya kita sedar bahawa masih kekurangan lagi pegawai-pegawai penerangan kalau dibandingkan dengan luas dan banyaknya kampung serta bertambah ramai rakyat yang hendak diliputi. Dengan sebab itu memanglah Kementerian Penerangan dari masa ke semasa akan

mengkaji keadaan ini dan jika perlu akan ditambah lagi pegawai-pegawai sama ada pembantu luar atau pegawai luar supaya dapat menyesuaikan keadaan yang hendak diberi penerangan di kampung-kampung.

Berkenaan dengan yunit lama yang dikatakan itu, itu memanglah ada lagi di antara yunit-yunit itu yang agak lama sedikit yang kadang-kadang berlaku kerosakan tetapi tidaklah selalu kegendalaan itu berlaku dan dengan sebab itu Jabatan Penerangan dari masa ke semasa meminta peruntukan hendak membeli yunit-yunit yang baru supaya kerja-kerja memberi penerangan itu dapat dijalankan dengan lebih cergas lagi dan tidak tergendala sebarang pertunjukan yang hendak dilakukan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja penerangan saya dan diucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang baik terhadap Kementerian Penerangan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,085,000 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$482,269 untuk Maksud P. 47 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud B. 52 (Jadual)—

4.06 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan Anggaran Perbekalan Tambahan Pertama 1979 sebanyak \$100,000 bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di bawah Maksud B. 52 dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 diluluskan dan menjadi sebahagian dalam Jadual Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 1979.

Tuan Pengerusi, maksud Anggaran Tambahan ini telah diterangkan di dalam Kertas Perintah No. 28 Tahun 79 dan supaya dapat menjimatkan masa Dewan yang mulia ini, tidak perlulah saya ulangi lagi.

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 52 sebanyak \$100,000 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.07 ptg.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan di bawah Alam Sekitar.

Pertama saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa apakah sebabnya Kementeriannya begitu lambat untuk membeli alat-alat bagi mengawasi sonic boom daripada penerbangan Concorde di ruang angkasa Malaysia. Di sini saya hendak tahu dalam sepanjang masa Concorde dibenarkan melalui angkasa Malaysia ini, apakah akibat telah berlaku terhadap alam sekitar dan kemanusiaan hari ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab sebab-musebab dan macam manakah akibatnya telah berlaku, kerana saya dapati bahawa sangat lambat bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membeli alat ini. Sebenarnya alat ini perlu dibeli lebih awal untuk mengawasi sonic boom daripada penerbangan Concorde di ruang angkasa Malaysia.

Point kedua, saya hendak minta satu penjelasan berkenaan dengan alam sekitar yang saya pernah timbulkan pada minggu yang lepas yang ada berkaitan dengan peristiwa 1hb Disember di Port Dickson di mana berlakunya pembocoran minyak mentah di Shell Company, Port Dickson itu.

Saya dapati ada beberapa keluarga yang terlibat di dalam kemalangan ini telah kemukakan tuntutan pampasan daripada syarikat Shell.

Pertama, saya hendak bertanya, adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sudah menolong untuk menguruskan permohonan tuntutan pampasan daripada

keluarga-keluarga yang terlibat di dalam peristiwa pada 1hb Disember di Port Dickson itu.

Kedua, adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sudah memanggil satu mesyuarat "emergency" daripada syarikat-syarikat minyak seperti Shell, Esso, BP dan lain-lain untuk membincangkan langkah-langkah "preventive" untuk mengelakkan peristiwa ini akan berlaku lagi di mana-mana tempat yang adanya kilang-kilang penapis supaya keselamatan nyawa manusia dan keselamatan harta benda rakyat boleh diperlindungi.

Ketiga, saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang sebenarnya juga diambil oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menyiasat masalah sumber air minuman di negeri Johor di mana ada berlakunya pencemaran yang mengakibatkan kebimbangan penduduk. Ramai penduduk-penduduk di kampung tidak berani meminum air dari bekalan paip dan terpaksa mereka memperolehi air minuman daripada perigi dan dari sumber-sumber yang lain.

Di sini saya hendak tahu apakah tindakan telah diambil untuk menolong penduduk-penduduk kampung di seluruh negeri Johor dibebaskan daripada ancaman kebimbangan air minuman di tempat-tempat yang tersebut. Itulah sahaja ucapan saya.

Tuan Pengurus: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.12 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengurus, berkenaan dengan soalan-soalan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, pertamanya berkenaan dengan kelewatan membeli alat-alat untuk mengawasi penerbangan Concorde di angkasa Malaysia.

Perkara ini telah dikaji dengan mendalamnya dan ini satu perkara yang baharu, jadi sebelum kita membelanjakan duit rakyat untuk membeli alat-alat itu, kita hendak mengkaji dengan teliti apa sebenarnya alat-alat yang perlu digunakan dan oleh itu

kita perlulah terlebih dahulu dapat meninjau ke negeri yang lain yang ada masalah seperti itu.

Satu rombongan telah dihantar ke negeri untuk meninjau supaya dapat mengkaji dan berunding dengan pakar-pakar di sana untuk mengetahui pendapat-pendapat mereka tentang alat-alat yang sesuai untuk mengawasi "sonic boom" ini. Dari hasil lawatan itu baru kita dapat menetapkan supaya alat-alat yang sesuai ini dibeli dan juga kerana kita pun faham bahawa "sonic boom" yang kita hendak beli ini adalah perlu dan boleh digunakan juga untuk kajian yang lain seperti bunyi bising daripada yang sering berlaku pada masa sekarang di bandar-bandar yang besar seperti di sekitar Kuala Lumpur. Dan kerana itulah untuk menjimatkan wang rakyat, kita terlebih dahulu mengkaji jenis-jenis alat yang sesuai dan patut dibeli untuk mengawasi ruang angkasa Malaysia, dan masalah yang timbul akibat dari penerbangan Concorde itu.

Berkenaan dengan peristiwa yang berlaku di Port Dickson, perkara ini telah dikaji oleh Kementerian saya dan kita telah berhubung dengan syarikat Shell yang bertanggungjawab atas peristiwa itu dan ini sedang dalam siasatan lagi. Jadi, berkenaan dengan pampasan, ini telah dijalankan oleh Pegawai Daerah di Port Dickson dan di harap akan selesai tidak lama lagi oleh pegawai itu.

Akhir sekali berkenaan dengan apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan air di satu tempat di negeri Johor. Perkara ini telah disiasat oleh pegawai-pegawai di Kementerian saya dan perkara itu pada masa ini terkawal.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$100,000 untuk Maksud B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengurus: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud B. 54 dan B. 60 (Jadual)—

Maksud P. 54, P. 55 dan P. 56 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1979)

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Pengerusi, tambahan peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1979 adalah berjumlah \$3,690,748. Dari jumlah tersebut sebanyak \$1,045,748 adalah untuk Tambahan Belanja Mengurus dan sebanyak \$2,645,000 lagi adalah untuk tambahan belanja Pembangunan.

Kedudukan pecahan tambahan tersebut adalah seperti berikut:

Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan Pertama), 1979

Tambahan yang diperlukan untuk belanja Mengurus (Tambahan Pertama), 1979 adalah berjumlah \$1,045,748. Jumlah tersebut adalah untuk maksud-maksud berikut:

- (1) Di bawah Maksud Bekalan B. 54 bagi Kementerian Pengangkutan, tambahan yang diperlukan adalah sebanyak \$301,248.
- (2) Di bawah Maksud Bekalan B. 60 bagi Jabatan Pengangkutan Jalan, tambahan yang diperlukan adalah sebanyak \$744,500.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai tambahan peruntukan Mengurus (Tambahan Pertama) 1979 ada dinyatakan di dalam lampiran 'A' Kertas Perintah 28 tahun 1979.

Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan) (3/79) 1979

Tambahan yang diperlukan bagi belanja Pembangunan (Tambahan) (3/79) ialah berjumlah \$2,645,000 iaitu terdiri daripada Maksud-maksud Pembangunan seperti berikut:

- (1) Di bawah Maksud Pembangunan P. 54 bagi Kementerian Pengangkutan, tambahan yang diperlukan ialah sebanyak \$1,769,000 termasuk \$65,000 di bawah pecahan-kepala 18; \$620,000 di bawah Pecahan-Kepala 23;

\$1,084,000 di bawah Pecahan-kepala 35.

- (2) Di bawah Maksud Pembangunan P. 55 bagi Jabatan Laut Semenanjung Malaysia. Tambahan yang diperlukan ialah \$500,000.
- (3) Di bawah Maksud Pembangunan P. 56 bagi Jabatan Laut Sarawak dan Sabah. Tambahan yang diperlukan ialah \$376,000.

Keterangan lanjut berkenaan dengan tambahan perbelanjaan Pembangunan Tambahan (3/79) ada dinyatakan di lampiran 'A' Kertas Perintah 30/1979.

Saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1979 yang berjumlah \$1,045,748 untuk Belanja Mengurus di bawah Maksud B. 54 dan B. 60 dan \$2,645,000 untuk Belanja Pembangunan di bawah Maksud P. 54, P. 55, dan P. 56 dan jadikan sebahagian daripada Jadual dan diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 54 dan B. 60 berjumlah \$1,045,748 dan Maksud Pembangunan P. 54, P. 55 dan P. 56 berjumlah \$2,645,000 di bawah Kementerian Pengangkutan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur.

4.21 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Kepala P. 54—Kementerian Pengangkutan dalam muka surat 8 Kertas Perintah 30. Di sini saya merujuk kepada Butiran 23—Jentera Menyelenggara Landasan di mana satu peruntukan tambahan \$620,000 sebagai pinjaman dikehendaki.

Tuan Pengerusi, atas perkara penyelenggaraan rel, saya suka menyentuh kejadian kegelinciran rel sering berlaku di negara kita. Di sini, Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi sedikit angka. Sejumlah 123 kegelinciran rel di Semenanjung Malaysia pada tahun lalu, tahun 1978 dibandingkan dengan jumlah 80 kes yang berlaku pada tahun 1976.

Dalam 9 bulan pertama tahun ini bilangan kegelinciran rel ialah 98 dan pada hari ini kita semua ada terbaca dalam suratkhabar bahawa satu lagi kegelinciran rel telah berlaku pada hari semalam iaitu Keretapi Ekspres Rakyat di mana kejadian kegelinciran itu berlaku di Station Behrang dekat dengan Tanjung Malim, inilah satu berita yang telah dikeluarkan oleh suratkhabar pada hari ini. Akibat kejadian kegelinciran rel Ekspres Rakyat yang berlaku semalam ada dilaporkan bahawa seorang telah terbunuh dan lebih kurang 500 orang telah tercedera (injured).

Memandangkan hal ini, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa ini adalah satu perkara yang sangat penting dan saya berpendapat bahawa pihak Kementerian yang berkenaan patutlah mengadakan siasatan mendalam untuk mendapat tahu bagaimana dan mengapa-lah kegelinciran rel selalu berlaku di negara kita. Tadi saya pun ada memberikan angka-angka untuk membuktikan apa yang saya telah katakan. Adakah kejadian kegelinciran rel itu berlaku oleh sebab kekurangan keselamatan dari segi menyelenggarakan rel ataupun perkara itu telah berlaku oleh kerana kecekapan pihak yang berkaitan.

Tuan Pengerusi, kejadian kegelinciran rel itu ialah satu hal yang amat serius yang telah melibatkan kerugian yang berjumlah lebih kurang \$600,000 pada tahun 1976 dan lebih kurang \$800,000 dari segi kerugian pada tahun 1978. Di samping ini juga timbul kerugian yang tidak secara langsung melalui tuntutan-tuntutan barang-barang yang rosak, memulangkan semula bayaran tiket kelewatan pembatalan perkhidmatan, pemberian ke atas enjin dan gerabak dan lain-lainnya.

Saya suka mengesyorkan di sini dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh memberi satu jawapan di Dewan ini supaya Dewan ini boleh mendapat tahu apakah langkah-langkah pihak Kementerian hendak mengambil untuk mengelakkan kejadian kegelinciran rel mungkin berlaku pada masa yang akan datang. Tadi, saya ada berkata bahawa kejadian ini mungkin telah berlaku oleh sebab

kekurangan keselamatan untuk menjaga rel ataupun penyelenggaraan rel dan kalau ini benar, saya suka mengesyorkan bahawa pihak Kementerian yang berkenaan patutlah menubuhkan satu pasukan keselamatan khas untuk menjaga hal ehwal mengenai landasan rel keretapi sebagai salah satu langkah untuk mengelakkan kejadian ini daripada berlaku pada masa yang akan datang.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Kertas Perintah 28, Maksud B. 60, Butiran 3200 di mana ada dikatakan bahawa tambahan sebanyak \$744,500 adalah dikehendaki bagi menampung perbelanjaan membuat kerja-kerja sekatan bilik-bilik pejabat dan juga pembayaran sewaan ruang pejabat baru di Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Jalan di Wisma Damansara. Mengenai hal ini, saya suka menyentuh satu perkara mengenai segi pentadbiran. Saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun pihak Kementerian yang berkenaan telah mengambil satu keputusan mengenai rayuan yang telah dibuat oleh pemandu-pemandu teksi dalam bandaraya Kuala Lumpur supaya mereka dikecualikan untuk memakai talipinggang keledar oleh sebab ini ialah satu perkara yang telah disampaikan kepada Kementerian oleh Persatuan Pemandu Teksi Bandaraya dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapatlah memberi tahu Dewan ini sama ada satu keputusan telah dibuat mengenai hal ini.

Satu lagi ialah permintaan juga telah dibuat oleh Persatuan Pemandu Teksi untuk dibenarkan meraka untuk mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang di lorong bas (special bus lane) oleh sebab ini satu permintaan yang telah dibuat oleh Persatuan Pemandu Teksi dan saya diberi tahu bahawa masalah ini masih ditimbangkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan dan saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah satu keputusan dibuat atas dua perkara yang telah saya sentuh.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.30 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hanya akan sentuh satu dua perkara sahaja yang di bawah Butiran Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, saya fikir sudah sampai masanya bagi saya menarik perhatian Kementerian Pengangkutan, khasnya Menteri Pengangkutan dan Timbalan-timbalannya yang ada berkaitan dengan melambung naiknya aduan-aduan orang ramai terhadap pentadbiran dan sistem pemeriksaan atau ujian kenderaan di RIMV di seluruh negara kita. Saya merasa kesal bahawa bila bekas Ketua Pengarah, Datuk Hassan Ibrahim ada di Jabatan Pengangkutan sudah berlaku beberapa kali percanggahan kenyataan di antara Ketua Pengarah dengan Menteri Pengangkutan dan Timbalan Menteri Pengangkutan mengenai standard ujian kenderaan. Memang DAP menyokong bahawa standard atau ujian pemandu kereta ini perlulah dipertinggikan supaya keselamatan di jalanraya dan keselamatan pengguna jalanraya dan orang ramai boleh dilindungi dengan meningkatkan standard ujian pemandu kereta melalui peperiksaan. Tetapi bila berlakunya aduan orang ramai pihak Timbalan Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Dr Goh Cheng Teik adalah mengumumkan bahawa standard ujian ini akan diturunkan tetapi dengan serentak, dengan serta-merta, bekas Ketua Pengarah menolak, katanya demi kepentingan orang ramai standard ujian ini tidak akan diturunkan.

Sungguhpun perkara ini sudah berlakuyang sangat menggejaskan orang ramai, khasnya pemandu-pemandu kereta tetapi bila transfernya bekas Ketua Pengarah, hingga hari ini sungguhpun bekas Ketua Pengarah adalah berusaha cuba mahu merombak keseluruhan jentera pentadbiran di RIMV dan juga mahu membasmikan kemiskinan tetapi dengan tempoh yang begitu singkat beliau telah ditransfer ke Jabatan yang lain tetapi nampaknya hari ini kita tidak nampak apa-apa perubahan dalam kecekapan pentadbiran di RIMV. Umpamanya, sistem ujian pemandu kereta sungguhpun markah atau percentagenya sudah diturunkan begitu rendah, tidak sampai 30%, tetapi ini bukan

bermakna bahawa RIMV sudah berkecekapan untuk mengada dan menjalankan peperiksaan pemandu kereta.

Saya tidak tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar aduan-aduan dan sungutan daripada orang ramai tentang cara pemberian dan cara peperiksaan dan menguji pemandu kereta, iaitu biasanya pemandu-pemandu kereta ini langsung tidak diberitahu di mana kesilapan mereka berlaku yang mengakibatkan mereka gagal dalam peperiksaan mereka. Ini bukan satu contoh, Tuan Pengerusi. Saya pernah menerima, umpamanya, pada dua hari yang lepas seorang pemandu kereta telah gagal 4 kali. Dalam 4 kali kegagalan ini dia tidak tahu apakah sebab yang mengakibatkannya dia gagal.

Sebenarnya pemandu-pemandu kereta ini yang diuji kereta itu perlulah diberitahu di mana kesilapannya dan apa sebab dia digagalkan barulah dia boleh memperbaiki di mana kelemahan dalam memandu keretanya. Tidak bolehlah hidup atau mati, kuasanya adalah terletak di dalam tangan pegawai-pegawai yang berkenaan. Ini adalah salah. Dan juga mengambil masa yang panjang untuk memberitahu si anu sudah gagal atau berjaya. Apakah sebabnya mereka tidak boleh diberitahu lebih awal lagi mengenai kegagalan mereka, terpaksa mereka tunggu sampai akhirnya mereka diberitahu apakah keputusan mereka. Dan juga dalam menguji pemandu kereta itu sikap segelintir pegawai itu adalah sangat kasar. Saya harap perkara ini bolehlah diambil berat oleh Kementerian Pengangkutan.

Dalam proses memeriksa kereta itu timbul lagi banyak masalah. Saya sendiri pernah membuat satu laporan kepada pihak RIMV yang berkenaan mengenai cara pegawai-pegawai memeriksa kereta tuanpunya kereta. Mereka minta tuanpunya kereta datang untuk diperiksa keretanya, mereka sangat kasar, menendang kereta itu, ketuk di tempat yang lain-lain, beritahu tuanpunya kereta itu katakan kereta tidak boleh digunakan, hendaklah dibaiaki lagi. Bila datang pada hari kedua, dia kata bahagian yang kedua kereta itu adalah sangat kasar. Saya harap ketiga, datang lagi, katanya cermin itu tidak baik, balik lagi. Datang lagi hari keempat. Tuan Pengerusi, adakah Kementerian

Pengangkutan menyedari masalah-masalah yang dihadapi oleh tuanpunya kereta. Kalau mereka datang sekali tak apa, tetapi sampai tiga empat kali, ini ertiannya mereka akan membuang masa membawa keretanya ke RIMV untuk diperiksa. Kedua perkara ini akan memakan masa, wang dan tenaga tuanpunya kereta. Apa sebab RIMV tidak boleh mengadakan satu borang terus memberitahu mereka sekali gus di mana bahagian-bahagian kereta mereka tidak baik, maka ikutlah arahan mereka panggil tuanpunya kereta hantar balik, bagi kereta lagi baru hantar balik, jangan hanya mengikut arahan mulut mereka sahaja, sehingga beberapa kali barulah membolehkan kereta mereka diluluskan.

Sebelum Hari Raya Puasa satu kes berlaku yang sangat-sangat mengetarkan saya. Saya menerima aduan itu, iaitu seorang pemandu teksi dari Melaka membawa penumpangnya balik dari Kuala Lumpur ke Seremban, dia ditahan di highway balik ke Melaka oleh dua pegawai RIMV. Dia bertanya kepada penumpang-penumpang adakah kadar sewa sudah dinaikkan? Penumpang kata, tak ada naik. Bila pegawai itu tidak dapat kesalahan daripada pemandu teksi itu dia kata asapnya keluar terlalu besar, tetapi menurut pemandu teksi itu keretanya hanya diperiksa dan diluluskan oleh RIMV Melaka pada minggu yang lepas. Ertinya asap kereta itu sudah mengikut standard mereka. Dia tarik leseninya, kad pengenalannya dan menyuruh pemandu teksi itu balik ke Melaka untuk diperiksa di RIMV. Pegawai RIMV merasa terperanjat apa sebab dia balik. Dia beritahukan berita yang sebenarnya, panggil RIMV memeriksa semula asap dari kereta teksinya. RIMV kata jangan degil dengan pegawai RIMV, bayarlah hukuman denda di Petaling Jaya.

Tuan Pengurus, apa sebabnya berlaku satu penyelewangan dalam pemeriksaan kereta. Seorang pegawai RIMV di Melaka kata lulus, manakala pegawai RIMV di Selangor kata tak lulus. Manakah satu yang benar, yang betul; mesin tak betulkah atau orang tak betul atau pentadbiran Kementerian Pengangkutan tak betul. Apa sebab pemandu-pemandu teksi selalu dianiaya, disusahkan. Memang keselamatan orang ramai mustahak, keselamatan pengangkutan memang

mustahak, tetapi contoh-contoh yang saya berikan itu perlu diperbaiki supaya orang ramai tidak disusahkan dan dianiaya oleh segelintir pegawai yang menyalahgunakan kuasa mereka bila mereka menjalankan tugas mereka. Sungguhpun bekas Ketua Pengarah berusaha seboleh-bolehnya mahu membasmikan kemiskinan di kalangan RIMV tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau memberitahu Dewan yang mulia ini kenyataan korapsi sudah habis. Saya perlu memberitahu Kementerian Pengangkutan bahawa kenyataan korapsi di RIMV masih lagi bermahrajalela, lagi dahsyat dengan cara yang lain, dengan cara yang lebih licin.

Tuan Pengurus, saya bukan mahu tinenduh atau mahu menjekaskan imej RIMV. Cuba BSN menghantar orang menyamar diri seperti orang ramai pergi ke RIMV, baik di Melaka atau di mana-mana tempat pun, lihat dengan mata sendiri tentu akan tahu bagaimana cara pegawai memeriksa kereta mereka. Yang sudah bayar itu senang sahaja diluluskan, yang tidak bayar melalui orang tengah susah, dua tiga empat kali pun tidak boleh lulus. Itulah perkara yang sangat mengecewakan orang ramai.

Dalam ujian pemandu sama juga berlakunya perkara yang sangat mendukacitakan orang ramai. Di sini saya mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan memberitahukan Dewan yang mulia ini apakah langkah-langkah yang positif telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan dan cara ujian pemanduan kereta dan juga pemeriksaan kenderaan di semua RIMV. Adakah markah-markah atau standard ujian pemanduan kereta ini akan diturunkan seperti mana yang diumumkan oleh Menteri Pengangkutan.

Tuan Pengurus, akhirnya saya juga mahu meminta satu penjelasan daripada Timbalan Menteri Pengangkutan iaitu pada dua minggu yang lepas di dalam Dewan yang mulia ini saya ada menanya satu soalan tambahan dihalakan kepada Timbalan Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Dr Goh Cheng Teik, saya tanya beliau, adakah tambang penerbangan dalam negeri Malaysia, iaitu di Sarawak dan Sabah akan diturunkan dan juga adakah Yang

Berhormat sedari bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengumumkan ketika merasmikan penggunaan Airbus baru-baru ini bahawa katanya tambang di Sabah dan Sarawak akan diturunkan supaya rakyat boleh menikmati tambang yang murah. Jawapan daripada Timbalan Menteri Pengangkutan iaitu katanya, tidak.

Di sini saya merasa keliru, adakah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri membuat satu pengumuman yang salah atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan tidak menyedari apa yang telah atau apa yang sedang berlaku dalam Kementerian Pengangkutan. Di Dewan yang mulia ini sangat dikelirukan. Seringkali berlakunya percanggahan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh seseorang Menteri atau Timbalannya atau pegawaiinya.

Di sini saya harap Kementerian boleh menjelaskan sejelas-bilakah tambang untuk perkhidmatan penerbangan dalam Malaysia khasnya di Sabah dan Sarawak akan diturunkan, kerana menurut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan diturunkan tetapi menurut kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan katanya, tidak. Sekarang saya tidak tahu mana satukah yang benar, mana satukah yang salah. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

4.44 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menterinya.

Pertamanya B. 60, Butiran 2500 berkenaan Pengangkutan Jalan yang telah diubah pejabatnya.

Tuan Pengerusi, saya percaya dan saya berharap dengan ubahnya pejabat, pembaikan ini akan menambah baik lagi suasana pentadbiran pengangkutan jalan kerana daripada inilah akan membawakan segala barang-barang itu selamat sampai

kerana dengan pengangkutan jalan itu tidak lain tidak bukan termasuklah kenderaan-kenderaan yang telah ditadbirkan oleh pengurusan pengangkutan jalan termasuk kenderaan-kenderaan yang paling besar seperti lori, bas, motokar dan motosikal.

Tuan Pengerusi, sebagaimana termaklum perkara-perkara yang membawa kebaikan dan kesampaian barang dan manusia ini jugalah kadang-kadang salah satu yang membawa kemalangan kepada manusia. Maka dengan sebab itu saya amat berharap di sini di segi keselamatan jalanraya. Di segi lain saya tidak sentuh.

Kemalangan sentiasa berlaku dan kerapkali kemalangan yang berlaku ini yang selalu menjadi mangsanya yang kecil dan yang paling kecil. Maksud saya yang kecil dan paling kecil ialah kadang-kadang tidak tahu siapa yang bersalah, tetapi yang kerapkali berlaku mangsanya ialah yang kecil. Misalnya kalau kita kata yang paling kecil sekali di tepi jalanraya tidak lain dan tidak bukan ialah orang berjalan kaki.

Kedua, kenderaan basikal, ketiga-kecil motosikal, keempat-kecil motokar, besar sedikit trak atau van yang kecil sedikit daripada lori dan sebagainya. Kalau berlaku satu-satu perlanggaran, salah atau tidak salah dibawa ke mahkamah dahulu, kadang-kadang ada pula yang mengatakan kalau yang salah itu agaknya hendak senang bicara, biarlah yang menjadi mangsa itu terus mati. Takdirnya kita terlanggar satu orang, orang lain tidak nampak dan ini biasa berlaku dilanggar sampai mati supaya senang bicara. Ini adalah perasaan manusia tetapi ada juga yang bertimbang rasa, walaupun dia yang tindih, dia yang melanggar, dia sendiri tolong bawa tetapi kalaularah salah-salah langkah ada pula manusia yang tidak tahan perasaan bila nampak perlanggaran begitu dia tidak kira yang kena langgar itu salah, dia tentulah hendak memukul orang yang melanggar tadi. Ini saya tahu juga, kita sama-sama kenderaan tentulah amat rumit hendak menjaga ketenteraman orang ramai. Jadi maksud saya di sini walau macam manapun yang kita nampak selalu berlaku. Bila berlaku kemalangan, salah tidak salah macam saya katakan tadi—saya tidak berani membuat

keputusan salah, yang berani membuat keputusan salah ialah mahkamah selepas mendengar perbicaraan. Saya tidak berani membuat keputusan tetapi yang saya berani kata selalu berlaku.

Kalau perlanggaran atau kemalangan berlaku yang menjadi mangsanya macam saya katakan tadi kalau motosikal dengan orang berjalan kaki, orang berjalan kakilah yang menjadi mangsanya walaupun dia salah atau tidak salah, itu soal lain. Kalau motosikal salah pun orang berjalan kaki jadi mangsanya. Begitu juga kata motosikal dengan motokar. Kalau motokar salahpun motosikal jadi mangsa. Kalau siapapun salah yang menjadi mangsa tetap yang kecil. Begitulah kalau lori dengan motokar dan sebagainya. Jadi, saya berpendapat kalau boleh tindakan yang paling berkesan kita ambil.

Saya sedih, Tuan Pengerusi, kalau yang bersalah jadi mangsa itu adat dunia, sesiapa yang bersalah mesti dihukum tetapi kita amat sedih kalau yang menjadi mangsa itu tidak bersalah dia kena aniaya, dia dilanggar, kadang-kadang ini berlaku dengan sebab kerana hendak cepat mencari keuntungan dan sebagainya.

Saya tengok di negeri Thai yang berjiran dengan kita, orang cukup takut memandu kereta kerana aturan di sana cukup ketat kalau sesiapa yang melanggar orang—inipun kadang-kadang ada juga yang kita tidak setuju dia tidak kira salah atau tidak salah, dia kira tetap hentam orang yang melanggar sahaja. Oleh itu kita kena adakan aturan yang lebih ketat, janganlah undang-undang kita kadang-kadang seorang manusia mati dendanya \$500, walaupun kadang-kadang yang menjadi mangsa itu buat kesalahan juga—saya tidak nafi, tetapi kadang-kadang kalau salah pemandu itupun dendanya tidak seberapa sangat. Memang betul pemandu ini kadang-kadang kena memikir dua hala. Kalau kita membawa banyak penumpang misalnya seorang hendak jadi mangsa, biarlah seorang itu jadi mangsa jangan sampai empat orang dalam kereta itu menjadi mangsa tetapi biarlah ada perasaan.

Kesimpulannya, Tuan Pengerusi, saya berharap sangat kalau boleh adakan satu peraturan yang lebih ketat, janganlah ditulis

boleh lari 35 b.s.j., lari 60 b.s.j. pun kita kata tidak mengapa. Saya harap Jabatan Pengangkutan Jalan selalu mengadakan pemeriksaan dan janganlah diperiksa di satu tempat semata-mata.

Kedua, Tuan Pengerusi, saya tahu ini untuk keselamatan, pengangkutan jalan kerjanya untuk keselamatan, motosikal sudah lama dan banyak asap tentulah banyak bahayanya. Kadang-kadang kalau kita ikut di belakang motokar yang banyak asap tidak boleh, orang depan pun kacau, orang belakang pun kacau. Maka dengan sebab itulah saya percaya teksi misalnya ditetapkan sekian-sekian tahun, lebih daripada dua tahun mesti mendapat kelulusan daripada pihak Pengangkutan Jalan, Kuala Lumpur, tidak boleh diluluskan oleh negeri masing-masing. Tetapi, saya minta dua perkara. Pertama, saya sokong apa yang disyorkan oleh rakan saya dari Tanah Merah iaitu kita jangan semata-mata mementingkan kepada umur motokar, tetapi pandanglah kepada jenis motokar. Kalau jenis motokar yang baik dan yang lebih bagus walau lama sedikitpun kita longgarkan sedikit. Ini patut sangat kerana benda yang lamapun kalau jenis yang baik, barang bagus, spare parts bagus, tahan lama tetapi kalau ada motokar baru belipun, saya tak mahu menghinakan daripada setengah pengeluaran, macam ada setengahnya biasa kata orang, ada setengah jenis motokar semacam dengan tin Dumex.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, butiran mana?

Tuan Shaari bin Jusoh: Butiran pengangkutan jalan iaitu kerja-kerja yang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Di muka berapa, dalam kertas mana?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, sungguhpun di sini banyak diperuntukkan untuk kebaikan pengangkutan jalan, jadi maknanya mentadbirkan bersangkut dengan pengangkutan jalan

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Bila disebut Kementerian Pengangkutan itu, dia ada butiran tertentu seperti Pentadbiran Am Kod 2500 dan 3200 di dalam soal Jabatan Pengangkutan Jalan. Kalau dalam Kertas

Perintah 28 itu di bawah Bekalan, tetapi dalam Pembangunan iaitu ada peruntukan Kementerian Pengangkutan disebut Butiran (Projek) 18—Peruntukan tambahan dikehendaki, kemudian itu ada lagi mengenai pembinaan pelaburan. Yang manakah Yang Berhormat hendak sebut?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya bercakap mengenai Kod 3200—Kemudahan (1) Pentadbiran Am dalam Kertas Perintah 28/79 muka surat 19 berjumlah \$744,500.

Tuan Pengerusi: Yalah, jikalau di bawah Pentadbiran Am sekalipun berkaitan dengan pengangkutan barang-barang, bukan kereta berlanggar. Kalau misal kata Pentadbiran Am dalam perkara kemudahan lain pula cara pentadbirannya. Yang manakah Yang Berhormat hendak bercakap?

Tuan Shaari bin Jusoh: Pentadbiran Am. Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi kuasa diberi setahu saya kepada Kerajaan Negeri mengenai kenderaan di negeri-negeri ialah dua tahun, kalau lebih daripada itu bolehlah disokong dan dihantar ke Ibu Pejabat Kementerian Pengangkutan, Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, telah menjadi adat kepada kita, saya percaya dibenarkan oleh pihak Pengangkutan Jalan Kuala Lumpur ini ialah selepas disokong, ditandatangani dan diluluskan oleh pihak Pengangkutan Negeri. Tuan Pengerusi, peraturan itu elok tetapi lambat dan memakan masa. Jadi, saya berpendapat kalau boleh difikirkan oleh Jabatan Pengangkutan Negeri, kalau kenderaan itu boleh pakai dengan tak payah dihantar ke kuala lumpur boleh diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Negeri sendiri, kerana yang hendak diluluskan di sini pun selepas dapat kelulusan dan sokongan daripada sana. Pendek kata beginilah, saya katakan, setahu saya dan saya biasa tolong bawa, ini saya bercakap terus terang, lulus jarum, lulus kelindan. Kalau lulus di negeri, sinipun lulus, cuma masa itu lambat, boleh jadi sampai 15-20 hari. Cuma yang hendak minta kelulusan di sini kenderaan yang umurnya lebih 5-8 tahun.

Tuan Pengerusi, dari segi ini saya bercakap tentang pakaian. Hari ini Kerajaan telah buat

peraturan jalan kerana hendak ber selamat diadakan topi keledar dan talipinggang keledar. Satu lagi saya percaya aturan pakai tentang pakaian pemandu itu sendiri yang seboleh-bolehnya pakaian pemandu terutamanya yang membawa motosikal dan motorkar kita mestilah kena pakai kasut. Bukanlah hendak kasut yang baik tetapi kasut getahpun tak mengapa tetapi jangan pakai selipar. Kadang-kadang selalu berlaku kemalangan, ada setengah pemandu motosikal dengan pakai selipar itu tergelincir sedikit mudah sangat dia jatuh, dia jatuh sendiri. Bukan dia sahaja dapat sakit kadang-kadang orang yang mengikut di belakang dapat malang sama. Jadi, saya harap diambil perhatian dan kalau boleh dicari jalan mengatasinya oleh Kementerian berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada P. 54 di bawah Kementerian Pengangkutan Jalan mengenai Keretapi Tanah Melayu. Saya tengok di sini (Projek) 18—Projek-projek Pemulihan tentang Pemindahan Setinggan-setinggan yang hendak dibuat di Sungai Way, Selangor. Saya berpendapat bukanlah hanya di Sungai Way itu sahaja yang ada rumah yang kita kata rumah berek yang kurang baik di tepi landasan keretapi bahkan di seluruh Malaysia. Jadi, saya minta kalau boleh dikaji di seluruh tempat sampai ke Bukit Mertajam dan Alor Star, kalau ada rumah yang tak elok itu diperbaikilah semua jangan kepada Sungai Way sahaja. Itu saya harap dapat perhatian.

Satu lagi saya bercakap di bawah (Projek) 23 berkenaan Jentera Menyelenggara Landasan. Jadi saya bersetuju sangat rel yang buruk itu patutlah diganti baru. Boleh jadi selalu keretapi itu tergelincir kerana landasan atau rel itu tidak begitu molek. Carilah landasan yang elok dan saya dapat tahu daripada orang yang pergi melawat ke luar negeri mengatakan keretapi, misalnya, di Jepun keretapi itu terlampaui laju dan boleh lari satu jam beratus batu, jadi boleh dikatakan lebih deras daripada motokar di Kuala Lumpur. Hari ini saya dapat, penumpang yang hendak pergi bekerja dengan cepat dia tak suka naik keretapi kerana perjalanan keretapi itu tak laju kalau hendak dibandingkan dengan kereta. Jadi saya ingat dengan adanya rel yang baru itu

keretapi boleh berjalan laju dan saya berpendapat, sekiranya boleh diadakan dua rel khasnya tempat-tempat yang sesuai, jangan pakai satu rel. Kadang-kadang kita menggunakan satu rel terpaksa keretapi itu memakan masa lama masa berselisih di satu tempat, misalnya, di Ipoh biasa orang yang naik keretapi terpaksa tunggu kadang-kadang sampai $\frac{1}{2}$ -1 jam. Jadi, kalau sekiranya boleh Kerajaan mengadakan dua rel terutama tempat yang selalu keretapi berselisih.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya berpendapat kalaularah dahulu kita tahu keretapi ini diadakan oleh penjajah untuk mengambil bijih, saya tengok hari ini negeri yang maju sekali dengan peluang yang baru ialah negeri Trengganu kerana hasil minyak. Setahu saya Trengganu dengan Pahang itu tak ada keretapi. Saya mengesyorkan kalau sekiranya boleh patut diadakan hubungan keretapi sampai ke Trengganu kerana dengan itu mudah membawa hasil minyak yang keluar daripada Trengganu sekarang.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini juga saya dapat tahu kenyataan daripada Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu, yang mengatakan ada satu bengkel di Sentul tujuannya untuk membaiki segala kelengkapan keretapi. Saya dapat tahu boleh jadi diadakan satu faktori di situ untuk membuat alat ganti dan boleh jadi satu ketika kita sendiri akan membuat kepala keretapi sendiri. Kita sudah lama merdeka, jadi janganlah kita berharap kepada negeri lain semua sampai hendak membuat spare parts dan sebagainya. Kadang-kadang yang menjadi rumit, harga kenderaan itu tidak mahal tetapi spare parts untuk memperbaiki itu lebih mahal daripada benda yang asal. Dengan sebab itu, saya sokong sangat apa yang disyorkan bagi mengadakan satu bengkel di Sentul. Itu patutlah dijalankan hari ini di sebuah negara kita yang telah merdeka memandangkan patut dan jabatan ini begitu lama dan saya percaya Kerajaan kita akan memodenkan keretapi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya dengar baru-baru ini ada pihak-pihak yang mencadangkan supaya nama keretapi itu diubah kepada nama lain, saya tak bersetuju.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, nama keretapi tak ada kena-mengena dengan hal ini, ini cuma berkenaan dengan rel sahaja.

Tuan Shaari bin Jusoh: Rel termasuk keretapi.

Tuan Pengerusi: Tidak.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya sokong peruntukan ini dan saya haraplah semacam saya katakan tadi walau macam manapun nama asal yang tetap itu akan menjadi tetap dan peruntukan yang diminta ini saya sokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

5.00 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Saya akan bercakap dengan ringkas sahaja, Tuan Pengerusi, lebih kurang 18 bulan yang lalu pihak Kementerian Pengangkutan telah mengumumkan bahawa sebuah Jabatan Pengangkutan akan dibina di Telok Anson, tetapi setakat ini rancangan ini tidak dapat ditunaikan.

Saya difahamkan bahawa satu tapak seluas 15 ekar telah diperolehi oleh pejabat tertentu dan saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menjelaskan bilakah rancangan ini akan dilaksanakan kerana adalah benar bahawa Pejabat Pusat Pengangkutan di Ipoh adalah amat sesak. Jika sebuah Pejabat Pengangkutan dibina di Telok Anson, ini akan mengurangkan kesesakan yang dihadapi di Pejabat Pusat Ipoh itu. Saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengumumkan bilakah rancangan itu dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap ini di bawah butiran mana?

Tuan Au How Cheong: Tuan Pengerusi, tadi saya sebut mengenai Maksud B. 60—Jabatan Pengangkutan Jalan di Kertas Perintah 28.

Tuan Pengerusi: Nanti, dalam Kertas Perintah berapa, B. 60?

Tuan Au How Cheong: Nampaknya saya telah terawal. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baiklah, oleh kerana tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap lagi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.02 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Pengangkutan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran kepada Kementerian ini. Walau bagaimanapun, izinkanlah saya untuk menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Pertama, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai butir-butir yang terkandung dalam Kertas Perintah 30, Butiran 23—Penyelenggaraan Landasan.

Sebenarnya, kegelinciran-kegelinciran yang berlaku bagi keretapi Tanah Melayu tidaklah begitu buruk benar dan tidak boleh dianggap terlalu menyulitkan kerana keadaan ini adalah satu keadaan yang biasa berlaku di mana-mana juga, tambahan pula dari setahun ke setahun penggunaan keretapi, koc dan seumpamanya bertambah dari setahun ke setahun yang menyebabkan kegunaan rel (track) keretapi itu bertambah daripada setahun ke setahun.

Kegelinciran-kegelinciran yang berlaku, sebagaimana yang pernah saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini ialah disebabkan oleh beberapa sebab, dan tidaklah pula dapat ditentukan sebab-sebab kegelinciran itu oleh suatu keadaan yang tertentu semata-mata tetapi walau bagaimanapun pihak Kementerian ini dan pihak Keretapi Tanah Melayu memang dari semasa ke semasa menjalankan penyiasatan dan pengawasan tentang keadaan-keadaan yang berlaku itu.

Berhubung dengan kegelinciran yang berlaku pada 10hb Disember, 1979, saya rasa kuranglah tepat apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Sebenarnya kegelinciran yang berlaku kepada Ekspres Rakyat itu tidaklah ertiinya menyebabkan banyak yang kemalangan. Walau bagaimanapun terdapat kematian kepada seorang daripada penumpang dan penumpang-penumpang

yang lain itu telah diusahakan untuk meneruskan perjalanan mereka dengan cara-cara lain kenderaan.

Barangkali dalam masa saya mengemukakan peruntukan perbelanjaan tahun 1980 telah saya jelaskan dalam mana Kementerian ini berhajat untuk mendapatkan beberapa peruntukan yang bertujuan untuk memperbaiki terutama sekali landasan (track) keretapi untuk menjaga keselamatan keretapi pada masa-masa yang akan datang.

Mengenai apa yang dihajatkan oleh Ahli Yang Berhormat yakni supaya pihak Keretapi Tanah Melayu mengadakan satu pasukan khas bagi mengawasi landasan-landasan, saya rasa perkara ini tidaklah perlu Keretapi Tanah Melayu menubuhkan satu bahagian khas, satu jabatan khas atau satu pasukan khas bagi menjalankan pengawasan itu kerana memang ada tugas-tugas ditentukan oleh Keretapi Tanah Melayu kepada pegawai-pegawai yang tertentu di bahagian yang tertentu bagi mengawasi landasan-landasan keretapi.

Berhubung dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai Maksud B. 54, Pecahan-kepala 3300, sukalah saya menjelaskan peruntukan yang diminta diluluskan sebanyak \$91,248 itu ialah telah digunakan bagi perbelanjaan kerana perpindahan Kementerian Pengangkutan daripada bangunan lamanya di Jalan Gurney ke bangunan baru di Jalan Dugun di Bangunan Wisma Perdana dan perbelanjaan-perbelanjaan itu bukan sahaja untuk perbelanjaan mengangkut barang-barang tetapi juga membekalkan alat-alat kelengkapan bagi bilik-bilik pejabat di bangunan baru itu.

Berhubung dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai pemandu-pemandu teksi di bandaraya meminta supaya penggunaan tali pinggang keledar bagi pemandu di Kuala Lumpur ini dibebaskan dari peraturan yang diadakan sekarang. Berhubung dengan masalah ini, barangkali Ahli Yang Berhormat itu telahpun diberi jawapan atas soalan yang sama maksudnya dalam Dewan yang mulia ini, setakat ini Kementerian tidaklah berhajat

hendak melonggar ataupun membezakan tentang peraturan penggunaan tali pinggang keledar itu.

Mengenai permohonan-permohonan pemandu teksi di bandaraya minta kebenaran mengambil atau menurunkan penumpang di lorong-lorong yang sudah ditentukan kepada bas atau seumpamanya, masalah ini Kementerian akan meninjau dan melihat mengenai permohonan itu, jika difikirkan perlu akan diberikan pertimbangan.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berhubung dengan apa yang ditegurkan oleh beliau mengenai ujian memandu, saya rasa tidak payahlah saya jawab panjang-panjang kerana tujuan mengadakan ujian memandu seperti yang dibangkitkan sekarang ini tidak lain dan tidak bukan ialah dengan tujuan hendak memberi kecekapan yang sebaik-baiknya kepada pihak pemandu-pemandu kenderaan di tanahair kita ini bagi mengurangkan kemalangan-kemalangan yang sentiasa meningkat dari setahun ke setahun akibat kecuaian dan seumpamanya pemandu-pemandu kenderaan di tanahair kita ini.

Saya tidak hendak bercakap panjang dan menjelaskan lebih panjang perkara ini kerana perkara ini sentiasa dipersoalkan bukan sahaja dalam Dewan yang mulia ini malah di luar Dewan yang mulia ini.

Mengenai apa yang dikatakan sebuah teksi dari Kuala Lumpur ke Melaka ditahan di pertengahan jalan highway barangkali oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa tetapi apabila tidak dapat dicari kesilapannya maka ia dituduh mengatakan dengan kesalahan bahawa teksinya mengeluarkan asap malah teksinya telahpun diperiksa oleh pegawai-pegawai RIMV di Melaka. Saya rasa kalau ada perkara-perkara yang tertentu seperti ini tidak patut Ahli Yang Berhormat itu membuat tuduhan di sini dan jika benar dalam masalah ini saya berharap Ahli Yang Berhormat itu membuat pengaduan sama ada kepada Kementerian ini ataupun kepada pihak Biro Siasatan Negara.

Demikian juga mengenai tuduhan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pengangkutan Jalan masih melakukan korapsi yang dahsyat sebagaimana yang disebutkan, saya tidaklah

dapat menafikan bahawa adanya korapsi barangkali dalam Jabatan itu tetapi pihak Kementerian dan pihak Jabatan-jabatan yang berkenaan sentiasa mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan yang melakukan perbuatan-perbuatan itu. Dalam pada itu sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mengetahui atas sesuatu kes yang specific, kita berharap Ahli Yang Berhormat itu memberikan kerjasama, tidaklah sepatutnya perkara ini hanya dilaungkan atau dibangkitkan di dalam Dewan ini sahaja.

Berhubung dengan tambang kapalterbang ke Sabah dan Sarawak, saya rasa saya tidak mahu menjawab dalam Dewan ini pada masa ini kerana tidak ada perkara ini dibangkitkan di dalam Butiran-butiran yang saya pohon dalam Majlis ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, tidak banyak rasa saya perkara-perkara yang dikehendakinya melainkan pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana beliau sendiri merasai patut bahawa ujian-ujian pemandu yang dijalankan seperti sekarang ini diperketatkan supaya memeliharkan keselamatan jalanraya di tanahair kita ini.

Selain daripada itu mengenai Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson, saya rasa perkara ini telah jelas sebagaimana yang saya ucapkan pada masa mengemukakan Anggaran Perbelanjaan 1980 telahpun kita sentuh mengenai pembinaan Pejabat Pengangkutan Jalan di Teluk Anson.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$301,248 untuk Maksud B. 54 dan \$744,500 untuk Maksud B. 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,769,000 untuk Maksud P. 54, \$500,000 untuk Maksud P. 55 dan \$376,000 untuk Maksud P. 56 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga,

Telekom dan Pos untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud B. 61 (Jadual)—

Maksud P. 61 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) (1979)—

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, saya mohon membentangkan Anggaran Tambahan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi tahun 1979 yang berjumlah \$30,186,400.

Jumlah ini adalah terdiri dari tambahan Belanja Mengurus berjumlah \$186,400 di bawah Maksud B. 61 dan tambahan Belanja Pembangunan berjumlah \$30,000,000 di bawah Maksud P. 61.

Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1979 adalah berjumlah \$186,400 iaitu bagi membiayai perbelanjaan mengurus serta perbekalan kelengkapan bagi Pejabat Am dan Pejabat Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di Wisma Damansara, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, pada awal tahun ini LLN telah mengemukakan kepada Kerajaan jumlah kekurangan kewangan iaitu berjumlah \$150 juta. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan telah bersetuju untuk menambah ekuitinya dalam LLN sebanyak \$80,705,712. Ekuiti ini akan dibayar secara beransur-ansur. Dari jumlah tersebut sebanyak \$50,705,712 telahpun diluluskan dalam Anggaran Tambahan Pertama dan Kedua. Oleh yang demikian, bakinya sebanyak \$30,000,000 perlulah diluluskan untuk dibayar kepada LLN.

Dengan ini, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan berjumlah \$186,400 di bawah Maksud Bekalan B. 61 dan \$30,000,000 di bawah Maksud Pembangunan P. 61 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luarjangka dijadikan sebahagian daripada Jadual dan diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Maksud Bekalan B. 61 sebanyak \$186,400 dan Maksud Pembangunan P. 61

sebanyak \$30,000,000 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Oleh kerana tidak ada perbahasan, maka saya kemukakan usul ini untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$186,400 untuk Maksud B. 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$30,000,000 untuk Maksud P. 61 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979)—

5.18 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya bangun memohon supaya peruntukan sebanyak \$10 diluluskan oleh Dewan ini bagi Maksud P. 65, Butiran (Projek) 137—Pekan Baru Laka Tamin, Kedah—Infrastruktur.

Peruntukan ini adalah untuk mewujudkan kembali Butiran tersebut yang tidak diberikan peruntukan dalam tahun 1979 dan seterusnya bagi membolehkan peruntukan tambahan diberi kepada Butiran ini secara dipindah peruntukan daripada Butiran (Projek) yang lain di bawah Maksud yang sama.

Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Maksud Pembangunan P. 65 sebanyak \$10 di bawah Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Oleh kerana tidak ada perbahasan, maka saya kemukakan usul ini bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 65 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

5.20 ptg.

Maksud B. 66 (Jadual)—

Maksud P. 66 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979)—

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan peruntukan tambahan di bawah Maksud B. 66 sebanyak \$1,056,543 bagi Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi Tambahan Pertama Tahun 1979 untuk diluluskan sebagai sebahagian daripada peruntukan-peruntukan yang diperlukan.

Peruntukan tambahan sebanyak yang saya sebut tadi adalah dikehendaki bagi menambahkan peruntukan emolument perkhidmatan dan bekalan serta perbelanjaan mengurus Kementerian ini berikutan dengan wujudnya Jabatan Ukur Wilayah Persekutuan dalam tahun 1979. Jumlah ini telah didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Ulasan-ulasan terhadap peruntukan-peruntukan Tambahan Pertama yang dikehendaki bagi aktiviti tajuk tersebut bagi Belanja Mengurus telah dicatatkan di dalam Kertas Perintah Bil. 27 dan 28/70 Belanja Mengurus.

Dengan ini, saya memohon supaya peruntukan Tambahan Pertama berjumlah \$1,056,543 diluluskan oleh Dewan ini untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, saya juga mohon izin membentangkan peruntukan tambahan sebanyak \$38,172,992 bagi Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi

(Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1979 untuk diluluskan sebagai sebahagian daripada peruntukan tambahan yang dikehendaki di bawah Maksud P. 66.

Peruntukan tambahan yang saya sebutkan tadi adalah meliputi keperluan-keperluan bagi Badan-badan Berkanun di bawah kawalan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dari jumlah itu sebanyak \$16,901,772 adalah merupakan perbelanjaan pinjaman manakala sebanyak \$21,271,220 merupakan perbelanjaan secara langsung.

Ulasan-ulasan terhadap peruntukan (Tambahan) (Bil. 3) yang dikehendaki bagi aktiviti tajuk tersebut bagi pembangunan telah dicatatkan juga di dalam Kertas Perintah Bil. 29 dan 30/79 Belanja Pembangunan.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan-peruntukan (Tambahan) (Bil. 3) berjumlah \$38,172,992 diluluskan oleh Dewan ini dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, Maksud Bekalan B. 66 sebanyak \$1,056,543 dan Maksud Pembangunan P. 66 sebanyak \$38,172,992 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pagoh.

5.24 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Md. Yassin (Pagoh): Saya hanya ingin memberikan pandangan dan pendapat saya atas satu dua perkara berhubung dengan Anggaran yang dimohon oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Yang Pertama, di dalam Maksud P. 66, Butiran 5—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA).

Saya difahamkan FELCRA sekarang ini sedang menjalankan satu rancangan percubaan (pilot project) yang disebut sebagai Rancangan Pembangunan In Situ (In Situ Development) dan apa yang saya diberitahu ada dua kawasan dalam negara ini yang telahpun dipilih bagi menjalankan rancangan ini. Saya berpendapat ini adalah satu rancangan yang amat baik dan berfaedah dan oleh yang demikian FELCRA dan khasnya

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah perlu dan wajar mempergiat atau meluaskan rancangan Pembangunan In Situ ini, bukan sahaja, setakat untuk membangunkan kawasan tanah-tanah yang terbiar, tetapi di samping itu juga berusaha untuk bersama-sama memulihkan kawasan kampung-kampung tradisional di mana terdapat banyak tanah-tanah yang tidak dapat diusahakan oleh penduduk-penduduk kampung yang berkenaan.

Saya diberitahu rancangan ini walaupun dalam peringkat percubaan telahpun mengeluarkan hasil yang menguntungkan dan adalah wajar sekali rancangan ini diperluaskan dan dipergiatkan di kawasan-kawasan dan negeri-negeri yang lain.

Saya juga ingin mencadangkan supaya sekiranya rancangan In Situ Development ini memberikan keputusan dan juga hasil yang baik dan mendatangkan faedah khasnya kepada penduduk-penduduk di kawasan kampung-kampung yang ketinggalan dari segi pembangunan dan kampung-kampung tradisional maka perlulah Kementerian mengambil tindakan membuat kajian yang menyeluruh di kawasan-kawasan dan tempat-tempat yang lain supaya rancangan ini dapat dilipatgandakan lagi. Saya hanya ingin memohon khasnya kepada Yang Berhormat Menteri untuk membuat satu kajian kemungkinan di dalam kawasan Parlimen saya iaitu Pagoh di mana ada terdapat sebuah kampung yang terbiar di kawasan itu, terbiar oleh sebab limited atau terhad dari segi kebolehan penduduk-penduduk itu memajukan tanah-tanah di kawasan itu. Apa yang saya maksudkan ialah di dalam sebuah Mukim Lenga di dalam kawasan saya dan apa yang saya dimaklumkan berhampiran dengan kampung ini ada sebuah kawasan yang sangat luas yang masih dimiliki oleh Kerajaan Negeri ataupun tanah ini tanah Kerajaan Negeri di kawasan Ma'okil dan luasnya saya diberitahu lebih kurang 15,000 ekar akan dibuka dalam tahun 1980.

Saya mencadangkan supaya pihak FELCRA mengambil tindakan di dalam tahun 1980 untuk mengkaji akan kemungkinan dijalankan satu pilot project in situ Development di dalam kawasan saya

dan mungkin merundingkan dengan pihak Kerajaan Negeri supaya sebahagian daripada kawasan tanah ini dapat dikeluarkan untuk di integretkan ataupun disatukan dengan kawasan-kawasan tanah yang terbiar di dalam kawasan yang saya sebutkan tadi.

Yang keduanya, berhubung dengan P. 66—Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan. Saya percaya Lembaga ini telah ditubuhkan dengan matlamat-matlamat tertentu di bawah konsep Pembangunan Wilayah dan dasar ataupun cara-cara perlaksanaan projek-projek pembangunan tanah di dalam Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ini saya percaya adalah sama dan serupa dengan rancangan-rancangan kemajuan yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, Pahang Tenggara dan sebagainya.

Apa yang saya ingin memberi pandangan ialah tentang kemungkinan saya cara-cara Lembaga Kemajuan Tanah Wilayah seperti ini menjalankan rancangan-rancangan, membuka kawasan-kawasan tanah yang telahpun diperuntukan oleh Kerajaan Negeri di bawah Lembaga tersebut. Saya mungkin salah—Yang Berhormat Menteri boleh betulkan—sebab sebahagian daripada kawasan-kawasan tanah yang telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri kepada Lembaga Kemajuan Tanah tersebut umpsamanya di Johor, KEJORA, KESEDAR, KETENGAH dan sebagainya juga telah dikeluarkan dan diperuntukkan kepada FELDA. Bukanlah maksud saya di sini untuk tidak bersetuju perkara ini diberikan kepada FELDA, tetapi maksud saya dari segi dasar dan dari segi perkara yang dilaksanakan mungkin tindakan ini adalah overlapping ataupun bertindih dengan tugas dan peranan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Seperti apa yang kita maklum sebelum Lembaga Kemajuan Tanah ini dibuka dan ditubuhkan, Kerajaan-kerajaan Negeri juga telahpun diberi kuasa, sebagai kuasa utama Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan tanah kepada FELDA dan FELCRA. Jadi adalah satu perkara yang duplicating saya percaya untuk menubuhkan satu Lembaga, kemudian Lembaga itu menjalankan peranan yang serupa dengan apa yang pernah dijalankan oleh Kerajaan Negeri

dan mengeluarkan tanah-tanah itu kepada perbadanan-perbadanan yang lain.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Oleh yang demikian, saya percaya perkara ini perlulah diteliti semula khasnya dari segi perlaksanaannya sebab apa yang mungkin dapat saya fahami penubuhan atau pembentukan prinsip "Regional Development" mempunyai objektif-objektif yang tertentu dan sayugia tidak bertindih (duplicating) dengan tugas-tugas dan peranan yang telah dijalankan ataupun yang sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun agensi-agensi lain yang telah ditubuhkan lebih awal daripada itu.

Umpamanya, Tuan Penggerusi, sebagaimana kita sedia maklum diperingkat Kerajaan Negeri juga di bawah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri juga menjalankan rancangan-rancangan pembangunan tanah. FELDA sendiri sebagai sebuah agensi yang terbesar juga memajukan kawasan tanah. Saya berpendapat mungkin ada objektif dan ada tindakan-tindakan tertentu yang belum boleh ataupun belum dilaksanakan oleh Lembaga tersebut, khasnya untuk memberi peluang yang lebih, penglibatan yang lebih kepada syarikat-syarikat bumiputra menyertai dalam usaha-usaha pembangunan estet-estet (estate management).

Apa yang saya dapat tahu daripada Laporan-laporan Tahunan yang dikeluarkan oleh Lembaga-lembaga ini, sebahagian besar daripada kawasan-kawasan tanah yang telah diperuntukkan kepada Lembaga adalah dijalankan mengikut cara usaha sama (joint venture) yang sebahagian besarnya dengan syarikat-syarikat asing. Perkara ini perlu diteliti semula, oleh sebab pada pandangan saya tanah ialah satu hasil ataupun satu resources yang terhad dan sekiranya kita tidak meneliti dengan cara yang mendalam usaha yang kita buatkan khasnya di dalam usaha-usaha sama (joint venture) dengan syarikat-syarikat asing dan lebih-lebih lagi syarikat-syarikat yang bukan bumiputra, maka adalah satu kesilapan yang besar sekiranya kita tidak meneliti perkara ini dan satu ketika nanti kita melihat bahawa sebahagian daripada

kawasan-kawasan yang sepatutnya dimajukan untuk kepentingan rakyat negara ini telah dimiliki sama ada secara langsung ataupun secara ekuitinya oleh syarikat-syarikat asing.

Saya tidaklah menyatakan bahawa syarikat-syarikat ini tidak dapat menjalankan rancangan yang berkesan dan rancangan yang baik, apa yang saya maksudkan dari segi penyertaan mereka itu sebahagian besarnya mengikut cara yang dijalankan sekarang ini perbadanan ataupun lembaga-lembaga boleh memperuntukan, umpamanya, 49% daripada jumlah ekuiti itu akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan usaha sama. Dan Lembaga hanya dapat membuat penilaian dari segi keluasan tanah itu dan sebahagian daripadanya kepada syarikat ini sebagai ekuiti di dalam syarikat yang tersebut. Dasar ini perlu diteliti dengan mendalam.

Saya berharap pihak Kementerian akan dapat memberikan peluang yang lebih dan penglibatan yang lebih berkesan kepada mana-mana syarikat-syarikat bumiputra yang mempunyai ahli yang banyak untuk turut melibatkan diri di dalam rancangan-rancangan tanah di dalam kawasan Lembaga yang tersebut. Saya juga ingin mencadangkan, Tuan Penggerusi, untuk mungkin mengelakkan sebahagian daripada kawasan tanah-tanah ini dimiliki oleh syarikat-syarikat ataupun orang-orang asing sekiranya dijalankan secara usaha sama supaya pihak Kementerian suatu "working ratio" ataupun satu "ratio" yang dapat diterima sebagai menasabah tentang berapa peratuskah daripada jumlah ekuiti yang boleh dibenarkan kepada syarikat-syarikat asing untuk mengusaha semakan sesuatu rancangan pembangunan tanah. Mungkin kalau dapat diambil kira menasabah tidak lebih daripada 30% sahaja hendaklah ditawarkan kepada syarikat-syarikat tersebut dan mungkin juga di dalam usaha sama ini kita boleh menawarkan kepada mana syarikat-syarikat bumiputra yang mempunyai minat dan keupayaan bersama-sama dengan syarikat tadi sebagai usaha sama menyertai di dalam rancangan yang saya sebutkan tadi.

Adalah tidak wajar dari segi pihak Lembaga hanya menumpukan kepada sesuatu matlamat berdasarkan statistik. Umpamanya, apa yang kita dimaklumkan di peringkat Kerajaan

Negeri Johor sahaja saya diberitahu tidak kurang daripada 50,000 ekar akan dibuka pada tahun 1980 dan mungkin sebahagian besarnya diperuntukan kepada FELDA ataupun Lembaga yang berkenaan.

Jadi untuk mencapai matlamat ini mungkin Lembaga akan menentukan "priority". Adakah soal "priority" itu dari segi perlaksanaan ataupun "priority" itu ditentukan mengikut kemungkinan penglibatan yang lebih daripada kaum bumiputra di dalam soal pembangunan tanah ini.

Saya tidaklah hendak menafikan bahawa di dalam usaha yang sedang dijalankan oleh Lembaga ini memang banyak peluang sudah diberikan kepada bumiputra perseorangan, umpamanya, di dalam rancangan FELCRA ataupun rancangan-rancangan lain yang telah diusahakan oleh Lembaga ini dengan memperuntukan tanah kepada bumiputra, tetapi penglibatan yang lebih dan peluang yang lebih perlulah diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputra.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, mungkin saya tersilap tetapi di dalam kebanyakan hal di mana bumiputra itu diberi peluang untuk mengusahakan tanah di dalam kawasan-kawasan Lembaga, seumpamanya, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dan lembaga-lembaga yang lain, syarikat-syarikat bumiputra ataupun bumiputra perseorangan ini hanya dibenar, diboleh dan digalakkan untuk menanam tanaman yang lain daripada yang lebih menguntungkan. Maksud saya sekiranya kita mengikuti keadaan yang berlaku sekarang ini tanaman getah dan tanaman kelapa sawit adalah tanaman jangka pendek dan jangka panjang yang lebih menguntungkan daripada tanaman-tanaman buah-buahan, tanaman orkid ataupun tanaman-tanaman yang lain. Akan tetapi apa yang saya difahamkan sekiranya ada pihak Lembaga memperuntukkan tanah ini kepada orang-orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat yang tertentu mereka digalakkan menanam lain daripada kelapa sawit dan getah. Soal penanaman kelapa sawit dan getah hanya diberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat asing, mengusahakan sama ataupun yang dijalankan sendiri oleh Lembaga. Jadi dasar dan perkara ini juga perlu diteliti sama ada cara ini akan dapat membantu

mempercepatkan penyertaan bumiputra di dalam soal perladangan ini ataupun ini hanya akan melambatkan dan mungkin dalam usaha-usaha yang dijalankan mereka akan menghadapi banyak masalah dan oleh sebab itu pada akhirnya tidak mendatangkan keuntungan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, inilah sahaja pandangan saya dan saya berharap pihak Kementerian akan dapat meninjau kembali syarikat-syarikat usaha sama yang sedang dijalankan sekarang ini sama ada mendatangkan faedah yang lebih ataupun mungkin ada cara-cara yang lain yang lebih menasabah ataupun lebih sesuai dijalankan mengikut keadaan yang berlaku sekarang ini.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, mengenai penubuhan anak-anak syarikat di bawah Lembaga. Kita berharap apa yang telah berlaku di bawah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri tidak akan berlaku di dalam Lembaga Kemajuan Tanah sebab apa yang saya diberitahu di bawah Lembaga Kemajuan Tanah juga, Perbadanan diperingkat Lembaga ini banyak juga menuju anak-anak syarikat dan anak-anak syarikat ini semuanya banyak berasaskan pertanian. Dan kita berharap pihak Kementerian mungkin dengan cara yang lebih berkesan akan dapat menilai sesebuah projek yang hendak dijalankan oleh pihak Lembaga itu sama ada dia dapat menguntungkan ataupun sebaliknya.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya sekali lagi menyokong di atas peruntukan yang dimohon oleh Kementerian ini.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.39 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa di bawah peruntukan Aturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan

ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputus, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa di bawah peruntukan Aturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 66 (Jadual)—

Maksud P. 66 (Anggaran Pembangunan (Tambah) (Bil. 3), 1979—

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.43 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentuh satu perkara sahaja iaitu P. 66, Butiran (Projek) 15—Lembaga Kemajuan Tanah Negeri: (i) Kelantan.

Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah memberi peruntukan pinjaman sebanyak \$1,975,780 untuk Kerajaan Negeri Kelantan bagi membolehkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan melaksanakan program pemulihan segera rancangan-rancangan Kemajuan Tanah Negeri.

Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkeraan setakat ini apakah rancangan-rancangan yang telah

dibuat memandangkan bahawa sebanyak \$1,975,780 ini tidaklah begitu besar, mungkin ini merupakan hanya sebahagian daripada peruntukan yang sebenarnya, mungkin peruntukan yang lain itu adalah datang daripada kantung Kerajaan Negeri sendiri. Kerana saya memandangkan, kalau sekiranya kita hendak memulihkan rancangan-rancangan tanah yang telah dijayakan di bawah Rancangan Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LKTN) ini yang berjumlah 27 rancangan itu tentulah memerlukan kewangan yang banyak.

Saya hendak bertanya, apakah yang dapat dibuat dengan sebanyak wang \$1,975,780 kerana untuk membangunkan ataupun hendak memulihkan semula tanah-tanah yang terbiar ataupun rancangan-rancangan tanah banyak terbiar itu mungkin memerlukan wang yang banyak. Jadi, itulah sebabnya, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri yang berkeraan.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.45 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusuf: Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab pandangan Yang Berhormat dari Tanah Merah iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Negeri yang diberi pinjaman lebih daripada satu juta ringgit. Pinjaman ini adalah dipohon oleh Lembaga itu untuk membaiki tanah-tanah yang telah dibuka dan sungguhpun kita sedar iaitu kalau hendak membaiki semua keluasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tentulah banyak lagi pinjaman atau bantuan dikehendaki. Setakat ini dikehendaki cuma setakat itu sahajalah, boleh jadi pada tahun ini ia akan menambahkan lagi dengan sebab tertentu boleh jadi dengan kemampuan untuk menjalankan kerja-kerja, had itulah yang dapat kita pinjamkan.

Yang Berhormat dari Pagoh telah memberi teguran perkara yang saya rasa amat membina khasnya berkeraan dengan FELCRA. Sebenarnya, projek perintis In Situ Development ini ada tiga yang telah dijalankan sekarang iaitu Jelatak Batu di Kelantan, satu di Kampung Kok, Langkawi, dan satu di Ulu Berang di Trengganu; bukan

dua sebagai pilot projek dan setakat ini nampaknya kemajuannya amat menggalakkan dan kita sedang memerhati atas kemajuan yang tercapai dan selepas kita meneliti perkara ini maka kita akan perluaskan banyak lagi rancangan in situ di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Perkara yang penting bagi FELCRA untuk memajukan kampung-kampung traditional yang ketinggalan untuk disatukan semula dan dimajukan berkehendak beberapa faktor yang pentingnya kadang-kadang kita memakan masa berbulan-bulan memujuk tiap-tiap tuan tanah itu bersetuju menyerahkan segala grant dan tanah itu kepada FELCRA. Itu yang pertamanya. Kalau ada sebilangan kecil tidak bersetuju maka tidak jadi, kerana tanah itu apabila diserahkan balik akan disatukan semuanya. Yang kedua, ada dekat tanah itu tanah Kerajaan yang cukup luas supaya ditambahkan pada tanah mereka itu maka baharulah tuan-tuan tanah yang secara traditional itu sanggup menyerahkan tanah-tanahnya yang kebanyakannya di bawah daripada 5 ekar dan ditambah oleh Kerajaan lagi seorang 5 ekar dan akhirnya dia dapat rumah sebuah, kampung, tiap-tiap seorang 5 ekar dan akhirnya dia dapat rumah sebuah, kampung, tiap-tiap seorang 10 ekar dan ditanam semula semuanya, perbelanjaan cukup tinggi perkara ini. Fasal itu saya kata bukan semua kampung traditional dapat dibuat In Situ Development tetapi kalau ada misalnya tanah-tanah Kerajaan dekat bolehlah dijalankan.

Yang Berhormat telah mencadangkan ada sebuah kampung, macam di Pagoh kawasannya, dan saya harap boleh menulis kepada saya atau FELCRA, kita akan siasat perkara ini dan kalau sekiranya dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan juga mendapat tanah daripada Kerajaan Negeri dan dipersetujui oleh tiap-tiap seorang tuan tanah itu maka insya Allah kita akan jalankan.

Teguran berkenaan dengan Lembaga, suka saya menerangkan di sini semenjak saya memegang teraju atau mengambil alih Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, belum lagi dalam ingatan saya, kita meluluskan mana-mana tanah dalam Kerajaan Wilayah untuk berkongsi

dengan syarikat yang bukan bumiputra, cuma di Pahang ada satu—itu diluluskan sebelum saya memegang teraju ini. Di Johor tidak ada kawasan-kawasan tanah dalam KEJORA misalnya walaupun di Trengganu, walaupun di Kelantan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan juga Lembaga itu untuk berkongsi dengan satu syarikat lain untuk membuka estet itu. Tanah-tanah yang kebanyakannya dalam Kemajuan Wilayah semuanya ialah pertamanya diberi kepada FELDA dengan persetujuan Kerajaan Negeri untuk dibuka kerana mereka yang tidak ada tanah yang 2 ekar ke bawah. Saya telah bercakap beberapa kali iaitu tanah kita tidak banyak lagi untuk dibuka oleh mereka yang tidak ada tanah. Maka adalah prinsip pertama sekali kalau ada tanah luar kalau kita betul-betul hendak menolong rakyat kita yang miskin hendaklah Kerajaan Negeri mengeluarkan tanah itu bukan kepada syarikat bumiputra yang dua, tiga orang tetapi FELDA supaya ahli-ahli FELDA, orang-orang yang tidak ada tanah atau 2 ekar ke bawah kelak akan mempunyai tanah sekurang-kurangnya 10 ekar seorang. Itu yang pertama sekali.

Yang keduanya, dasar Kementerian saya ialah mengeluarkan tanah kepada syarikat kerjasama, khasnya bumiputra yang ahlinya, kalau boleh beribu orang atau beratus orang diberi satu keluasan supaya tiap-tiap ahli itu boleh membuka estet itu lebih kurang dapat 10 ekar tetapi dengan cara syarikat kerjasama. Jadi, dengan cara itu ramai rakyat yang miskin dapat faedah daripadanya.

Yang ketiga, kita luluskan kepada Tabung Haji, Syarikat Perwira dan juga diberi kepada SEDC dan setengah-setengah estet dibuka oleh Lembaga sendiri.

Kita belum lagi memberi tanah berluasan kepada syarikat bumiputra, kerana kita hendak tengok berapa orang ahli syarikat bumiputra itu, kalau ahli syarikat cuma 20 orang, kalau kita beri misalnya, 5,000 ekar estet untuk mengkayakan 5 orang atau 20 orang bumiputra sahaja tetapi kalau kita beri 5,000 ekar kepada FELDA atau FELCRA, Rancangan Belia FELCRA beratus orang akan dapat seorang 10 ekar. Itulah dasar Kerajaan untuk membasmi kemiskinan

Tetapi sungguhpun begitu, saya telah mengarahkan seberapa yang boleh ada kawasan-kawasan yang kecil di bawah 500 ekar misalnya boleh diberi kepada bumiputra berkongsian atau syarikat bumiputra untuk menjalankan sama ada perseorangan atau empat, lima orang 100 ekar, 200 ekar sebagai gentlemen farmer menanam koko, buah-buahan dan lain-lain. Itu sudah kita jalankan dan ada dasarnya dijalankan oleh KEJORA dan juga oleh Lembaga DARA di Trengganu dan di Kelantan. Seberapa yang boleh kita tidak lagi akan mengeluarkan—Kerajaan Negeri telah bersetuju—tanah besar-besaran kepada siapa juga pun kerana kita mengutamakan mereka yang tidak ada tanah, tetapi ini tidak bermakna bumiputra yang berminat, khasnya kalau ada mereka yang lulus daripada Universiti Pertanian yang hendak jadi gentlemen farmer, sanggup tidak bekerja dengan Kerajaan tetapi sanggup membuka tanah 200 ekar, 300 ekar kita akan berikan kepada mereka itu secara ekonomik untuk memberi keuntungan dan kekal dijalankan.

Saya memikirkan perkara ini kerana kalaularah kita berikan, katakanlah syarikat bumiputra tanah 10,000 ekar, siapa yang bekerja itu, saya hendak bertanya di sini. Jangkanya bumiputra dan bukan bumiputra. Apa jadi pekerja itu? Dahulu orang kata labourers, sekarang orang kata kuli—maafkan saya, atau pekerja ladang. Sekarang saya telah arahkan kalau boleh estet-estet SEDC (Perbadanan Ekonomi Kemajuan Negeri) sekalipun dan juga tanah-tanah yang dibuka oleh Lembaga hendaklah mengeluarkan saham-saham itu kepada pekerja-pekerjanya sendiri supaya akhirnya pekerja-pekerja di ladang-ladang yang dibuka oleh lembaga-lembaga ini akan mempunyai hak dalam tanahnya selain daripada mendapat rumah masing-masing yang kita tubuhkan dalam bandar.

Saya fikir mengikut priority sungguhpun Yang Berhormat telah mengemukakan perkara ini, yang akhir sekali baru diberikan tanah luas-luasan kepada syarikat bumiputra dalam Kemajuan Wilayah sebab tujuan kita yang utama sekali ialah untuk membasmikan kemiskinan dan memberi peluang mereka yang tak ada tanah ataupun pekerja dalam ladang itu mempunyai hak tanah atau dengan

cara tanah sendiri atau dengan cara sahamnya. Tetapi walau bagaimanapun, kita akan menimbangkan perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tetapi tidaklah secara besar-besaran kerana pada pendapat saya dalam 10 tahun lagi tidak ada lagi tanah luas-luasan dalam Semenanjung Malaysia ini yang akan dapat kita buka lagi dengan secara estet atau secara FELDA. Kalau adapun ialah kata orang tanah-tanah perca di sana-sini, kebanyakannya di bawah 1,000 ekar sahaja..

Tentang mempelbagaikan tanaman, saya sangat bersetuju dan masa ini boleh dikatakan tiap-tiap kawasan wilayah itu MARDI ada menjalankan penyelidikan tanaman-tanaman lain, misalnya getah, kelapa dan koko supaya kalau dapat kemajuan dan hasil yang baik kita akan bukakan kawasan tanah untuk mempelbagaikan tanaman lain daripada tanaman yang biasa, ialah koko, getah dan kelapa sawit supaya boleh menolong ekonomi kita pada masa akan datang sekiranya primary product ini atau getah, kelapa sawit tidak ada harga misalnya kalau ada berlaku pada masa akan datang.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat jawabkan dan saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada dua Ahli Yang Berhormat atas teguran dan pandangan mereka itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,056,543 untuk Maksud B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$38,172,992 untuk Maksud P. 66 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambah) (Bil. 3), 1979.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada

\$219,547,830 diperuntukan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1979, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 Tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979) telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan;

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$219,547,830 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1979, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek)

seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 Tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak kumpulanwang \$219,547,830 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1979, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 Tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturusan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (17hb Oktober, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua dahulu Yang Berhormat Menteri telah mula mengemukakan sebelum Dewan membincangkan Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Ucapan Belanjawan 1980. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Menteri meneruskan ucapannya.

5.58 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta Bagi Mengadakan Peruntukan Mengenai Penubuhan Dan Pengawalan Taman Negara Dan Mengenai Perkara-perkara Berkaitan Dengannya" dibaca untuk kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan bagi mengadakan satu perundangan untuk menubuhkan dan mengawal Taman-taman Negara kepada semua negeri-negeri melainkan negeri-negeri Sabah dan Sarawak serta kawasan Taman Negara yang wujud pada masa ini.

Taman Negara yang wujud sekarang telah ditubuhkan di bawah Enakmen-enakmen negeri iaitu:

Enakmen Taman Negara Kelantan Bil. 14
Tahun 1938

Enakmen Taman Negara Pahang Bil. 2
Tahun 1939

Enakmen Taman Negara Trengganu Bil. 6
Tahun Hijrah 1358

Tujuan menubuhkan Taman-taman Negara adalah dihuraikan dengan jelas di bawah Fasal 4 Rang Undang-undang iaitu untuk memelihara dan memperlindungi hidupan-hidupan liar dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kajibumi, kaji purba, sejarah dan ethnology dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan pemandangan, dan melalui pemeliharaan dan penggunaan untuk memajukan pendidikan, kesihatan, keindahan alam semulajadi dan rekreasi orang ramai.

Semua Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh Malaysia melainkan Sabah dan Sarawak telah dihubungi untuk penerimaan Rang Undang-undang ini yang mana pandangan-pandangan dari Kerajaan-kerajaan Negeri telah diambil kira dalam penggubalan Rang Undang-undang ini.

Di negara kita perbezaan iklim, topografi, geologi, tanah-tanah, wilayah-wilayah dan

pengaruh-pengaruh manusia sendiri menyebabkan negara ini mempunyai berbagai jenis sistem hutan, contohnya hutan-hutan di Barat Laut Semenanjung Malaysia yang mempunyai unsur-unsur tumbuhan negara-negara Thai dan Burma adalah berbeza dengan yang terdapat di Tenggara Semenanjung Malaysia yang mempunyai unsur-unsur kepulauan Borneo. Hutan-hutan di negeri-negeri Sabah dan Sarawak juga berbeza dalam kandungannya dari hutan-hutan di Semenanjung Malaysia.

Taman Negara yang terdapat sekarang yang telah saya sebutkan sebentar tadi sungguhpun luas tetapi tidak dapat memelihara berbagai jenis tumbuhan dan kehidupan liar yang berbeza-beza yang terdapat di negara kita. Bagi menjamin supaya sistem-sistem ekologi yang berbagai ini dapat dipelihara secara berkesan, kajian-kajian telah dibuat untuk menyediakan asas-asas bagi penubuhan satu sistem Taman-taman Negara, rezab-rezab alam semulajadi dan kawasan-kawasan perlindungan hidupan liar. Ciri-ciri rupa bumi Malaysia yang menggambarkan keindahan aslinya yang akan dipelihara bagi tujuan pendidikan, kesihatan dan nilai keindahan alam semulajadi serta rekreasi untuk rakyat masa kini serta untuk jenerasi-jenerasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sesebuah Taman Negara adalah diasaskan mengikut kaedah-kaedah atau cara-cara kita menguruskan sumber-sumber alam semulajadi negara kita. Adalah sampai masanya satu perundangan diwujudkan bagi menentukan kawasan-kawasan yang sesuai dapat dipelihara berdasas kepada perlaksanaan pembangunan di bawah rancangan-rancangan pembangunan negara sejak merdeka. Pada masa ini negara kita boleh dikatakan mempunyai lebih kurang 50% daripada kawasan tanah yang masih lagi dalam keadaan semulajadi, tetapi dari setahun ke setahun kawasan-kawasan ini diperlukan untuk dimajukan bagi faedah rakyat sama ada melalui pembalakan atau perlombongan atau untuk kemajuan tanah bagi pertanian. Soalannya adalah sama ada kawasan-kawasan itu diutamakan untuk keuntungan ekonomi sahaja tanpa memikirkan apa akan terjadi kepada keadaan alam sekelilingnya.

Seperti yang telah saya nyatakan dalam keadaan arus pembangunan negara yang begitu pesat, saya tidak nafikan yang sebahagian dari keadaan semula jadi kita terpaksa dimusnahkan bagi mendapat hasil yang diperlukan. Namun demikian, adalah perlu untuk kita memelihara dan memperlindungi kawasan-kawasan yang tertentu di seluruh negara bagi memastikan yang sumber alam semula jadi yang berbeza-beza itu akan wujud selama-lamanya. Caranya adalah dengan mengadakan perimbangan yang praktik dalam penggunaan sumber asli negara ini secara pengurusan yang 'pragmatic'. Ianya akan dilaksanakan di bawah perundangan khas ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melaksanakan undang-undang ini, bukanlah bermakna yang Kerajaan tidak dapat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya dari segi mengeksplotasikan sumber-sumber alam semula jadi ini tetapi perlaksanaannya akan berdasar kepada kepentingan serta keutamaan dari segi penggunaan (utilization) dalam perancangan yang lebih mendalam dan berpanjangan "long-term".

Di akhir-akhir ini pernah berlaku peristiwa-peristiwa yang mana tanam-tanaman, harta-benda, dan adakalanya nyawa terancam oleh hidupan liar seperti gajah, harimau dan lain-lain. Ini disebabkan oleh kerana alam semula jadi yang mana habitat hidupan liar itu telah tergugat disebabkan oleh pembukaan tanah dan perlombongan serta pembalakan. Oleh kerana kawasan-kawasan habitat hidupan liar itu menjadi sempit, maka tiada jalan lain bagi hidupan liar dalam kawasan yang berkenaan mengancam keselamatan, harta-benda dan nyawa rakyat. Kementerian saya telah banyak memusnahkan hidupan-hidupan liar seperti gajah dan harimau bagi memastikan yang rakyat tidak kerugian. Selain dari itu, beberapa program juga telah diadakan seperti memindahkan gajah-gajah bagi mengelakkan kerosakan di kawasan-kawasan pembangunan tanah yang diusahakan pada masa ini.

Saya mohon menyambung ucapan saya yang telah dimulakan pada petang semalam apabila saya kemukakan Rang Undang-undang Taman Negara. Di dalam ucapan itu

saya telah menegaskan tujuan-tujuan penubuhan Taman-taman Negara. Saya juga membangkitkan peristiwa-peristiwa yang berlaku yang mana tanam-tanaman, harta-benda, dan adakalanya nyawa terancam oleh hidupan liar. Ini berlaku oleh kerana alam semula jadi di mana habitat hidupan liar itu telah tergugat disebabkan oleh pembukaan tanah dan perlombongan serta pembalakan, yang menyempitkan kawasan-kawasan hidupannya. Kementerian saya terpaksa memusnahkan hidupan-hidupan liar seperti gajah dan harimau bagi memastikan rakyat tidak kerugian dan hilang jiwa.

Saya juga telah menerangkan—kawasan hutan belantara di negara ini adalah diperlukan dari segi mendapatkan bahan-bahan benih pertanian dan haiwan. Contohnya, pokok durian, rambutan, langsat yang terdapat di dusun-dusun sekarang adalah berasal dari kawasan hutan. Kawasan hutan semula jadi itu merupakan "agricultural genes stock" yang tidak harus kita hapuskan bagi memberi peluang kepada ahli-ahli sains negara untuk menyiasat dan mengkaji bagi mempelbagai dan memperbanyak jenis-jenis buah-buahan yang berfaedah untuk sumber makanan manusia.

Dari aspek nilai keindahan alam semula jadi (estetik) pula, hutan belantara kita adalah di antara yang tertua di dunia yang telah diakui oleh pakar-pakar antarabangsa. Setengah daripada tumbuh-tumbuhan dan kayu-kayan yang berada dalam hutan belantara negara ini berumur lebih daripada 130 juta tahun. Pada masa ini amat sedikit sekali diketahui keadaannya yang perlu diadakan penyiasatan-penyelesaian selanjutnya. Hutan belantara negara ini boleh dikatakan sebagai gedung ilmu yang tidak terhingga yang terbentang luas untuk penyelidikan bagi faedah manusia. Pengekalan hutan-hutan belantara itu dalam keadaan semula jadi di bawah perundangan ini bukan sahaja akan mengekalkan hutan-hutan belantara itu tetapi juga semua peringkat tumbuh-tumbuhan dan hidupan-hidupan liar dalam kawasannya yang mana ahli-ahli sains negara kita sendiri akan mendapat peluang mengkaji khasnya bagi mendapat baka-baka haiwan dan ternakan serta untuk pertanian yang diperlukan.

Dari segi rekreasi dan keindahan alam semulajadi pula, kita memerlukan kawasan-kawasan semulajadi untuk dinikmati oleh rakyat khususnya dengan pembangunan perbandaran dan perindustrian yang berlaku sekarang dan yang akan datang. Rakyat yang hidup di bandar-bandar atau kawasan-kawasan yang telah dimajukan akan memerlukan tempat-tempat rekreasi yang semulajadi ini. Tempat-tempat yang indah yang terdapat di negara ini sebagai suatu kehendak rekreasi. Walaupun pada masa ini dalam peringkat pembangunan negara kita, kemahuan atau kehendak rakyat untuk tempat-tempat rekreasi semulajadi ini belum begitu ketara, tetapi dari pengalaman yang telah dirasai oleh negara-negara maju yang telah memusnahkan alam semulajadi mereka, perkara ini amat dikesali oleh mereka. Oleh itu terpulanglah kepada kita dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan yang pengurusan sumber-sumber alam negara ini diuruskan dengan secara praktik dari segi penggunaan yang optima, pemeliharaan yang sempurna dengan mengadakan perimbangan dalam 'ecosystem' itu. Caranya adalah untuk mengecilkan kekacauan atau kemasuhan dari segi keadaan alam sekeliling serta sumber alam semulajadi ini. Dengan itu adalah perlunya perundungan untuk mengwujud dan mengawal Taman-taman Negara ini diadakan memandang kepada faktor-faktor yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda.

6.17 ptg.

Tuan Mohamed Khir Johari (Kuala Muda): Tuan Yang di-Pertua, jikalau saya tidak silap idea untuk mengadakan Rang Undang-undang Taman Negara ini telah muncul lebih kurang 10—12 tahun dahulu. Tetapi dengan kerana perkara ini melibatkan perundungan yang berpanjangan dengan pihak berkuasa negeri-negeri, maka ia telah mengambil tempoh yang begitu lama. Dengan kerana itu saya sukalah mengambil peluang bagi

mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah berjaya membentangkan Rang Undang-undang yang sepatutnya telah dibentangkan beberapa tahun dahulu.

Taman Negara adalah merupakan satu unsur semulajadi yang selama ini tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Dengan pusaka yang begitu berharga kita haruslah mengawasi supaya hutan kita itu tidak dieksplotasi dengan sewenang-wenangnya seperti mana yang telah berlaku di masa yang sudah-sudah. Tidak syak lagi bahawa di masa-masa akan datang kawasan-kawasan hutan kita yang tidak diusik adalah terdiri daripada kawasan-kawasan yang ada dalam Taman-taman Negara. Kawasan-kawasan ini sudah tentu akan memberi faedah yang amat besar kepada negara dan rakyat dan terutama sekali kepada pencinta-pencinta alam seluruhnya.

Di dalam menyambut Rang Undang-undang ini juga saya sangat sukacita mendengar daripada penerangan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa Rang Undang-undang ini telah mendapat persetujuan daripada semua negeri-negeri di dalam Semenanjung Malaysia. Dan bolehlah saya sifatkan di sini, ini sebagai satu success yang sungguh besar kerana kita semua fahamlah bagaimana susah hendak mendapat persetujuan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Yang kedua, saya suka menyentuh Clause 5 Rang Undang-undang tersebut berkenaan dengan penubuhan Majlis Penasihat Taman Negara. Di bawah Clause 5 (1) (h) berkaitan dengan perlantikan oleh Yang Berhormat Menteri sebanyak 6 orang, saya berharap orang-orang yang akan dilantik itu akan seberapa banyak yang boleh terdiri daripada mereka yang dapat memberi nasihat yang berupa saintifik ataupun teknologi. Nasihat saintifik amatlah perlu jika sekiranya prinsip-prinsip asas penubuhan Taman-taman Negara akan dapat difahami oleh ahli-ahli Majlis yang lain yang tidak berpengalaman saintifik.

Yang ketiga, saya merujukkan kepada Clause 9 yang membenarkan Pihak berkuasa Negeri dengan persetujuan Menteri memajakkan atau membenarkan pembinaan

jalan, lapanganterbang, empang dan kolam air, hotel atau lain-lain pembinaan dalam kawasan sesuatu Taman Negara.

Di sini saya suka mendapat pengakuan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa segala aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan tadi tidak akan dijalankan melainkan sudah diadakan apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, "environment impact assessment study" ataupun kajian yang mendalam bersangkut dengan "environment impact". Bagi fikiran saya kajian tersebut amatlah mustahak kerana ini akan menepati perenggan akhir seksyen 664 Rancangan Malaysia Ketiga yang berbunyi:

"Matlamat akhir Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri ialah untuk menentukan setakat yang boleh supaya aktiviti-aktiviti manusia adalah seimbang dengan kehendak alam sekitar di sekelilingnya. Untuk mencapai maksud-maksud ini Kerajaan menyedari di atas perlunya menseimbangkan matlamat untuk mencapai kemajuan ekonomi dan sosial di suatu pihak dengan mustahaknya memelihara keadaan alam sekitar dengan cara menjalankan environment impact studies secara tetap yang boleh membawa kepada perseimbangan antara kedua".

Dengan ini, saya dengan penuh sukacitanya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Parit.

6.25 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Taman Negara tahun 1979. Dalam pada itu saya suka hendak memberi beberapa pandangan saya mengenai perkara ini.

Taman Negara sepatutnya diperluaskan lagi ke seluruh negara kerana banyak daripada rakyat kita di negara ini masih tiada tahu di mana letaknya Taman Negara. Dengan adanya Rang Undang-undang ini banyak aktiviti dapat dijalankan untuk menarik pelancung dari dalam dan luar negeri untuk melihat hidupan liar yang terdapat di negara kita yang mempunyai banyak hidupan liar.

Fasal 7 Rang Undang-undang ini memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Taman Negara. Jawatankuasa ini akan dilantik oleh Menteri yang berkenaan yang termasuk secara otomatis Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi dan lain-lain. Dalam perlantikan ini adalah diharapkan agar pihak Menteri yang berkenaan jangan melantik ahli-ahli ini daripada golongan orang kenamaan sahaja di negeri-negeri itu ataupun Kerajaan Pusat.

Fasal 4 pula menguntukkan atau memberikan tujuan Rang Undang-undang ini dikemukakan. Binatang-binatang liar memang banyak jenisnya di negara kita ini. Dengan adanya Rang Undang-undang ini dapatlah dikawal, dipelihara dan dibiakkan dengan rapi oleh pihak Ketua Pengarah Taman Negara di tiap-tiap negeri atau Kerajaan Pusat.

Dalam banyak-banyak jenis hidupan liar ini, banyak yang telah luput atau payah hendak dilihat lagi di muka bumi negara kita ini seperti harimau, badak yang ada beberapa jenis, gajah, tapir dan lain-lain.

Fasal 4 juga memperuntukkan pemeliharaan tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kaji bumi. Setahu saya ada banyak jenis orkid yang tumbuh liar di hutan belantara, yang cantik-cantik yang kita tidak pernah lihat. Ini juga patut dikaji dan dipamirkan agar peminat-peminat orkid di seluruh dunia amnya dan di negara ini khasnya akan dapat membelinya. Ini juga akan dapat menambah sumbangan pendapatan negara kita.

Dalam memelihara hidupan-hidupan liar Pejabat Mergastua (Game Wardens) hendaklah memberikan kerjasama yang erat kepada Ketua Pengarah Taman Negara dalam memelihara hidupan liar kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya pembinaan seperti jalan, empang, kolam air, hotel, rumah rihat dan rumah kediaman bagi pekerja-pekerja hendaklah dilaksanakan sebelum kawasan yang dicadangkan menjadi Taman Negara ini dijadikan kawasan melombong atau kawasan mencarigali bijih kerana kalau dibiarkan perkara ini berlaku

Taman Negara yang dimaksudkan akan menjadi Taman Bunga pula. Oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan Negeri masing-masing supaya jangan meluluskan lesen mencarigali atau mengorek bijih di kawasan yang berkenaan. Oleh itu saya suka mengesyorkan di Dewan yang mulia ini agar Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan jangan terlalu mementingkan hasil bumi seperti logam, emas, bijih timah dan lain-lain di kawasan yang berkenaan.

Dalam perenggan 10 (2) iaitu mengenai perkara pengendalian Taman Negara ini saya rasa eloklah didirikan Pejabat-pejabat Kerajaan seperti Pejabat Game Warden, Pejabat Hutan di kawasan tersebut untuk mengelakkan daripada berlakunya pemburuan secara haram dan penebangan pokok yang tertentu yang kini banyak berlaku di Taman Negara, Pahang.

Selain daripada itu patut diperluaskan iklan mengenai Taman Negara di dalam dan di luar negeri. Pada hari ini rakyat Malaysia lebih mengenali Templer Park dari mana-mana Taman Negara kerana banyak kemudahan diperolehi di sana, lagi pun berhampiran dengan jalan utama Persekutuan.

Di dalam negara kita hari ini, sepanjang yang saya tahu belum ada lagi Taman Negara yang lengkap dengan hidupan liar atau merin. Negara kita ini dikelilingi oleh air dan banyak tempat yang sesuai untuk dijadikan Taman Negara iaitu marine area seperti Pulau Pangkor atau sepanjang Selat Melaka dan di Pantai Timur di mana terdapat banyak jenis karang, siput yang berwarna warni, ikan dan juga penyu yang berbagai-bagai jenis. Saya juga banyak menyimpan bermacam jenis siput, karang yang terdapat daripada Pantai Timur. Ini bermakna Taman Negara bukan sahaja boleh diadakan di darat sahaja bahkan di laut pun boleh. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Teluk Anson.

6.30 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Rang Undang-undang Taman Negara, 1979 saya

ingin memberi sedikit sebanyak komen tentang Rang Undang-undang ini.

Adalah kena pada masanya bagi Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini kerana semasa negara kita menjalankan berbagai pembangunan dengan hebatnya kita akan menghadapi bahaya bahawa kita akan kehilangan ataupun merupakan hidupan liar, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kaji bumi, kaji purba, sejarah dan lain-lain.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah amat baik tetapi saya ragu-ragu matlamat-matlamat Rang Undang-undang ini tidak dapat dicapai kerana Rang Undang-undang ini mempunyai beberapa kelemahan (loopholes).

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperusik Jawatankuasa*)

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10(2) membenarkan Kerajaan Negeri di bawah kedudukan-kedudukan tertentu mencarigali dan melombong mana-mana bahagian kawasan yang telah diwartakan sebagai Taman Negara. Ini adalah suatu escape clause yang mungkin akan digunakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengeluarkan lesen-lesen mencarigali dan perlombongan dan tujuan mengadakan Taman Negara tidak akan dapat dicapai.

Fasal 3 pula mengatakan Pihakberkuasa Negeri boleh di atas permintaan Menteri menyimpan mana-mana tanah Negeri bagi maksud suatu Taman Negara, tetapi tidak disebut apa akan terjadi jika Pihakberkuasa Negeri tidak mahu bersetuju atau tidak mahu mendengar cadangan Menteri itu. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan-Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri boleh melambatkan perlaksanaan cadangan Menteri itu atau kawasan itu hanya diserahkan selepas sumber-sumber asli habis dipergunakan atau alam sekeliling semula jadinya telah hancur sama sekali.

Fasal 9 pula memperuntukkan Pihakberkuasa Negeri boleh memajak dan membenarkan pembinaan dan penyenggaraan jalan, lapangan terbang, empang dan kolam air dan lain-lain. Adalah tidak disebut pihak mana akan membiayai

perbelanjaan pembinaan-pembinaan itu. Jika pihak Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab atas pembinaan-pembinaan itu, bolehkah Kerajaan Pusat mendapat balik (recoup) perbelanjaan-perbelanjaan itu daripada keuntungan yang diperolehi dari perlombongan yang dibenarkan di bawah Fasal 10 (2) itu?

Fasal 7 (3) menyatakan jawatankuasa hendaklah bertindak mengikut arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Taman Negara. Tetapi tidak disebut di manapun apakah tindakan boleh diambil dan apakah denda boleh dikenakan jika jawatankuasa itu tidak mematuhi arahan-arahan Majlis Penasihat itu.

Oleh yang demikian adalah amat mustahak dan perlu bagi Kerajaan-kerajaan Negeri memahami dan bersetuju dengan Rang Undang-undang ini yang akan menjadi Akta kelak. Kerajaan-kerajaan Negeri haruslah bekerjasama serta bertindak selaras dengan tujuan penubuhan Taman-taman Negara. Tanpa kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri itu, nilai Rang Undang-undang ini adalah kurang daripada harga kertas yang mencitak Rang Undang-undang ini.

Saya berkata demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana terdapat bukti-bukti yang menunjukkan Kerajaan-kerajaan Negeri tidak selalunya mengikut dasar-dasar Kerajaan Persekutuan. Kerajaan-kerajaan Negeri kerap kali tidak memahami atau tidak mempedulikan dasar-dasar Kerajaan Pusat. Misalnya, Kerajaan Persekutuan menggalakkan penubuhan industri-industri yang berdasarkan pertanian (agro-based industry) di kawasan-kawasan luar bandar tetapi Kerajaan-kerajaan Negeri kadang-kadang meletakkan berbagai halangan yang tidak menggalakkan pelaburan itu.

Di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga, muka surat 265 Jadual 11 (3) pula ada disebutkan kawasan Endau/Rompin dirancang sebagai salah sebuah Taman Negara tetapi Pihakberkuasa Negeri pula telah mengeluarkan lesen-lesen untuk perusahaan pembalakan.

Oleh yang demikian, saya sangat berharap Kerajaan-kerajaan Negeri akan menyedari

betapa pentingnya mengadakan Taman-taman Negara itu dan mempunyai semangat yang sama untuk menjayakan Rang Undang-undang ini. Saya berharap juga Kerajaan Persekutuan akan mendapat kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mencapai objektif yang dikehendaki itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, saya ingin memberi sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Taman Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Yang pertama saya suka mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-undang Taman Negara oleh kerana saya menganggap bahawa ini ialah satu tindakan ataupun satu langkah yang telah kita nanti begitu lamanya. Saya ingin menyatakan di sini bahawa apa yang mustahak untuk menjayakan perlaksanaan Rang Undang-undang ini ialah untuk menentukan bahawa ahli-ahli yang dilantik untuk menjadi ahli-ahli Majlis Penasihat itu patutlah dianggotai oleh wakil-wakil yang benar-benar mempunyai kelayakan kepakaran scientific tentang hal ehwal alam sekitar dan juga taman.

Dalam aspek ini saya menyokong apa yang telah dibentangkan oleh Wakil dari Kuala Muda bahawa pihak Kerajaan patutlah menentukan bahawa hanya mereka yang benar-benar layak dilantik untuk menjadi ahli-ahli Majlis Penasihat supaya mereka dapat memainkan satu peranan yang penting dalam memberi nasihat kepada pihak Kerajaan tentang perjalanan Rang Undang-undang ini.

Di samping itu saya ingin juga mengesyorkan bahawa di antara wakil-wakil yang akan dilantik untuk menjadi ahli-ahli Majlis Penasihat ini pihak Kementerian boleh memberi pertimbangan untuk melantik seorang wakil daripada Persatuan Pelindung Alam Sekitar supaya wakil itu akan berpeluang memberikan sumbangan yang bermakna terhadap Majlis ini.

Akhirnya, saya suka mengesyorkan bahawa pihak pelaksanaan patut sentiasa mengawasi perjalanan Rang Undang-undang ini dan jika terdapat apa-apa kelemahan, pihak pelaksana patutlah mengemukakan syor-syor melalui pindaan yang sesuai terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.38 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sahaja mengenai Rang Undang-undang ini.

Pertama sekali saya ingin mengalu-alukan Rang Undang-undang ini iaitu dengan bertujuan sebagaimana yang disebutkan dalam Fasal 4 iaitu untuk memelihara dan memperlindungi hidupan liar, hidupan tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Dalam hal ini saya ingin mengalu-alukan apatah lagi mengingatkan bahawa di negara kita ini dua buah taman rimba yang paling dikenali iaitu Taman Rimba Templer dan Taman Negara di Pahang, Trengganu dan Kelantan.

Saya mengalu-alukan juga kerana setakat yang saya tahu beberapa tahun yang lepas Taman Rimba Templer yang luasnya kira-kira 2,960 ekar itu telah diselenggarakan dengan secara voluntary oleh pihak-pihak yang tertentu dan mungkin dengan adanya Rang Undang-undang ini maka Taman Rimba Templer ini diselenggarakan dan juga akan dijaga oleh pihak Kerajaan sendiri di bawah Rang Undang-undang yang akan diluluskan ini nanti.

Tuan Pengurus, satu perkara yang saya hendak sentuh di sini ialah dalam Fasal 4, tujuan yang saya sebutkan tadi ada menyebutkan iaitu untuk memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi orang ramai. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri memberi keterangan yang lebih lanjut apakah yang dimaksudkan dengan "rekreasi". Adakah rekreasi ini yang bermaksud sport ataupun yang termaksud di dalam kemungkinan-kemungkinan pemburuan dibenarkan sekali-sekali di dalam kawasan-kawasan Taman Negara yang akan kita tubuhkan ini. Kalau ini ada kemungkinan

ini maksudnya, maka siang-siang lagi saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya hakikat ini kita hentikan kerana saya dapat kalau kita hendak membenarkan jauh sekali daripada menggalakkan sebarang pemburuan atau penangkapan hidupan liar di dalam kawasan-kawasan Taman Negara ini maka sudah tentu tujuan asal kita menubuhkan Taman Negara ini telah hilang sama sekali.

Saya menyebut perkara ini kerana saya sayang akan kehidupan liar di negara ini kerana sehingga beberapa tahun yang lepas kita dapat dari masa ke semasa keadaan kehidupan liar dan tumbuh-tumbuhan di negara ini semakin lama semakin pupus. Misalnya di dalam Taman Negara sahaja sehingga beberapa tahun lepas daripada kawasan seluas 1,677 batu persegi, bilangan gajah-gajah yang dikesan tidak sampai 100 ekor, bilangan seladang yang dikesan mungkin lebih kurang daripada itu, bilangan badak sumbu sumatra (Sumatran rhino) mungkin setakat 5, Tapir walau bagaimanapun masih banyak lagi, begitulah juga rusa, harimau dan sebagainya. Tetapi kalau kita membenarkan sebarang pemburuan ataupun sport rekreasi dalam bentuk pemburuan ini maka binatang-binatang ini juga akan luput. Begitu juga saya dapat di dalam Taman Rimba Templer (Templer Park) sehingga mengikut laporan beberapa tahun yang lepas kita dapat banyak sekali jenis-jenis burung-burung yang didapati di dalam kawasan ini sekurang-kurangnya terdapat 120 jenis daripada sebanyak 600 yang dapat dikesan di dalam seluruh Semenanjung Malaysia ini. Dan begitu juga jenis serangga yang begitu banyak, bahkan kita dapat kalau tidak silap saya daripada 900 jenis kupu-kupu yang didapati ada terdapat sejenis kupu-kupu yang bernama "Rajah Brooke's Birdwing" yang diiktiraf sebagai salah satu yang paling cantik di dunia.

Saya bersyukur kerana saya dapat faham bahawa kupu-kupu ini dilindungi (protected) setakat hari ini. Apa yang mengkhawatirkan saya ialah dalam segi pemburuan atau memburu kupu-kupu ataupun memburu binatang-binatang kecil yang lain-lain kadang-kadang bukan sahaja kupu-kupu yang lain diburu bahkan "Rajah Brooke's Birdwing" ini

mungkin terkena buru dan orang yang memburu atau orang yang hendak menangkap kupu-kupu yang lain dari segi penyelidikan mungkin pada awalnya tidak berhajat hendak menangkap jenis kupu-kupu ini tetapi kesan atau akibat daripada environment penangkapan itu sudah tentu akan membawa kesan yang tidak baik kepada jenis kupu-kupu ini. Maka sudah tentulah akan menimbulkan masalah penghijrahannya kupu-kupu ini dari satu tempat ke satu tempat.

Perkara yang keduanya saya rasa mungkin soal menangkap ikan di dalam sungai-sungai di mana terletaknya Taman-taman Negara yang kita maksudkan ini hendaklah dihadkan atau seboleh-bolehnya kita hapuskan langsung, ataupun kalau perlu sangat kita tentukan waktu yang tertentu sahaja.

Dalam hal ini saya mintalah supaya amalan menuba ikan di sebarang sungai diharamkan kerana menuba ikan, bukan sahaja menentukan ikan-ikan tertentu yang luput, lopus atau mati bahkan seluruh baka ikan itu mungkin mati. Saya sedar bahawa kebanyakan sungai-sungai di negara kita ini Kerajaan telahpun mengharamkan daripada menuba ikan. Di Taman Negara perkara ini saya harap benar-benar diperhatikan.

Satu perkara lagi mengenai dengan rekreasi juga. Rekreasi nilai estetik atau kesihatan mungkin kita dapat dari masa ke semasa pihak yang bertanggungjawab mengenai Taman Negara ini akan memberi lesen kepada orang-orang yang tertentu untuk melihat-lihat binatang liar atau bird watching. Saya meminta supaya pemberian lesen ini hendaklah benar-benar diawasi kerana bukan setakat usaha-usaha hendak melihat atau hendak memerhati binatang-binatang liar itu sahaja terhadap burung atau binatang-binatang berkenaan sahaja tetapi ini juga boleh menakutkan kepada binatang-binatang yang lain.

Satu perkara lagi saya mintalah supaya pihak Taman Negara terutama sekali Kementerian ini benar-benar bersungguh-sungguh supaya apabila timbul conflict of interests, di antara pihak-pihak tertentu maka hendaklah usaha-usaha yang berkesan kalau perlu 'high-powered Committee' diadakan supaya kepentingan Taman Negara ini

hendaklah diataskan daripada kepentingan-kepentingan perlombongan, kepentingan membalak umpamanya atau kepentingan-kepentingan yang lain. Kita akan merasa keciwa kalau sekiranya Bukit Takun di Taman Rimba Templer yang hanya berhampiran lebih kurang sebelas batu dari bandar Kuala Lumpur itu kalau dijadikan sebagai quarry, sebagai contohnya. Walau bagaimanapun dalam hal ini saya pernah terdengar, iaitu dalam dua tiga tahun yang lepas ada orang mempersoalkan apabila kepentingan manusia berhadapan dengan kepentingan hidupan liar maka kepentingan manusia adalah lebih mengatas daripada kepentingan hidupan liar.

Dalam hal ini mungkin kita dapat mengatakan kalau hendak dipilih di antara kepentingan manusia daripada kepentingan hidupan liar, binatang-binatang atau serangga sudah tentu kepentingan manusia diperlukan. Tetapi dalam satu aspek yang lain, kita memelihara binatang-binatang atau pun kita memelihara tumbuh-tumbuhan yang asli di negara ini dengan secara tidak langsung kita adalah menolong manusia sendiri. Dalam ertikata seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi mungkin bahan-bahan ubat-ubatan, mungkin bahan-bahan penyelidikan, mungkin juga dari segi hendak mencari ubat-ubatan yang tertentu terpaksa digunakan binatang-binatang yang tertentu dari masa ke semasa sebagaimana orang menggunakan 'guinea pig' untuk mencari atau menemui ubat-ubatan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, hidupan-hidupan liar sama ada binatang ataupun pokok-pokok dan sebagainya yang kita dapat di dalam Taman-taman Negara kita pada hari ini hendaklah dilindungi dengan apa cara sekalipun untuk generasi kita masa depan. Tanpa ragu-ragu lagi ianya akan lenyap sekiranya kita membenarkan pemusnahan keadaan alam semulajadi yang didiami oleh hidupan liar atau binatang-binatang tersebut. Ini saya maksudkan ialah supaya kita tentukan bahawa Taman Rimba Templer yang hanya seluas 2,960 ekar ataupun lebih kurang 3,4 batu persegi itu hendaklah benar-benar disimpan kerana saya khuatir, kerana keadaan kedudukan Taman Rimba Templer ini adalah terlalu dekat dengan Bandaraya

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mungkin satu hari keadaan ini akan dihimpit sedikit demi sedikit kalaupun tidak kerana pembangunan-pembangunan dari segi perlombongan atau pembalakan tetapi mungkin dari segi pembangunan-pembangunan fisikal yang lain.

Saya rasa negara ini masih lagi mempunyai ruang dan tanah yang luas untuk dibina dan dibangunkan dari segi pembinaan fisikal yang lain daripada kita menyentuh berapa ratus atau ribu ekar Taman-taman Negara di mana akan menjadi tempat rekreasi dalam erti kata tempat rihat atau tempat bermain bagi jenerasi kita yang akan datang. Maka dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Panti.

6.51 ptg.

Tuan Yusof bin Majim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sahaja berhubung dengan Rang Undang-undang Taman Negara yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Saya tidak mahu menyentuh clause demi clause, cuma saya ingin memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu di antara beberapa jenis binatang-binatang liar yang tidak ujud di negara lain hanya ujud di Tenggara Asia khususnya di Malaysia iaitu seperti Orang Hutan. Orang Hutan ini memang tidak ada di negeri luar dan hari ini saya difahamkan banyak badan-badan dunia luar terutamanya scientist-scientist yang cuba datang mencuri-curi orang hutan ini di hutan-hutan Sabah dan Sarawak yang berhampiran dengan Borneo. Tempat tinggal asal Orang Hutan ini ialah terdapat banyak di Borneo dengan sebab ada kajian-kajian sains dijalankan kepada Orang-orang Hutan ini. Jadi begitu interest sekali terutama orang-orang barat ingin mengetahui lebih lanjut. Bila kita tengok tujuan Rang Undang-undang ini diujudkan maka bagaimana kita mengadakan umpamanya MAJUTERNAK. MAJUTERNAK hari ini dapat membaikkan binatang dengan kepandaian dan dengan cara saintifik. Saya harap pihak Kementerian ini nanti akan mengadakan yunit-yunit

pembiasaan, kalau boleh dijadikan umpamanya orang hutan itu dicari jalan supaya membiak sebab sekarang hampir tidak ada lagi.

Yang kedua satu jenis binatang yang terdapat di Indonesia dan tidak ada di negeri luar dan saya percaya di Malaysia pun tidak ada iaitu "Biawak Komodor". Ini menarik perhatian dunia luar sebab tidak ada di dalam dunia ini hanya satu tempat sahaja iaitu Indonesia. Dan saya difahamkan pernah satu masa dihadiahkan oleh pihak kerajaan Indonesia kepada Zoo Negara sepasang, tetapi difahamkan sudah mati. Oleh kerana ini jenis binatang yang ganjil sekali di dalam dunia, saya berharap pihak Kementerian ini dapat berhubung dengan kerajaan Indonesia supaya dapat dibeli beberapa ekor kemudian dibiak di Taman Negara kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tujuan Taman Negara ini bukan sahaja di daratan, di dalam hutan, bahkan termasuk juga lautan. Pada hari ini kita lihat pelancung-pelancung apabila pergi ke Amerika Syarikat atau mereka yang ingin ke Amerika Syarikat, mereka tidak berhenti-henti membualkan atau menceritakan kisah bagaimana orang-orang Amerika dapat menjinakkan ikan jenis ikan Lumba-lumba dan dijadikan pertunjukan (show) kepada pelancung-pelancung. Pertunjukan ini juga menarik pelancung-pelancung untuk datang ke California umpamanya untuk menengok bagaimana latihan dijalankan sehingga ikan-ikan lumba-lumba ini dapat diberi pelajaran dan mengikut latihan yang dilatih oleh jurulatihnya. Sungguh menakjubkan. Dan kalau perkara ini dapat diadakan di Amerika Syarikat maka saya percaya tidak mustahil pantai-pantai kita yang begitu indah dan banyak, sama ada di Malaysia Timur ataupun di Malaysia Barat, pihak Kementerian patut menghantar satu rombongan khusus untuk mengkaji atau mempelajari di Amerika Syarikat bagaimana cara mereka mendidik ikan ini supaya dapat dijadikan bahan tuntunan kepada pelancung-pelancung sama ada pelancung-pelancung luar negeri dan lebih-lebih lagi pelancung-pelancung dalam negeri sendiri. Saya harap pihak Kementerian akan dapat mengusahakan ini dalam jangka masa yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak menyentuh panjang dan dengan ini, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.56 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak ucapkan ribuan terima kasih atas sokongan yang diberi kepada Rang Undang-undang ini oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda, Parit, Teluk Anson, Kuala Lumpur Bandar, Tanah Merah dan Panti yang mana telah memberi banyak teguran-teguran, pandangan-pandangan serta cadangan-cadangan yang membina. Semua syor-syor dan cadangan-cadangan ini akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Berhubung dengan perhatian yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda berkenaan dengan Fasal 5—Majlis Penasihat, perhatian akan diberi kepada cadangan Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan perlantikan ahli-ahli Majlis dan ahli-ahli sains seperti ahli-ahli Kajibumi, Kaji Manusia, Kaji Purba dan lain-lain akan dilantik. Ini sebenarnya memang disebutkan di dalam fasal yang asal. Tetapi kerana kita hendak longgarkan supaya Ahli-ahli seperti ini akan boleh juga meliputi, seperti Yang Berhormat dari Kuala Muda sendiri yang berminat untuk kehidupan liar sungguhpun bukan seorang ahli sains boleh juga dilantik. Jadi Menteri tidak terikat kepada seseorang yang berminat atas kehidupan liar yang tidak boleh dilantik kerana dia tidak ada iktiraf saintifik. Kerana itulah kita tidak pastikan dalam fasal itu ahli-ahli yang patut dilantik. Dalam fasal yang asalnya memang ada kita sebutkan, seorang ahli Kajibumi, seorang ahli Kaji Manusia dan sebagainya yang mana patut dilantik.

Kita tidak mahu terikat supaya kita dapat meluaskan perlantikan ahli-ahli penasihat itu kepada ahli-ahli sains sahaja, tetapi jika tidak ada, seperti taraf saintifik juga boleh dilantik. Itulah sebabnya kita tidak tentukan ahli-ahli yang patut dilantik di dalam Majlis Penasihat itu.

Berkenaan dengan Fasal 9 Environmental Impact Assessment akan dijalankan bagi kawasan-kawasan yang dicadangkan untuk dieksplotasikan oleh Kerajaan Negeri bagi kawasan dalam mana-mana Taman Negara. Kita akan menghalusi kerana fasal itu menentukan Kerajaan Negeri boleh mengekspolitisikan kawasan-kawasan itu dengan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab. Jadi, selagi saya menjadi Menteri, saya bolehlah memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat saya tidak akan sewenang-wenangnya memberi persetujuan saya sendiri untuk kawasan-kawasan reserve diekspolitisikan oleh mana-mana pihak tanpa mengkaji "Environmental Impact Assessment".

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit atas sokongannya mengenai kepentingan Taman Negara. Syor-syor Yang Berhormat itu berkenaan dengan Fasal 4 dan 7 akan diambil perhatian oleh Kementerian saya iaitu mengenai perlantikan pegawai dari Kerajaan Negeri dan juga mengenai jenis-jenis hidupan liar seperti gajah, badak, harimau dan sebagainya. Tidak ketinggalan syor Ahli Yang Berhormat mengenai pengurusan Taman Negara juga akan diberi perhatian. Berkenaan dengan marine reserve, perkara ini akan diwujudkan bersama dengan jenis-jenis kawasan yang lain.

Ahli yang Berhormat dari Telok Anson telah menyebutkan beberapa kelemahan dalam Rang Undang-undang ini. Beliau telah mengatakan bahawa matlamat mungkin tidak dapat dicapai sebab banyak loophole dalam undang-undang ini. Ini saya akui, tetapi sebenarnya jika kita tidak bertolak ansur dalam penggubalan undang-undang ini barangkali undang-undang ini tidak dapat dibawa ke Dewan pada hari ini. Seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda tadi, Rang Undang-undang ini telah digubal lebih 10 tahun dahulu jadi sampai sekarang ini baharu kita berjaya membawa ke Dewan ini dengan semangat tolak ansur daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, maka kita telah mencapai matlamat dengan Rang Undang-undang ini dapat dibawa kepada Dewan pada hari ini.

Berkenaan dengan permohonan mencarigali, perkara ini akan dikaji dengan teliti iaitu memberi pertimbangan bagi menentukan yang usaha-usaha ini tidak akan merosakkan kawasan Taman Negara.

Berhubung dengan cadangan beliau berkenaan dengan Fasal 9 dan 10 ini akan diambil perhatian semasa pelaksanaan undang-undang ini. Perhubungan dengan Kerajaan Negeri, ini akan diadakan dengan lebih rapat dan dijangka tidak akan mendatangkan masalah. Berhubung Fasal 5 pelantikan Ahli-ahli Majlis, ini akan diambil perhatian supaya ahli-ahli yang akan dilantik adalah ahli-ahli pakar yang boleh memberi sumbangan yang berfaedah.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah membawa beberapa teguran berkenaan nilai estetik dan rekreasi. Huraianya adalah untuk menentukan rakyat dapat menikmati alam semula jadi dalam keadaan semulajadi. Beliau telah minta keterangan mengenai apa ertinya 'rekreasi' itu. Rekreasi itu bukanlah untuk pemburuan. Saya suka hendak menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu bahawa pada masa sekarang jabatan yang bertanggungjawab itu tidak lagi digelarkan sebagai Jabatan Mergastua kerana mergastua ini ertinya sebagai pengeluar lesen pemburuan sahaja. Pada masa sekarang ini nama jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Pelindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara (PERHILITAN) bukan Jabatan Mergastua lagi. Jadi ini sudah memberikan penjelasan bahawa rekreasi itu bukan untuk pemburuan. Sebenarnya ini untuk kita mendapatkan kawasan-kawasan Taman Negara supaya dapat menikmati apa-apa yang ada dalam Taman Negara itu seperti binatang-binatang yang disebutkan tadi iaitu kupu-kupu, orkid dan lain-lainnya. Ikan-ikan dalam sungai juga dilindungi seperti binatang-binatang dalam Taman Negara dan dilarang memancing melainkan mendapat kebenaran daripada pegawai yang bertanggungjawab di Taman Negara itu.

Saya juga mengucapkan terima kasih atas sokongan Ahli Yang Berhormat dari Panti mengenai kepentingan Taman Negara. Orang Utan adalah sejenis hidupan liar yang terancam dan segala usaha sedang diambil untuk memelihara jenis tersebut termasuk

membuat Orang Utan dalam kurungan. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih atas perhatian beliau itu iaitu sejenis biawak yang beliau sebutkan tadi. Apa yang telah beliau cadangkan tadi akan diambil perhatian.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANGTARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.13 *mlm.*

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Timbangtara 1952 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pusat Timbangtara Perdagangan dan Penyelarasian Antarabangsa bagi Rantau Asia di Kuala Lumpur telahpun ditubuhkan pada 1hb April, 1978. Pusat ini telah ditubuhkan di bawah naungan Jawatankuasa Perunding Undang-undang Asia-Afrika (Asian-African Legal Consultative Committee) dengan persetujuan dan sokongan penuh dari Kerajaan Malaysia.

Pada 17hb Oktober, 1979 pusat ini telah dibuka dengan rasmi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri. Semenjak itu pusat ini telahpun bertugas dengan secara rasmi sebagai satu Institusi Antarabangsa bagi rantau Asia dan Pasifik.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Di antara tugas-tugas yang dijalankan oleh pusat ini ialah:

- (a) untuk menggalakkan timbangtara perniagaan antarabangsa di rantau ini;
- (b) untuk menyelaras dan membantu aktiviti-aktiviti Institusi Timbangtara yang ada sekarang, terutama sekali antara institusi-institusi di rantau ini;
- (c) untuk memberi bantuan dalam menjalankan timbangtara-timbangtara *ad hoc*, terutama sekali timbangtara yang diadakan di bawah kaedah-kaedah timbangtara Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan Undang-undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL);
- (d) untuk membantu dalam menguatkuaskan award-award timbangtara; dan
- (e) untuk mengadakan timbangtara di bawah anjuran pusat itu di mana wajar.

Selain dari menjalankan tugas-tugas tersebut, pusat ini juga menjalankan tugas-tugas di bawah "Convention on the Settlement of Investment Disputes, 1965".

Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur ini ialah suatu badan antarabangsa yang perlu bertugas dengan bebas. Kebebasan menjalankan segala tugas-tugasnya adalah satu faktor yang amat penting. Kaedah-kaedah yang digunakan di pusat ini bagi satu-satu timbangtara perdagangan ialah kaedah-kaedahnya sendiri, kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan Undang-undang Perdagangan Antarabangsa, 1936 (United Nations Convention on International Trade Law—(UNCITRAL)) dan kaedah-kaedah di bawah "Convention on the Settlement of Investment Disputes, 1965". Pusat ini adalah

mempunyai kemudahan-kemudahan sendiri termasuk senarai nama-nama penimbangtara (panel of arbitrators) yang terdiri dari peguam-peguam yang ternama dari rantau Asia dan Pasifik dan juga dari Eropah dan Amerika.

Pada masa ini pusat ini tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya mengadakan timbangtara-timbangtara perdagangan antarabangsa dengan secara bebas oleh kerana ada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Timbangtara, 1952 kita yang boleh mengganggu kebebasannya.

Oleh itu, demi untuk menjayakan Pusat Timbangtara Serantau di Kuala Lumpur ini sebagai satu Institusi Antarabangsa yang bebas, maka amatlah wajar Akta tersebut dipinda untuk mengecualikan timbangtara-timbangtara perdagangan antarabangsa dan timbangtara-timbangtara berkenaan pelaburan dari peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ditambah seksyen 34 dalam Akta Timbangtara, 1952 itu maka peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta tersebut dan juga dalam Undang-undang yang lain tidak akan boleh digunakan berhubung dengan satu-satu timbangtara yang diadakan di bawah "Convention on the Settlement of Investment Disputes, 1965," Kaedah-kaedah Timbangtara Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu, 1976 (UNCITRAL Rules); ataupun kaedah-kaedah Pusat Timbangtara Serantau di Kuala Lumpur ini.

Seksyen baru ini juga mengandungi peruntukan, iaitu award-award timbangtara yang diadakan mengikut Convention dan kaedah-kaedah yang tersebut di perenggan 13, yang akan dikuatkuasakan di Malaysia, hendaklah mengikut peraturan seperti yang terkandung dalam Convention tersebut ataupun "Convention on the Recognition and Enforcement of Foreign Arbitral Awards, 1958" di mana sesuai. Perlu dinyatakan di sini bahawa seksyen ini juga adalah memenuhi kehendak-kehendak yang terkandung dalam "Convention on the Settlement of Investment Disputes, 1965" di mana Malaysia adalah menjadi satu pihak kepadanya semenjak tahun 1966.

Malaysia adalah berasa bangga oleh kerana Kuala Lumpur telah dipilih sebagai tempat Pusat Timbangtara bagi Rantau Asia dan Pasifik. Oleh kerana pusat ini memberi kemudahan-kemudahan berkenaan dengan penyelesaian pertikaian-pertikaian perdagangan dan pelaburan maka saya percaya ini akan menambah lagi kepercayaan pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbangtara, 1952 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tidak ada Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan ini, saya kemukakan bagi diputuskan bawha Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN MAKANAN DAN DADAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.20 m.lm.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya

memohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk satu Akta untuk meminda Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ordinan ini bertujuan untuk mengawal penjualan makanan dan ubat-ubatan dan meskipun kebanyakannya perbekalan-perbekalan di dalam undang-undang adalah berkaitan dengan makanan dan ubat-ubatan, Ordinan ini tidak digunakan seluasnya dalam kawalan ubat-ubatan setakat ini.

Pada masa sekarang di bawah seksyen 28 (1) (i), peraturan-peraturan hanya boleh dibuat bagi mencegah penjualan, iklan untuk jualan dan pengimporan sebarang makanan atau ubat-ubatan dan juga menubuhkan satu badan atau pihak berkuasa untuk tujuan ini.

Pindaan yang dicadangkan terhadap seksyen 28 (1) (i) adalah untuk membenarkan kawalan berkenaan dengan pengilangan, penjualan, iklan untuk jualan, pembekalan, pengimporan dan pengeksportan sebarang makanan atau ubat-ubatan dan menubuhkan satu badan atau pihak berkuasa bagi maksud ini.

Pada masa hadapan peraturan akan diadakan yang bertujuan untuk mengawal pengilangan, penjualan, iklan-iklan untuk jualan, pembekalan, pengimporan dan pengeksportan semua ubat-ubatan oleh satu sistem pendaftaran ubatan-ubatan di bawah Pihakberkuasa Kawalan. Tugas-tugas pihak berkuasa ini adalah diselenggarakan oleh kaitangan dan kemudahan-kemudahan dari Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan yang ditubuhkan baru-baru ini oleh Kementerian Kesihatan. Semua ubat-ubatan yang diimport atau dibuat di dalam negara mesti diperiksa (vetted) oleh Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan untuk menentukan mustajab dan keselamatannya sebelum didaftarkan oleh Pihak-berkuasa Kawalan. Hanya ubat-ubatan yang telah didaftarkan boleh diimport, eksport atau dijualkan.

Dengan itu Kementerian Kesihatan akan mempunyai satu cara yang berkesan bagi mencegah penjualan ubat-ubatan yang tidak bermutu dan yang boleh memberi kesan-kesan yang buruk kepada kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang yang bertajuk Akta Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) 1979 supaya diluluskan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tidak ada Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan ini, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputus, dan di setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengaruhi
Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG RACUN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.26 mlm.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk satu Akta untuk meminda Ordinan Racun, 1952 dibaca kali yang kedua sekarang.

Ordinan Racun adalah satu ordinan yang bertujuan untuk mengawal pengimportan, pemilikan, pengilangan, pembancuan,

penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan racun.

Dari pengalaman yang diperolehi daripada tambahan aktiviti penguatkuasaan pada dua tahun yang lepas, adalah didapati perlu dibuat pindaan bagi membolehkan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Cadangan pindaan-pindaan kepada sek-syen-seksyen 2, 22, 26, 27 dan 29 adalah bertujuan:

- (a) Mengadakan satu nama yang sesuai untuk Pegawai Penguatkuasa Ahli Farmasi yang dilantik di bawah Ordinan;
- (b) menjadikan Pengarah Perkhidmatan Farmasi seorang Pegawai Pelesenan di bawah Ordinan;
- (c) memberi Pegawai-pegawai Penguatkuasa Ahli Farmasi yang tersebut di atas kuasa untuk menyiasat kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Ordinan dengan sempurna;
- (d) menambah penalti-penalti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Ordinan dan menjadikan pengarah atau pegawai badan bersekutu boleh didakwa bersama dengan badan bersekutu itu dan juga menjadikan mereka bertanggungjawab apabila badan bersekutu dihukum salah kecuali mereka boleh membuktikan sebaliknya;
- (e) memberi Pegawai-pegawai Penguatkuasa Ahli Farmasi yang tersebut di (a) kuasa untuk mendakwa kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan.

Nama baru yang diberikan kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa Ahli Farmasi ialah "Drug Enforcement Officer". Oleh kerana Ahli Farmasi adalah pakar dalam bidang ubat-ubatan, nama baru ini adalah sesuai bagi Ahli Farmasi yang berkenaan.

Pengarah Perkhidmatan Farinasi dijadikan seorang Pegawai Perlesenan bagi menyelaraskan pengeluaran lesen-lesen di seluruh negara pada masa hadapan.

Pada masa sekarang, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Ahli Farmasi hanya diberi kuasa untuk memasuki dan memeriksa

premis-premis dan mengambil contoh bahan-bahan yang disyaki mengandungi racun. Jikalau Pegawai-pegawai Penguatkuasa yang tersebut di atas ingin merampas semua bahan-bahan yang disyaki mengandungi racun, mereka sendiri tidak boleh membuat sedemikian. Mereka terpaksa mendapatkan kerjasama daripada pihak polis kerana waran pemeriksaan hanya boleh dikeluarkan oleh Majistret atas nama pihak polis sahaja sebagaimana yang dikehendaki untuk merampas semua bahan-bahan yang disyaki mengandungi racun dan apabila terdapat halangan, memecah sebarang pintu premis-premis dan sebarang almari, peti, dan lain-lain. Cadangan-cadangan pindaan untuk memberi Pegawai Penguatkuasa Ahli Farmasi lebih kuasa untuk menyiasat kesalahan-kesalahan akan membolehkan mereka memasuki dan memeriksa premis-premis, (tanpa waran daripada Majistret) merampas semua bahan-bahan yang disyaki mengandungi racun dan mengambil kenyataan daripada orang yang disyaki melakukan kesalahan. Pendek kata cadangan pindaan akan memberi kepada Pegawai Penguatkuasa Ahli Farmasi kuasa yang serupa dengan kuasa pihak Polis kecuali kuasa untuk menangkap orang.

Pindaan bagi menambah penalti-penalti bagi kesalahan-kesalahan dibuat memandangkan kepada kenaikan belanja hidup dan sebagai penghalang daripada berlakunya kesalahan-kesalahan ini. Juga pindaan untuk menjadikan pengarah atau pegawai badan bersekutu boleh didakwa bersama dengan badan bersekutu dihukum salah kecuali mereka membuktikan sebaliknya bertujuan memudahkan pendakwaan pengarah-pengarah dan/atau pegawai-pegawai itu.

Pindaan untuk memberi Pegawai Penguatkuasa Ahli Farmasi kuasa untuk mendakwa kesalahan-kesalahan dibuat kerana pegawai-pegawai ini dikehendaki mengambil alih daripada pihak Polis dengan sepenuhnya tanggungjawab pendakwaan kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan Racun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Racun, 1952 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

7.30 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya pindaan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan.

Saya berpendapat racun itu adalah satu bahan yang sungguh-sungguh berbahaya kepada manusia, tanaman dan makhluk-makhluk yang lain. Dengan sebab itu, kawalan untuk menjaga racun janganlah terkena kepada orang atau pun kepada benda yang kita tidak mahu musnah akibat racun adalah amat perlu kerana racun ini, walaupun racun boleh membunuh manusia, binatang, tanaman dan sebagainya tetapi kita tak dapat menafikan yang kita kadang-kadang berkehendak kepada racun, kadang-kadang dengan meracunkan satu-satu benda yang tak berguna itu adalah satu menafaat kepada kita, tetapi salahguna racun itulah yang sangat membimbangkan setiap orang khasnya kepada Kementerian ini. Dengan sebab itu, saya mencadangkan di sini sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi khasnya barang-barang yang diimport daripada negara-negara jiran itu patutlah dikawal dengan rapi. Sebelum racun-racun itu masuk ke negara kita hendaklah kita periksa dengan teliti sejauh mana racun itu boleh dipakai dalam jangka masa yang tertentu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kita ada kuasa dengan tak payah diperiksa tempat-tempat yang disyaki sebagaimana yang dimaklumkan. Saya berharap pemeriksaan mengejut ini patut diadakan selalu dan setiap masa jangan kita kata ada masa dan ketika tertentu sahaja boleh diperiksa. Pemeriksaan itu biarlah selalu diadakan kerana apa yang saya maksudkan kadang-kadang pihak yang berkenaan juga kalaulah masa-masa tertentu

dia tahu ada orang hendak datang periksa dia, dia ada menyimpan racun, maka dia akan sembunyikan ke tempat lain. Bukan setakat racun sedangkan dadah pun banyak orang yang hendak ditangkap tak dapat, kerana disembunyikan oleh pihak yang berkenaan. Jadi kalaulah ada pemeriksaan mengejut, ini lebih berkesan lagi, biarlah pemeriksaan ini yang tak boleh dikesan atau tak dapat diketahui dahulu oleh pihak yang menggunakan racun-racun atau pihak yang dinyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga kadang-kadang pihak pekedai-pekedai itu menjualkan barang-barang sebelum mendapat lesen daripada Kementerian berkenaan. Jadi kalaulah perkara ini berlaku, saya berharap tindakan yang sewajarnya patut diambil terhadap pihak yang berkenaan. Dan kita dapat juga orang ini kadang-kadang dalam makanan disalahgunakan, dimasukkan racun. Sebab itulah kadang-kadang kita biasa dapat seseorang yang termakan racun dalam makanan. Contohnya ada satu keluarga tiga orang yang dinyatakan dalam akhbar pada satu ketika tersalah makan ataupun termakan makanan yang sepatutnya makanan itu untuk mengenyangkan atau menyihatkan badan tetapi oleh sebab makanan itu mengandungi racun, maka orang yang makan untuk menyihatkan badan itu jadi mati pula. Saya berharap tiap-tiap ubat itu patut dikawali dengan rapi oleh Kementerian yang berkenaan. Jadi janganlah ada dalam makanan itu ditaruh racun walaupun tak secara langsung, macam makanan-makanan yang lama kelamaan walaupun tak sekali melarap dan sekali gus tetapi lama kelamaan ada kesan racun itu. Jadi saya berharap kalau ada makanan yang begini, patutlah diawasi oleh Kementerian yang berkenaan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana salahguna racun itu selalu berlaku khasnya kepada tanaman-tanaman dan binatang-binatang selain daripada manusia, macam yang kita bincangkan dalam Rang Undang-undang Taman Negara tadi, ada disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan saya bersetuju bukan sahaja sekadar binatang liar atas darat pun kita hendak pelihara bahkan binatang dalam air khasnya ikan-ikan patut juga kita pelihara.

Jadi kedapatan banyak ikan-ikan yang diracun oleh setengah orang oleh kerana hendak mendapatkan ikan, kadang-kadang yang kita sedih, kalaulah diracun dia dapat diambil dan boleh dimakan, itu kita tak sedih sangat, tetapi saya percaya bila racun itu meresap betul-betul ke dalam daging ikan, ikan itu tak boleh dimakan lagi. Yang menyedihkan lagi dua segi, pertama ikan yang patut dipelihara sebagai bahan Taman Negara untuk ditengok oleh kita itu atau dimakan untuk masa yang akan datang, dan air sungai itu atau kolam tempat yang diracun tadi telah bau busuk dan sebagainya. Jadi masalah ketiga dan keempat juga banyak menjadi bahaya kepada kita, bahaya ikan yang patut dimakan itu mati tak boleh dimakan, kalau dimakan harus membawa akibat buruk dan kalau tak dimakan pun tempat itu akan berbau busuk, membabitkan Kementerian Sains dan Teknologi. Dan dua-tiga segi keburukan disebabkan oleh salahguna racun yang tidak dikawal tadi.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, atas apa yang telah dibincangkan oleh Menteri yang berkenaan, saya dengan sepenuhnya menyokong dan diharaplah undang-undang ini dapatlah dijalankan betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.36 *mlm.*

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terutama sekali saya tujuhan penghargaan dan terima kasih saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang telah memberikan sokongan dengan begitu hebat terhadap Rang Undang-undang ini. Memanglah menjadi hasrat dan tujuan Kementerian ini untuk mengawal bukan sahaja ubat-ubat bahkan juga makanan yang dimakan oleh rakyat di negara ini. Oleh sebab itu kita dapat bahawa dari masa ke semasa kita terpaksa mengubah undang-undang supaya dapat kita menjalankan satu kawalan yang lebih ketat.

Ahli Yang Berhormat tadi telah meminta supaya barang-barang yang diimport dikawal terutama sekali daripada segi kecemasan atau mengandungi racun. Ini memang sentiasa dibuat bahkan kalau Ahli

Yang Berhormat ingat tadi dalam ucapansaya ada menyatakan tujuan kita meminda undang-undang ini supaya dapat kita mengemas dan memperketatkan lagi kawalan kita terhadap perkara ini.

Selain daripada itu Kementerian Kesihatan juga kalau tidak dapat bertindak sebab kekurangan peruntukan undang-undang juga telah menggunakan cara-cara administrative atau dengan cara pentadbiran. Kita mengkaji (screen) borang-borang yang digunakan oleh pengimport-pengimport di Jabatan Kastam supaya kita dapat tahu benda-benda yang diimport oleh pihak pengimport.

Mengenai permintaan beliau supaya pemeriksaan mengejut selalu dibuat dan tindakan diambil terhadap kedai-kedai dan tempat-tempat yang menjual ubat-ubat, ini memang sentiasa kita buat bahkan dengan adanya kita mempunyai Enforcement Officers sepenuh masa kita telah dapat memperbanyakkan lagi surprise check atau pemeriksaan mengejut kita di beberapa buah kedai di seluruh negara. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1975 kita telah dapat menyerbu dalam 55 buah kedai yang tak berlesen dan tahun 1976 26 buah kedai, dalam tahun 1977 meningkat kepada 134 buah kedai dan tahun 1978 serbuan itu meningkat kepada 164 dan tahun 1979 sehingga 30hb November, meningkat kepada 243 serbuan. Dan saya rasa tak perlulah saya jelaskan butir-butirnya. Ini menggambarkan aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk menjaminkan dengan sedaya yang boleh supaya kita terselamat daripada racun-racun dan bahan-bahan yang tidak dikehendaki. Begitu juga dalam masalah kawalan makanan memang sentiasa dijaga oleh pihak kementerian ini sama ada daripada segi racun ataupun bacterial contaminationnya. Inspector Kesihatan pergi memeriksa, mengambil sample di beberapa buah tempat dan kedai-kedai makanan dan di kilang-kilang yang mengeluarkan makanan.

Dalam hubungan ini saya sukalah mengambil kesempatan untuk menyeru kepada orang ramai, pihak Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Wakil Rakyat, pihak yang berkenaan dan juga Persatuan Ibubapa dan Guru-guru supaya dapat memberi kerjasama dengan pihak Kementerian untuk mengawal dan menentukan supaya barang-barang

makanan itu tidak tercemar, terutama sekali makanan-makanan di kantin-kantin sekolah.

Saya rasa Persatuan Ibubapa dan Guru-guru boleh memain peranan penting untuk menentukan bahawa makanan-makanan itu bukan sahaja tidak mengandungi racun-racun atau kuman ataupun contamination yang tidak dikehendaki bahkan juga menentukan mutu makanan yang dijual di kedai-kedai atau di kantin-kantin sekolah ini mempunyai zat-zat makanan yang benar-benar berguna. Begitu juga, pihak mass media boleh memainkan peranan yang amat penting dalam menyebarkan facts yang betul supaya memberi pelajaran kepada rakyat di negara kita ini.

Sekian, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH DAN SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.43 *mlm.*

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan) 1979 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang bertajuk Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan) 1979 yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 17A(3), Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah (Cap. 156) dan Seksyen 19B(3), Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak (Cap. 90). Tujuan pindaan-pindaan itu ialah untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pengurusan Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah dan Lembaga Pengurusan Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak membayar bonos kepada pencarum-pencarum yang menarik diri dari kumpulanwang masing-masing dari wang lebihan Kumpulanwang yang berkenaan, jika ada wang lebihan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, berikut dengan pengenalan Pencen Terbitan dalam Skim Pencen Kakitangan Kerajaan dalam tahun 1970 Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menggulung semua Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim yang ada di negara ini. Untuk tujuan ini undang-undang bertajuk Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) 1974 dan Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) 1974 telah diluluskan oleh Parlimen yang mana telah memperuntukkan bahawa tiap-tiap pencarum hendaklah membuat opsyen memilih sama ada hendak terus atau berhenti dari menjadi pencarum kepada kumpulanwang pencen yang berkenaan itu, dan seterusnya kepada tiap-tiap mereka yang membuat opsyen berhenti dari menjadi pencarum hendaklah dibayar balik semua jumlah wang caruman yang telah dibuatnya bersama bunga berganda pada kadar $2\frac{1}{2}$ setahun.

Berikut dari opsyen yang telah ditawarkan bilangan pencarum yang telah menarik diri adalah seperti berikut:

- (a) Bagi Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah; dari jumlah ahli seramai 4,631 orang, seramai 4,389 orang telah menarik diri termasuk 63 orang pencarum pegawai dagang;
- (b) Bagi Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak, dari jumlah ahli seramai 8,416 orang seramai 8,031

orang telah menarik diri termasuk 77 orang pegawai dagang.

Kepada semua mereka yang menarik diri itu telah dibayar balik semua caruman yang telah dibuat masing-masing bersama bunga berganda pada kadar $2\frac{1}{2}\%$ setahun sejaitnya yang diperuntukkan dalam undang-undang yang saya nyatakan itu. Sementara itu Kerajaan telah juga bersetuju untuk membayar bonos kepada pencarum-pencarum yang menarik diri jika ada wang lebihan Kumpulanwang-kumpulanwang Pencen itu setelah ditolak perbelanjaan membayar balik caruman dan bunga yang dinyatakan itu dan setelah diambil kira kos pentadbiran Kumpulanwang itu serta perbelanjaan bagi memenuhi tanggungan-tanggungan pencen yang sedang dan akan dibayar. Bagaimanapun pembayaran bonos ini telah tidak dapat dibuat lebih awal kerana pada masa itu belum dapat dipastikan lagi sama ada Kumpulanwang-kumpulanwang Pencen itu mempunyai wang lebihan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan kewangan Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak pada masa ini telah selesai diperiksa oleh Akcuari Kerajaan dan didapati ada wang lebihan untuk pembayaran bonos kepada pencarum-pencarum yang telah menarik diri itu. Untuk membolehkan Lembaga Pengurusan Kumpulanwang itu membuat pembayaran bonos tersebut maka Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak (Cap. 9) perlulah dipinda sewajarnya. Mengenai Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah pula, kedudukan kewangannya, iaitu sama ada iaanya mempunyai wang lebihan belumlah lagi dapat dipastikan pada ketika ini. Namun demikian pindaan kepada Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah (Cap. 156) bagi membolehkan pembayaran bonos seperti itu perlu juga dibuat sekarang sebagai persediaan iaitu apabila kewangan Kumpulanwang Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah selesai diperiksa dan jika didapati ada wang lebihan maka pembayaran bonos dapatlah dibuat dengan lebih segera tanpa perlu menanti selesainya proses pindaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

12001

11 DISEMBER 1979

12002

Dr bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah dan Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mengambil bahagian dalam perbahasan ini, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang mempergerusikan

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang belum ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.51 malam.